

[DOKUMEN INI BELUM DISEMAK]

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
Isnin, 3 Disember 2001
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PENGUMUMAN TUAN YANG DIPERTUA

Cuti Kepada Ahli - Kebenaran

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu majlis ini iaitu saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri Mesyuarat di Bawah Perkara 22(2) Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Puan Nosimah binti Hashim dari hari 3 Disember sehingga hari 13 Disember 2001.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Haji Karim bin Salleh** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah kerajaan bercadang menjadikan Putrajaya sebagai Ibu Negara Malaysia.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Amat Berhormat Tuan Haji Karim bin Salleh. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan masih belum lagi mempunyai cadangan untuk menjadikan Putrajaya sebagai Ibu Negara Malaysia. Sehingga kini Kuala Lumpur masih lagi menjadi Ibu Negara Malaysia manakala Putrajaya pula akan dikekalkan sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Long Jidin.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, ada sedikit pindaan kepada soalan, Menteri Pengangkutan menyatakan nisbah perbezaan cukai 'jalan'. Soalan saya nombor dua. Terima kasih.

2. **Datuk Long bin Jidin** minta Menteri Pengangkutan menyatakan nisbah perbezaan cukai 'jalan' bagi kenderaan petrol dan diesel. Adakah kerajaan bercadang mengkaji kadar perbezaan tersebut, terutamanya bagi kenderaan persendirian.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Sebenarnya pembetulan ini agak terlambat maka pihak pengangkutan mengambil kira bahawa soalan ini dirujuk kepada Kementerian Kewangan. Namun demikian, Kementerian Pengangkutan pun saya rasa belum hadir. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Datuk - walaupun ini bukan bidang saya - saya cuba.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk, bagi kereta penumpang persendirian berenjin diesel kadarnya adalah empat kali dari kadar kereta penumpang persendirian pada enjin petrol - empat kali ganda Yang Berhormat - manakala bagi kereta diesel milik syarikat pula, kadarnya ialah lapan kali ganda ke atas kereta penumpang persendirian berenjin petrol. Tetapi sekiranya berenjin diesel generasi baru, ataupun apa yang kita kenali sebagai "*green engine*", kadarnya adalah 50% daripada kadar enjin diesel. Ertinya 50% dengan izin, *flat rate*. Ini adalah dalam usaha kita untuk menggalakkan supaya ianya lebih bersifat mesra alam dan tidak berlaku pencemaran. Kerana itulah kita menggalakkan lebih ramai orang membeli diesel generasi baru. Terima kasih, Yang Berhormat.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana kementerian yang menjawab itu kementerian lain, tetapi walau bagaimanapun, saya berbalik kepada soalan asal saya. Sekarang ini kita pasti bahawa empat kali ganda cukai jalan yang dikenakan kepada kenderaan diesel berbanding dengan cukai jalan untuk petrol, sedangkan keadaan minyak diesel digalakkan menggunakan minyak diesel. Kenapa kerajaan tidak hendak menurunkan kadar cukai jalan yang sedia ada? Kemudian sekarang ini dikatakan bahawa digalakkan menggunakan "*green engine*"? Apakah dasar kerajaan sekarang kepada kenderaan yang ada supaya mengenakan semua kenderaan diesel itu dibuat dengan "*green engine*" sahaja supaya keadaan suasana udara kita dalam suasana mesra alam?

Yang keduanya, tentang karbon monoksida per kaki isipadu, berapa banyak sebenarnya keluaran isipadu karbon monoksida yang dikeluarkan oleh enjin diesel berbanding petrol? Begitu juga dengan kenderaan yang menggunakan gas, berapa banyak? Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Yang Berhormat, soalan ini agak panjang dan teknikal. Saya tidak dapat banyak membantu, cuma setakat ini saya dimaklumkan bahawa kerajaan belum bercadang untuk menyelaraskan ataupun untuk mengkaji

semula. Mungkin satu hari nanti, tetapi untuk setakat ini kerajaan belum bercadang untuk mengkaji semula.

Dan soalan seterusnya tadi ialah tentang mengapa tidak digalakkan penggunaan enjin diesel baru? Sekarang ini kerajaan menggalakkan penggunaan enjin diesel generasi baru kerana itulah maka dari segi duti importnya, dari segi cukai jalannya, maka kerajaan meletakkan kadar yang cukup rendah iaitu 50% secara *flat rate* dan ini adalah dalam usaha kerajaan untuk menggalakkan penggunaan diesel generasi baru. Dan sekarang ini saya memaklumkan juga bahawa kebanyakan enjin diesel ini adalah dalam bentuk generasi baru kerana dunia mengakui pentingnya kita wujudkan satu enjin yang bersifat mesra alam dan ini diterima pakai oleh semua negara termasuklah Malaysia bahawa sekarang ini kita menggalakkan bukan sahaja import, malah pembuatan enjin diesel baru dalam usaha kita menjaga kebersihan alam.

Dan soalan yang ketiga, Yang Berhormat, saya tidak mempunyai maklumat dan saya memohon maaf kerana tidak dapat memberikan jawapan untuk soalan tersebut. Terima kasih.

3. Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pengiran Haji Ahmad Raffae minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan Skim Insurans Perubatan secara mutlak kepada rakyat Malaysia melalui dana khas tajaan atau secara perkongsian sumbangan disebabkan kos perubatan di hospital kerajaan lebih-lebih lagi di pihak swasta meningkat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S.G. Sothinathan]:

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan dari Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani pada 4 Disember 2001, dan Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail pada 13 Disember 2001 mengenai isu yang sama.

Kerajaan telah bercadang untuk mewujudkan Skim Insurans Perubatan tetapi belum menentukan modal pembiayaannya. Suka saya memaklumkan bahawa skim insurans ini merupakan usaha kerajaan untuk mempertingkatkan taraf kesihatan dan kualiti hidup penduduk Malaysia serta memajukan lagi sistem kesihatan supaya rakyat dapat menikmati penjagaan kesihatan yang lebih lengkap dan moden dalam abad baru ini. Polisi kerajaan mengenai kesihatan adalah digubal dan dilaksanakan untuk mencapai matlamat ini.

Pada masa ini Kementerian Kesihatan dengan kerjasama pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri sedang berusaha menyediakan Sistem Pembiayaan Kesihatan Kebangsaan yang bersesuaian untuk Malaysia. Skim

insurans ini dirancangkan untuk memberikan manfaat kepada semua rakyat termasuk golongan miskin dan kurang mampu. Kerajaan sedang meneliti dan mengkaji berbagai model pelaksanaan khususnya model di negara-negara maju untuk dijadikan contoh skim insurans kesihatan di Malaysia.

Setelah meneliti, kerajaan akan menentukan bagaimana caranya orang-orang yang miskin dan berpendapatan rendah menyertai skim tersebut. Dalam hal ini, kerajaan sentiasa mengambil berat tentang kebajikan dan kesihatan golongan kurang mampu dan mereka yang miskin tidak akan dipinggirkan. Kementerian Kesihatan juga memang peka dan prihatin terhadap perlunya Skim Pembiayaan Kesihatan Kebangsaan diwujudkan segera memandangkan penjagaan kesihatan kini semakin canggih, kompleks dan kosnya semakin meningkat. Lanjutan daripada itu perkara ini telah diberi penekanan di dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Adalah menjadi dasar kementerian untuk mendapatkan *input* dan pandangan daripada pelbagai pihak termasuk dari sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan dalam penyediaan skim ini. Justeru itu pihak Kementerian Kesihatan Malaysia masih sedang mengkaji berbagai model pembiayaan kesihatan yang bersesuaian untuk Malaysia termasuklah skim insurans, tabung simpanan kesihatan dan sebagainya.

Pada dasarnya, Skim Pembiayaan Kesihatan Kebangsaan tersebut berlandaskan ekuiti dan akses kesaksamaan kualiti dan *efficiency* yang memberikan liputan yang menyeluruh kepada perkhidmatan kesihatan semua golongan rakyat termasuk penduduk dalaman, golongan miskin, orang cacat, warga tua dan sebagainya sejajar dengan Wawasan Kesihatan dan Wawasan 2020. Skim ini memang dicadangkan untuk dilaksanakan dengan tanpa laba, dengan izin, *marked-up profits* dan dikawal oleh pihak kerajaan. Tarikh pelaksanaannya belum ditentukan lagi.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pengiran Haji Ahmad Raffae :

Terima kasih, atas jawapan yang telah disampaikan. Sungguhpun kerajaan belum lagi mempunyai cadangan, tetapi pada 18 Februari 2000, satu kenyataan akhbar yang menyatakan National Insurance Association of Malaysia telah menandatangani satu perjanjian dengan 28 syarikat-syarikat insurans di seluruh negara bergabung dan dinamakan sebagai "Sihat Malaysia" dan konon-kononnya kalau sekiranya mengikuti insurans gabungan ini, rakyat hanya perlu membayar RM0.35 sen sahaja setiap orang sehari. Jadi soalan saya, adakah kerajaan memantau program "Sihat Malaysia" ini dan sejauh mana perkembangannya. Kedua, berapa jumlah sudah rakyat yang melibatkan diri dalam program ini dan seterusnya apa usaha kerajaan - sementara kerajaan belum ada program yang khusus - apa cadangan kerajaan untuk

memastikan bahawa rakyat Malaysia mengikuti program ini dan terlindung secara murah?

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu perjanjian di antara syarikat-syarikat insurans swasta untuk memberi perlindungan kepada rakyat tetapi ini tidak termasuk dalam skim pembiayaan kesihatan yang saya telah sebut tadi. Saya percaya insurans ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan. Jadi memang ianya dipantau oleh Kementerian Kewangan tetapi namun demikian kalau ada aduan-aduan tentang pembayaran tidak meliputi sesuatu penyakit itu, memang kita boleh koordinasikan perkara ini dengan Kementerian Kewangan untuk memastikan bahawa rakyat tidak tertipu. Tetapi ingin saya jelaskan memang ini tidak mempunyai sebarang kaitan dengan apa yang kita cadangkan untuk masa depan. Terima kasih.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan di Sabah bahawa pakar bius yang bertauliah memberikan bius kepada orang-orang yang hendak menjalankan pembedahan. Tetapi ada juga klinik-klinik yang membenarkan bukan pakar bius seperti *nursing assistants* untuk memberikan ubat bius ini kepada orang yang hendak menjalankan pembedahan. Adakah ini dibenarkan oleh Kementerian Kesihatan?

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, memang kalau Yang Berhormat boleh memberi laporan kita boleh mengambil tindakan kerana anaesthetics ini harus dilakukan oleh pakar-pakar bius dan bukan oleh orang biasa. Jadi, saya minta Yang Berhormat supaya memberikan maklumat dan kita boleh meminta pegawai kesihatan kita untuk menyiasat dan mengambil tindakan segera.

4. **Puan Chew Poh Thoi** minta Menteri Pengangkutan menyatakan masalah yang dihadapi oleh Pelangi Air sehingga juruterbang enggan bekerja.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar siaran berita yang mendakwa bahawa Juruterbang Pelangi Air enggan bekerja. Kalau keadaan yang telah dilaporkan oleh akhbar bahawa juruterbang tidak datang bertugas adalah sebenarnya berpunca daripada kerja-kerja membaik pulih pesawat Fokker 50, Pesawat Pelangi Air pada 2 Julai 2001 yang telah berlarutan sehingga tiga minggu berbanding seminggu yang dijangkakan disebabkan kesukaran mendapatkan alat ganti.

Selain dari itu ketidakhadiran beberapa kakitangan sehingga menyebabkan pembatalan penerbangan semasa cuti sekolah semester kedua adalah disebabkan

oleh beberapa kakitangan yang mengambil cuti kecemasan serta cuti sakit pada saat-saat akhir penerbangan.

Berikutan dengan peristiwa ini Pelangi Air telah mengambil beberapa langkah untuk mengatasi masalah tersebut dengan berusaha membawa pelabur baru dan menukar jenis pesawat yang masih dalam produksi bagi mengatasi masalah alat ganti dan bantuan kepakaran.

Tuan M. Ratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk tanya soalan tambahan. Saya tanya Menteri Pengangkutan bahawa sama ada beliau tahu bahawa Syarikat Pelangi Air:

- (i) tidak bayar gaji dan elaun kepada juruterbang dan kakitangannya bagi bulan Oktober dan November dan didapati hanya bayaran pendahuluan RM500 seorang minggu yang lepas.
- (ii) bahawa sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau pun EPF yang telah dipotong daripada gaji pekerja dan sumbangan syarikat telah tidak dihantar ke EPF mulai tahun 1997 sehingga sekarang dan didapati bahawa jumlah bagi seseorang juruterbang adalah sehingga RM40,000.
- (iii) bahawa pemegang saham terbesar ialah Kerajaan Negeri Terengganu. Lagi satu, cukai pendapatan yang telah dipotong juga telah tidak dibayar kepada kerajaan. Apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan untuk menyelesaikan perkara ini.

Tidak ada wang untuk membaiki dua pesawat. Ini bermakna satu pesawat tersadai di Lapangan Terbang Johor Bahru dan satu lagi di Subang. Sekian.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, memang Yang Berhormat ada maklumat yang begitu terperinci atau yang '*very specific*' atau yang penuh. Yang saya beritahu di sini untuk maklumat Yang Berhormat bahawa Pelangi Air hanya beroperasi dengan menggunakan sebuah pesawat Fokker sejak dari bulan Januari tahun 2001. Keadaan ini telah memberi kesan kepada aliran pendapatan syarikat dan kedudukan syarikat hanya mampu membayar separuh gaji sahaja pada akhir bulan Julai tahun 2001. Syarikat telah tidak mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja KWSP sejak dari tahun 1998 dan bukan 1997 akibat daripada ketidakmampuan.

Memang ini bukan kuasa Kementerian Pengangkutan. Memang pengurusan Pelangi Air mesti mengambil tindakan yang sewajar dan *shareholders* iaitu Kerajaan Negeri Terengganu mesti mengambil tindakan sewajarnya atau melanggar undang-undang yang lain, tindakan akan diambil terhadap pengurusan dan juga *shareholders*. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Jamilah.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih, Yang di-Pertua. Soalan saya tambahan saya, adakah Pelangi Air tidak mendapat pelanggan yang baik dan adakah syarikat Pelangi Air telah menanggung kerugian atau pun mempunyai hutang yang banyak? Terima kasih.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua. Pelangi Air memang menghadapi begitu banyak masalah seperti yang dikatakan tidak boleh bayar gaji, yang operate hanya sebuah Fokker yang memang dikatakan tidak mendapat pelanggan yang baik. Memang itu susah dapat kita menjawab sebab itu terpulang kepada syarikat yang menjalankan business.

Memang saya ingin memberitahu bahawa di sini juga bahawa Fokker DV Belanda, syarikat yang membuat Fokker itu pun telah tutup. Oleh itu sukar untuk mendapat alat ganti. Memang kalau Pelangi Air tidak dapat meneruskan operasinya, memang kita akan ambil tindakan supaya mereka mesti berhenti. Ini memang kita akan ambil tindakan untuk menjalankan tugas kita.

5. Tuan Kee Ah Kau minta Menteri Pertanian menyatakan hingga kini terdapat hakisan tanah yang berlaku di kawasan-kawasan tepi laut dan tepi sungai. Apakah tindakan yang telah dan akan diambil bagi mengatasi masalah ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kerajaan telah melaksanakan strategi-strategi langkah jangka panjang dan jangka pendek bagi menangani masalah hakisan tanah yang berlaku di tepi pantai dan tebing sungai.

Program strategi langkah jangka pendek yang akan diambil menerusi struktur mengelakkan hakisan untuk melindungi nyawa orang awam serta harta benda di kawasan-kawasan pantai, tebing sungai yang mengalami hakisan kritikal. Berikut di mana hakisan belum sampai ke tahap kritikal, pemantauan ke atas kesan hakisan dijalankan dan tindakan sewajarnya akan diambil jika didapati keadaannya serius.

Di bawah strategi langkah jangka panjang pula, langkah yang akan diambil ialah untuk menghindar keperluan pelaksanaan kerja-kerja pemulihan pantai dengan kos tinggi 1998 melalui kaedah '*non-structural*' iaitu mengambil kira kesan-kesan hakisan pantai dan kawasan projek-projek pembangunan yang baru di kawasan tepian pantai.

Umpamanya, perancangan serta mengawal pembangunan dan jenis penggunaan tanah di sekitar pesisir pantai dan juga sungai, mengekalkan kaedah kawasan flora di pergigian air seperti hutan bakau di tepi pantai dan di perairan tepi sungai. Terima kasih.

Tuan Kee Ah Kau: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, saya hendak lebih jelas minta Yang Berhormat apakah untuk hakisan di tepi laut atau di tepi sungai pihak kementerian mengadakan rancangan dan menyediakan peruntukan untuk mengatasi hakisan ini? Jika tidak, saya minta Yang Berhormat pihak Kementerian mengambil perhatian dan tindakan segera menjalankan tugas untuk mencegah hakisan ini. Jikalau lewat, saya ingat ban dan tepi tebing ini pecah atau roboh.

Jadi hal ini sudah beberapa tahun tidak diselesaikan. Saya minta kalau boleh Kementerian ambil perhatian segera menjalankan tugas ini. Terima kasih.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, menyedari hakikat bertambah banyaknya kejadian hakisan pantai yang melibatkan penduduk dan harta di sepanjang pantai, kerajaan telah menyiapkan kajian tentang pantai negara '*National Coastal Erosion Study 1986*'. Kajian ini mendapati 1,400 kilometer dari jumlah pantai 4,400 kilometer di Semenanjung Malaysia mengalami hakisan.

Berdasar kepada perkara ini maka pihak kerajaan telah memutuskan melalui Marin dan JPS untuk mengadakan projek sehingga 2001 status pelaksanaan pengawasan pantai, 74 kawasan telah dikenal pasti dan mengalami kesan yang kritikal.

Kita telah menyiapkan 47 kawasan dan dalam pemuliharaan 7 kawasan dan kajian dalam bentuk struktur 4 kawasan. Itu kementerian akan lakukan. Insya -Allah kita akan teruskan program ini dengan secepat mungkin sekiranya peruntukan mencukupi. Terima kasih

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah setakat ini bantuan yang disediakan kepada keluarga-keluarga nelayan yang terlibat dengan hakisan ombak yang mana apabila berlaku hakisan pantai ini menyebabkan kediaman mereka terpaksa runtuh. Jadi apakah tindakan kerajaan setakat ini. Terima kasih

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan dan pihak kementerian tidak ada bantuan, yang kita lakukan ialah mencegah atau mengadakan ban, kalau sekiranya perlu. Kalau dari segi lainnya, masalah kita rujuk kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan seterusnya kerajaan negeri untuk membantu mereka. Terima kasih,.

6. Dato' Dr. T. Marimuthu minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan kesan atas perdagangan dan ekonomi negara kita mengenai kemasukan negara Cina dalam AFTA dan WTO.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, AFTA merupakan kawasan perdagangan bebas ASEAN yang hanya melibatkan negara-negara ahli sahaja iaitu negara-negara ASEAN. Maka tiada rancangan untuk kemasukan China dalam AFTA.

Semasa sidang kemuncak ASEAN Ke-7 yang berlangsung dari 5 hingga 6 November di Brunei Darussalam, negara-negara ASEAN dan China bersetuju untuk meningkatkan kerjasama ekonomi dan menubuhkan kawasan perdagangan bebas ASEAN-China dalam jangka masa 10 tahun. Kawasan perdagangan bebas ini akan meliputi perdagangan, pasaran sebanyak 1.7 bilion orang dan aliran perdagangan bernilai US1.23 trilion.

Tuan Yang di-Pertua, kemasukan negara China sebagai ahli WTO akan membawa kedua-dua cabaran dan peluang kepada Malaysia. Kemasukan Cina sebagai ahli WTO akan memberi cabaran kepada Malaysia dari segi persaingan untuk mendapatkan pasaran di negara ketiga dan juga bagi mendapatkan pelaburan asing.

Kemasukan China ke WTO dengan pasaran yang begitu besar telah dapat menarik lebih banyak pelaburan asing ke negara tersebut. Di antara langkah-langkah untuk menghadapi cabaran ini ialah bagi syarikat-syarikat Malaysia mengembangkan perniagaan mereka secara usaha sama dengan syarikat-syarikat negara China atau bekerjasama dengan pelabur-pelabur asing dalam mengeluarkan produk-produk bagi pasaran China.

Di samping itu, kerajaan akan terus memastikan iklim pelaburan dan kos perniagaan adalah:

- (i) menggalakkan dan kompetitif supaya Malaysia akan terus menjadi pusat pelaburan yang menarik. Kemasukan China ke dalam WTO juga mempunyai kesan positif kerana

- penurunan tarif yang akan membuka pasaran China untuk peniaga-peniaga Malaysia;
- (ii) penyelarasan undang-undang dan peraturan mengenai perdagangan dan perniagaan di seluruh negara Cina akan memberi ketentuan apabila berurusan dengan peniaga-peniaga di negara tersebut;
 - (iii) layanan sama rata akan diberi kepada syarikat-syarikat tempatan China dan asing; dan
 - (iv) pembukaan pasaran sektor perkhidmatan oleh negara China.

Tuan Yang di-Pertua, komitmen ini akan memberi kesan positif kepada peluang kemasukan pasaran produk-produk Malaysia ke negara China. Kadar tarif bagi kesemua produk akan menjadi lebih rendah daripada kadar yang dikenakan sekarang, misalnya tarif barangan kayu akan diturunkan kepada 4% hingga 8% daripada 10% hingga 15% yang dikenakan sekarang.

Dan kedua, kuota untuk minyak kelapa sawit dinaikkan dari 1.5 juta metrik tan dalam tahun 2000 kepada 2.1 juta metrik tan dalam tahun 2001 dan kepada 3.17 metrik tan dalam tahun 2006.

Dan ketiga, menjelang tahun 2006 sekatan kuota untuk minyak kelapa sawit akan dihapuskan.

Tuan Yang di-Pertua, kemasukan China dalam WTO juga akan menjamin suasana perdagangan yang lebih boleh dijangka, telus dan stabil untuk syarikat-syarikat perdagangan Malaysia yang menjalankan urusan eksport dan import dengan peniaga-peniaga Republik Rakyat China. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. T. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dan China adalah satu cabaran dan juga satu peluang, oleh kerana China mempunyai ataupun pasaran China mempunyai penduduk 1.2 bilion, oleh kerana itu kita untuk Malaysia ini adalah satu peluang pasaran yang besar di China. Tetapi apa yang saya ingin tahu daripada Yang Berhormat ialah bagaimanakah langkah-langkah ataupun persediaan oleh negara kita untuk kita menjadi satu tahap lebih kompetitif daripada negara China.

Saya difahamkan bahawa eksport barang-barang elektronik daripada China kepada negara Amerika Syarikat dan juga negara-negara yang lain adalah lebih daripada jumlah eksport barang-barang elektronik Singapura dan Malaysia. Dan ini adalah satu tahap yang membimbangkan dan kita harus mengambil langkah-langkah untuk menjadikan negara kita ini adalah lebih kompetitif.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, hakikat kemasukan China kepada WTO adalah sesuatu yang perlu diterima dengan sikap positif dan kerajaan sedar bahawa ada sektor dan subsektor tertentu di mana ia amat bergantung kepada kegunaan tenaga manusia, kemungkinan Malaysia tidak ada kekuatan, tetapi ada juga sektor-sektor lain di mana kita ada kekuatan seperti sektor di mana ia memerlukan lebih banyak lagi kandungan pengetahuan dan teknologi. Misalnya di sektor elektronik dan elektrik, Malaysia ada asas yang kukuh dan secara yang lama maka di mana subsektor elektronik yang memerlukan teknologi dan juga pengetahuan, kita akan terus meningkatkan dan jika ada subsektor di mana ia memerlukan tenaga manusia yang lebih banyak, mungkin kita tidak akan memberi penekanan seperti dahulu dan selain dari itu, kita sentiasa menyeru dan mengesyorkan kepada syarikat tempatan bahawa masa sudah sampai di mana pengusaha-pengusaha Malaysia perlu meningkatkan lagi usaha mereka dalam aktiviti yang mempunyai nilai tambah yang lebih tinggi seperti reka bentuk seperti R&D, seperti pemasaran dan sebagainya supaya kita dapat mengeluarkan produk dan perkhidmatan yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi. Dan dengan cara itu kita baru boleh bersaing dengan negara China dalam bidang-bidang, khususnya dalam produk kategori market dan dengan cara itu kita boleh terus mengekalkan daya saing Malaysia. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan saya, tadi kami telah mendengar bahawa ada banyak peluang bagi syarikat-syarikat dari Malaysia untuk menyertai perkembangan yang terbaru ini iaitu keahlian China dalam WTO. Adakah kementerian kita iaitu MITI sendiri membuat persediaan yang lebih untuk membantu rakyat kita dalam mencari peluang-peluang ini. Kalau kita tidak membuat persediaan mungkin peluang-peluang ini hanya tinggal peluang sahaja dan tidak dapat dinikmati, jadi saya ingin tahu apakah persediaan yang dibuat oleh kementerian dalam membantu rakyat kita supaya dapat menikmati peluang-peluang yang akan dibuka tidak lama lagi ini. Terima kasih.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, MITI telah mengambil beberapa langkah untuk menyedarkan di kalangan pengusaha-pengusaha, peniaga di Malaysia, peluang-peluang yang terwujud di negara China melalui seminar, melalui sesi taklimat dan sebagainya.

Selain dari itu, MITI dan juga agensinya MATRADE telah mengadakan banyak misi perdagangan dan pelaburan ke China dan dalam tahun ini MATRADE juga sedang merancang untuk memperbanyakkan lagi misi perdagangan ke negara China. Sekian, terima kasih.

7. **Dato' Charern Intachat** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah keturunan Siam mengikut banci yang dilakukan oleh Jabatan Perangkaan pada tahun 2000 di mana proses pengiraan banci penduduk dan perumahan Malaysia dijangka telah siap bulan Julai 2001.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tengku Dato' Adnan binti Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan penduduk keturunan Siam di Malaysia mengikut kiraan banci penduduk dan perumahan tahun 2000 adalah sebanyak 50,211 orang. Daripada jumlah ini 38,353 ataupun 76.4% adalah warga negara Malaysia dan selebihnya terdiri dari bukan warga negara Malaysia. Terima kasih.

8. **Puan Safinah binti Jusoh** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab mengapa program ceramah umum yang dianjurkan oleh parti-parti pembangkang diharamkan di seluruh negara. Adakah ianya boleh ditakrifkan sebagai 'adil' kepada pihak pembangkang yang tiada sebarang saluran tertentu untuk menyebarkan maklumat sebenar mengenai satu-satu isu sedangkan kerajaan menguasai semua media cetak dan media elektronik perdana dalam negara.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan sentiasa mendukung prinsip-prinsip yang terpelihara dalam Perlembagaan Persekutuan. Ini termasuklah hak bersuara, berhimpun dan sebagainya. Walau bagaimanapun, hak-hak ini hendaklah dibatasi oleh undang-undang negara bagi memastikan ianya tidak disalahgunakan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Pengeluaran permit untuk ceramah-ceramah politik telah pun diberhentikan kerana didapati ceramah-ceramah tersebut mengandungi elemen-elemen yang boleh menggugat perpaduan dan keharmonian masyarakat di negara kita.

Untuk makluman kepada Yang Berhormat Puan Hajah Safinah khasnya pengharaman ini meliputi parti-parti kerajaan dan pembangkang dan bukan sahaja semata-mata kepada pembangkang sahaja. Sekian.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan saya, adakah kerajaan sedar bagaimana apa yang sedang berlaku dalam negara kita sekarang ini, bagaimana sekolah-sekolah kerajaan telah digunakan oleh parti kerajaan untuk perhimpunan parti mereka dan saya ada bukti dan kenapa fenomena ini berlaku?

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, memang kerajaan tidak melakukan apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat, jika ada juga dakwaan-dakwaan yang seumpama ini yang mempunyai bukti yang kukuh, kemungkinan ianya hanya terlibat dengan pentadbiran

sekolah berkenaan, tetapi walau bagaimanapun, saya harap Yang Berhormat dapat memberikan sedikit sebanyak maklumat kepada saya, supaya siasatan lanjut dapat dijalankan oleh kami. Sekian.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah langkah kerajaan dan kementerian untuk menangani mengenai perjumpaan-perjumpaan yang berunsurkan agama, tetapi dipesongkan kepada ceramah-ceramah politik terutamanya bagi parti-parti pembangkang. Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan dari Yang Berhormat, oleh kerana kita mempunyai satu pengharaman pada keseluruhannya, maka pada umumnya rapat umum dengan ceramah-ceramah umum tidak akan dibenarkan lagi, kecuali pihak berkuasa iaitu polis memberikan permit. Mengenai perbincangan ataupun ceramah-ceramah yang berkaitan dengan agama, maka kita juga berharap supaya ketua-ketua keagamaan tidak menggunakan tempat-tempat dan juga masa-masa yang tidak patut diguna untuk memasuki elemen-elemen politik di ceramah-ceramah politik. Jika ada pihak-pihak yang terkilan dengan ceramah-ceramah keagamaan ini, mungkin pihak yang terkilan ini dapat mengemukakan aduan kepada pihak yang berkuasa. Sekian.

9. **Puan Melanie Chia Chui Ket** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan apakah matlamat kerajaan mengenai pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC). Setelah tercapai sepenuhnya matlamat MSC, adakah kerajaan bercadang untuk memperluaskan konsep yang sama ke negeri-negeri lain di Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Tuan Chia Kwang Chye]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, matlamat kerajaan bagi membangunkan koridor raya multimedia (MSC) ialah bagi membangunkan dan melonjakkan negara ke era matlamat selaras dengan matlamat dan usaha kerajaan untuk membangun dan menjayakan ekonomi berasaskan pengetahuan.

Pembangunan MSC juga bertujuan menggerak dan mempertingkatkan perkembangan ICT di seluruh negara dengan cara usaha sama di antara kerajaan dan sektor swasta sebagai pihak yang terlibat secara langsung dalam industri tersebut.

Selaras dengan wawasan MSC 1996 hingga 2020 yang telah ditetapkan, konsep MSC akan diperluaskan di kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti di seluruh negara secara berperingkat.

Pelaksanaan perluasan konsep MSC kawasan-kawasan tersebut dijangka akan bermula daripada awal tahun 2004. Sekian, terima kasih.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kerajaan kerana begitu gigih dalam mempromosikan MSC sehingga berjaya dan membawa nama baik ke seluruh dunia. Saya ingin bertanya pihak Yang Berhormat dengan kebangkitan dan kewujudan Dubai Internet City dan Hong Kong Cyberport, apakah pendapat pihak kerajaan dari segi saingan, apa lagi yang kita ada *competitive advantage* dibandingkan dengan tempat-tempat yang baru dibangunkan yang dikatakan nampak juga agak maju. Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, Dubai Internet City dan Hong Kong Cyberport berasaskan dengan konsep yang berlainan daripada MSC. Projek MSC adalah untuk membawa negara Malaysia untuk mencapai matlamat Wawasan 2020 di mana Malaysia dijangka akan menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020 dan konsep ini adalah selepas tahun 2010 di mana seluruh negara akan menjadi satu kawasan MSC di mana konsep MSC akan dilaksanakan pada keseluruhannya.

Ini bermakna bahawa konsep MSC adalah untuk seluruh negara untuk mencapai satu masyarakat atau sebuah ekonomi yang berasaskan ilmu, tetapi konsep Dubai Internet City dan Hong Kong Cyberport sebagai konsepnya berlainan, misalnya Hong Kong Cyberport adalah satu kawasan yang lebih kurang 10 hektar sahaja dan ini merupakan sebuah tempat yang kecil di mana bangunan akan dibina dan ruang pejabat akan disewa kepada syarikat-syarikat yang memohon dan melalui satu proses di bawah jawatankuasa antarabangsa mereka dipilih dan diberi satu ruang pejabat dengan sewa yang boleh dikatakan yang lebih rendah daripada sewa pasaran.

Jadi, perluasan kawasannya memang tidak singkat dan tidak bersama dengan konsep MSC. Sekian, terima kasih.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Konsep MSC beroperasi di dalam negara kita, soalan tambahan saya, berapa peratus rakyat mampu menguasainya setakat ini.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, kalau mengikut peratusan memang tidak dapat kita mendapat satu angka, sebab konsepnya sekarang telah diterima boleh dikatakan kebanyakan rakyat Malaysia, tapi yang mustahak sekali kalau kita mengikut aplikasi-aplikasi perdana atau flagship application yang telah dijalankan di mana konsep MSC ada 8 aplikasi perdana dan sebagai satu contoh

misalnya *mycard* atau *government multi-purpose card* itu adalah didaftarkan oleh seramai 720,000 rakyat Malaysia.

Pada akhir tahun ini dijangka satu juta rakyat Malaysia akan mendapatkan kad *multi-purpose* ini atau *mycard* dan diharapkan bahawa selepas atau akhir tahun 2002 dua juta rakyat Malaysia Lembah Klang dan didaftarkan atau mempunyai kad pintar atau *mycard* ini dan dijangka selepas tahun 2003 seluruh negara akan dan ada peluang untuk memperoleh kad pintar ini. Sekian, terima kasih.

10. **Datuk Ghazi bin Haji Ramli** minta Menteri Penerangan menyatakan adakah bercadang menyiarkan berita-berita dalam negara melalui stesen televisyen Al-Jazeera (CNN Arab) yang berpusat di London bagi mengelakkan media asing memutarbelitkan berita-berita dari Malaysia di samping menyampaikan berita sebenar mengenai Malaysia ke serata dunia khususnya negara Arab.

Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Haji Mohd Khalid bin Mohd Yunus]:

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini RTM belum bercadang untuk mengadakan penyiaran berita-berita dalam negara melalui stesen televisyen *Al-Jazeera* yang berpusat di London. Walau bagaimanapun pihak kerajaan telah meminta siaran *Al-Jazeera* ini dibuat melalui *Astro* pada channel 500. Siaran *Al-Jazeera* di *Astro* disiarkan setiap hari pada pukul 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan siaran ulangannya pada pukul 6.00 petang hingga 10.00 malam. Terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff : Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan berhasrat untuk memberi peluang selain daripada pemimpin-pemimpin kerajaan dalam memberi ucapan dalam media elektronik seperti TV, jadi adakah kerajaan berhasrat untuk memberi peluang kepada pemimpin-pemimpin parti-parti lain, walaupun sekadar 5 minit seminggu untuk memberi penerangan mereka sebagaimana peluang yang diberi kepada media-media asing. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd Khalid bin Mohd Yunus: Tuan Yang di-Pertua, kita ada bagi, saya percaya Yang Berhormat ada tengok, macam mana lawatan Menteri Besar Kelantan ke Bukit Pelandok, jumpa dengan penternak-penternak babi, pasal untuk nak menolong penternak-penternak babi yang ada di Bukit Pelandok. Begitu juga *coverage* ataupun liputan yang kita beri kepada Menteri Besar Terengganu dan lain-lain pemimpin dari satu masa ke satu masa mengikut keadaan dan keperluan sama ada perlu di beri liputan ataupun tidak. Terima kasih.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ingin tahu dari pihak kerajaan adakah kerajaan bercadang untuk

membina saluran TV di peringkat bertaraf antarabangsa seperti BBC ataupun CNN, kalau tidak kenapa?

Dato' Haji Mohd Khalid bin Mohd Yunus: Tuan Yang di-Pertua setakat ini belum lagi lah...belum sampai ke tahap itu.

11. **Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan** minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah kerugian perniagaan oleh syarikat yang tersenarai di BSKL setakat ini sama ada di papan pertama dan kedua dan nyatakan 5 jenis sebab-sebab utama kerugian tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]: Sehingga 16 November 2001 sebanyak 361 buah syarikat tersenarai di BSKL telah menyerahkan keputusan awal kewangan atau laporan tahunan bagi tahun kewangan berakhir 2001. Secara keseluruhannya syarikat-syarikat tersebut mencatatkan rekod keuntungan bersih lebih kurang RM5.9 billion dan dari segi pecahannya pula 135 syarikat atau 37% mencatatkan kerugian berjumlah RM9.9 billion, sementara 226 syarikat ataupun 63% mencatatkan keuntungan sebanyak RM15.8 billion.

Daripada 135 syarikat yang mencatat kerugian, 86 syarikat adalah dari papan utama dan 49 syarikat dari papan kedua, dengan masing-masing mengalami kerugian sebanyak RM9.2 billion dan RM0.68 bilion. Bagi 226 syarikat yang mencatat keuntungan pula sebanyak 155 syarikat adalah dari papan utama yang mencatatkan keuntungan RM15.31 juta, sementara 71 syarikat papan kedua mencatatkan keuntungan RM0.47 juta.

Tuan Yang di-Pertua berasaskan kenyataan dalam laporan kewangan syarikat tersenarai yang mengalami kerugian di antara sebab-sebab utama penurunan pendapatan dan kerugian perniagaan adalah seperti berikut:

- (i) Kelembapan ekonomi global dan serantau yang memberi kesan negatif kepada kuasa permintaan. Ini telah mengurangkan penjualan perkhidmatan atau barangan syarikat;
- (ii) *Margin* keuntungan semakin rendah. Kesan persaingan harga yang melampau semasa pasaran berada dalam keadaan tidak menentu;
- (iii) Keadaan persekitaran perdagangan yang agak sukar;
- (iv) Kos operasi dan *overhead* syarikat lebih tinggi dan
- (v) Pengagihan peruntukan atau dengan izin *provision allocation* yang lebih tinggi dalam akaun kewangan syarikat yang

mengurangkan keuntungan bersih syarikat-syarikat tersebut.

Terima kasih.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada jawapan yang agak mantap. Tuan Yang di-Pertua bolehkah kementerian memberi penjelasan kepada soalan tambahan saya iaitu daripada kerajaan sendiri melalui bulan Mac 2001 dan juga pada 25 September 2001. Pertamanya sebanyak RM3 billion, keduanya sebanyak RM4.3 billion supaya berlaku rangsangan ekonomi dalam negara kita.

Jadi dengan kelembapan syarikat-syarikat di BSKL sebanyak 135 syarikat ada setengah mendakwakan keperluan modal ataupun keperluan dana baru untuk menyelesaikan kerugian mereka dari segi perniagaan memang ada sebanyak RM10 billion tetapi keperluan modal mungkin melebihi daripada RM50 billion. Ianya seolah-olah berlaku keadaan ekonomi yang tidak seimbang di dalam usaha-usaha kerajaan untuk menyelesaikan masalah rangsangan ekonomi berbanding dengan pihak swasta yang mengalami masalah itu dan bolehkah kerajaan memperjelaskan kepada kita kaedah-kaedah baru bagaimana nak menyelesaikan masalah supaya berlaku perseimbangan di antara kumpulan swasta sama-sama membantu kerajaan dalam rangsangan ekonomi ini. Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat Rosli. Menjawab persoalan tersebut iaitu memang benar kita mengakui, bahawa sebanyak dua kali, iaitu pada bulan Mac dan bulan September kerajaan memperuntukkan satu atau dua pakej rangsangan untuk merangsang ekonomi negara berhadapan dengan kelembapan ekonomi dunia. Bulan Mac RM3 billion, bulan September RM4.3 billion dan keseluruhan pakej rangsangan itu ialah RM7.3 billion. Di mana kerajaan berharap walaupun ekonomi kita terjejas disebabkan oleh kelembapan ekonomi Amerika dan dunia, tetapi dengan pakej rangsangan ini berharap supaya dapat kita merangsang pertumbuhan ekonomi negara melalui dua cara iaitu:

Yang pertama kita mahu menggalakkan pelaburan ataupun *investment domestic* ataupun dalam negara dan yang kedua dengan cara menggalakkan, meningkatkan *volume* penggunaan ataupun *domestic consumption* dan kita harap walaupun pada suku yang ketiga ini agak menguncup, kita punya pertumbuhan ekonomi, kita berharap suku keempat ini akan dapat membantu dengan cara merangsang penggunaan dalam negara dan saya rasa, ini dapat diperolehi ataupun dicapai berdasarkan kepada *festive mood* dengan izin iaitu Hari Raya, hari Krismas, hari tahun baru nak naik sekolah dan semuanya ini akan merangsang perbelanjaan dan kita harap dengan pakej rangsangan dengan ini sekali gus dapat kita

merangsang pemulihan ekonomi negara sekurang-kurangnya dapat kita mengelakkan negara kita kepada kemelesetan ekonomi seperti yang berlaku di negara-negara jiran seperti Singapura, Taiwan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan kedua, keperluan untuk dana baru bagi menyelesaikan masalah syarikat-syarikat yang mengalami kerugian. Setakat ini kerajaan belum lagi bercadang untuk mewujudkan dana baru untuk syarikat-syarikat yang mengalami kerugian tetapi kaedah yang dilaksanakan oleh kerajaan ialah dengan cara menyusun semula atau dengan izin *restructuring* syarikat-syarikat yang mengalami hutang-hutang ini melalui Danaharta, melalui CDRC dan dengan cara ini maka syarikat-syarikat yang mengalami hutang-hutang NPL yang besar akibat daripada krisis ekonomi tahun 1997, dapat dipulihkan dan dapat mereka berjalan dan berdikari seperti sebelumnya dan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan ini mencapai kejayaan. Setakat ini kita belum lagi memerlukan dana baru untuk membantu syarikat-syarikat swasta kerana kaedah-kaedah yang saya sebutkan tadi telah beroleh kejayaan dan diakui oleh dunia bahawa kita menjalani satu proses pemulihan, penyusunan semula yang begitu cekap, bijak dan berkesan. Jadi itu jawapan satu Tuan Yang di-Pertua.

Tuan M. Ratnam: Soalan saya, warganegara Malaysia keturunan India adalah tinggal jauh belakang dari segi ekonomi berbanding dengan kaum-kaum yang lain di negara ini. Adakah kerajaan bercadang untuk mengkhaskan beberapa peratus saham tawaran terbitan awam atau *initial public offer* dengan izin supaya ini dapat diedarkan kaum keturunan India seperti yang dibuatkan untuk bumiputera supaya mereka dapat memegang saham-saham yang dikeluarkan oleh dengan izin *public listed companies*. Ini bermakna sedikit sebanyak kaum India dapat mencapai 3% *equity* dengan izin, sepertimana yang dinyatakan dalam Rancangan Jangka Panjang Ketiga. Sekian.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tersebut. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat, setakat ini memang kerajaan belum mempunyai rancangan yang khusus untuk tujuan tersebut tetapi kerajaan kita adalah sebuah kerajaan yang pragmatic, sebuah kerajaan yang mesra rakyat dan kita sentiasa sahaja memantau kedudukan ekonomi negara. Dan dari masa ke semasa kita akan melaksanakan dasar-dasar yang pragmatic yang boleh membantu semua golongan rakyat sama ada golongan majoriti ataupun golongan minoriti, termasuk golongan kaum India. Memang kerajaan sentiasa bersifat demikian dan sentiasa sahaja memantau kedudukan ini supaya kekayaan negara sama ada dalam bentuk saham dan lain-lain dapat diagihkan secara adil dan saksama kepada

seluruh rakyat sama ada golongan majoriti bumiputera ataupun bukan bumiputera.
Terima kasih.

12. Datuk Hajah Hazizah binti Haji Mohd. Sultan minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah pengangguran yang serius di kalangan para graduan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan khususnya Kementerian Sumber Manusia mengambil berat mengenai masalah pengangguran di kalangan graduan dan sentiasa cuba untuk membantu mereka mendapatkan pekerjaan. Antara langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Rakyat adalah seperti berikut:-

- (i) mempertingkatkan aktiviti lawatan ke syarikat-syarikat untuk mendapatkan maklumat sebenar mengenai jawatan-jawatan kosong yang wujud bagi membantu meningkatkan peluang para graduan untuk mendapatkan pekerjaan yang sesuai;
- (ii) menggiatkan usaha-usaha pendaftaran selain pendaftaran di pejabat-pejabat JTR, kaunter-kaunter pendaftaran juga dirancang untuk dibuka di tempat-tempat tumpuan awam seperti pasar raya, balai raya dan lain-lain;
- (iii) mewujudkan -dengan izin - electronic labour exchange (ELX) yang akan mempercepatkan pendaftaran, penjodohan dan penempatan graduan ke dalam jawatan-jawatan kosong. Melalui projek ini pendaftaran boleh dilakukan melalui Internet untuk memudahkan graduan mendaftar diri dan majikan mendaftarkan kekosongan jawatan tanpa perlu datang ke pejabat-pejabat JTR. Selain itu, maklumat terkini mengenai pasaran buruh juga dapat diperolehi dengan cepat;
- (iv) meningkatkan aktiviti bimbingan kerjaya dan kaunseling untuk para graduan di semua pejabat JTR. Mereka juga dinasihatkan agar membuang sikap terlalu memilih kerja dan sanggup bekerja dengan taraf dan gaji yang lebih rendah untuk menimba pengalaman. Para graduan juga dinasihatkan supaya menambah kemahiran terutamanya dalam bidang ICT dan penguasaan bahasa Inggeris supaya bersesuaian dengan kehendak pasaran buruh semasa;

- (v) penyebaran maklumat pasaran buruh semasa yang lebih kerap dan meluas melalui homepage, penerbitan, laporan bulanan, ceramah-ceramah, pameran siaran radio serta TV tempatan; dan
- (vi) menganjurkan program pesta kerjaya atau dengan izin, job fair, untuk menemukan para majikan dan pencari pekerja yang berasaskan kepada konsep temuduga terbuka.

Kementerian juga melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad akan melaksanakan program membantu siswazah yang menganggur yang kehilangan pekerjaan, meningkatkan kemahiran dan competency mereka selari dengan keperluan pasaran. Sasaran tahun ini sehingga tahun 2001 adalah seramai 20,000 termasuk pekerja-pekerja yang kehilangan pekerjaan. Kursus yang ditawarkan ialah dalam bidang teknologi maklumat dan bahasa. Bagi peserta sepenuh masa mereka akan dibayar elaun sebanyak RM500 sebulan dan kursus separuh masa sebanyak RM300 sebulan bagi diploma. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Abdillah.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah bidang jurusan di mana graduan kita didapati banyak menganggur dan adakah ianya termasuk juga jurusan kejuruteraan? Seterusnya saya ingin bertanya dalam perkhidmatan kaunseling yang diberikan oleh kementerian, adakah golongan graduan menganggur ini diberikan nasihat supaya berusaha dalam perniagaan sendiri? Sekian, terima kasih.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Senator Abdillah. Kebanyakan siswazah yang menganggur adalah terdiri daripada mereka yang mengambil jurusan sastera atau social sciences, dengan izin. sementara mereka yang dalam bidang profesional biasanya mereka tidak ada banyak masalah untuk mendapatkan kerja. Dalam skim menggalakkan graduan yang menganggur ini terlibat dalam bidang perniagaan, memang sudah diumumkan dalam package pre-emptive di mana lebih kurang 300 juta disediakan dan program ini dianjurkan oleh UiTM, kalau tidak silap saya di mana dana sebanyak lebih kurang RM5 juta disediakan, bukan sahaja untuk melatih mereka menjadi lebih mahir khususnya dalam pengurusan perniagaan dan mereka juga diberi peluang untuk didedahkan hands-on kepada perniagaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Ghazi.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan setinggi tahniat kepada kementerian kerana begitu aktif dan pro-aktif membuat program-program yang begitu amat banyak dalam terutama sekali melalui Perbadanan Sumber Manusia Berhad yang terkini diwujudkan. Saya ingin bertanya menyedari program-program ini begitu amat baik dan menyeluruh, tetapi mungkin kesedaran dan reaksi daripada luar bandar agak berkurangan, adakah pihak kerajaan bercadang untuk melanjutkan road show ini umpamanya dengan job fair atau pesta mencari kerja ini di luar bandar supaya penumpuannya beralih daripada pusat-pusat yang biasa dan sepintas lalu merangkumi usaha untuk mengajak masyarakat muda dan tua untuk belajar life-long learning program ini. Jadi, bila penyelarasan itu dibuat masyarakat itu lebih sedar program kerajaan sebenarnya. Terima ka sih.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Ghazi. Kita di kementerian memang mengalu-alukan cadangan-cadangan Yang Berhormat daripada Ahli-ahli Dewan Negara dan kita bersedia, sebab Yang Berhormat senator ini dia tidak ada kawasan.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: [*Menyampuk*]

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Jadi, kalau ada saranan daripada Ahli-ahli Dewan Negara untuk menjemput kita ke tempat masing-masing, kita bersedia memberi ruang yang begitu luas supaya kita dapat datang dan kita alihkan tumpuan pengiklanan program-program di bawah Kementerian Sumber Manusia khususnya dalam pengagihan peluang serta ruang dalam Tabung Pembangunan Kemahiran ini supaya kita dapat digunakan sehingga ke akar umbi. Sekian, terima kasih.

13. Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun minta Menteri Tenaga , Komunikasi dan Multimedia menyatakan sebab-sebab mengapa gangguan elektrik masih berterusan di negeri Sabah.

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, gangguan bekalan elektrik telah berkurangan semenjak tahun 1999 apabila Lembaga Elektrik Sabah diswastakan dan perkhidmatan pembekalan elektrik di Sabah telah diambil alih oleh Sabah Electricity Sendirian Berhad pada 11 September 1998. Jumlah gangguan elektrik yang telah berlaku pada tahun 1999 adalah 8,842 manakala pada tahun 1988 jumlah gangguan yang dicatat adalah 12,272. Pada tahun 2000 jumlah gangguan elektrik telah berkurang lagi kepada 7,529 kejadian sahaja.

Antara sebab utama gangguan elektrik di Sabah adalah kerana negeri Sabah tidak mempunyai grid negeri dan kerana itu perkhidmatan kita dapati disalurkan ke tempat-tempat yang menghadapi gangguan atau kerosakan jentera. Kerajaan telah memperuntukkan RM392,050,000 di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh dan RM17,950,000 di bawah Rancangan Malaysia Kelapan untuk membangunkan grid Pantai Timur dan RM180 juta di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh untuk membangunkan grid Pantai Barat. Di samping itu kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM350 juta - di bawah RMK-8 untuk membangunkan talian grid Timur Barat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Azidah.

Puan Hajah Azidah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Saya mengucapkan terima kasih di atas jawapan tadi dan terima kasih kerana gangguan itu nampaknya sudah ada berkurangan, namun gangguan tetap masih ada lagi. Saya juga berterima kasih kerana kerajaan sentiasa prihatin dan berusaha untuk memberikan kemudahan elektrik untuk masyarakat di luar bandar, khususnya di negeri Sabah. Namun setiap hari kita mendapati di kawasan Bandaraya Kota Kinabalu dan kawasan yang berdekatan purata seminggu sekali ada gangguan elektrik. Jadi, masalah ini masih lagi berterusan. Saya ingin tahu daripada kementerian, bilakah agaknya kami tidak lagi mengalami gangguan seperti apa yang dirasai sekarang ini? Terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi banyak peruntukan telah diluluskan untuk pembangunan atau untuk menjana atau membangun grid di negeri Sabah. Masalah mengenai gangguan bekalan elektrik di Bandaraya Kota Kinabalu memang SESB pun telah mengambil tindakan seperti pemasangan sistem pembekalan elektrik yang mempunyai sistem gelang - dengan izin - a ring system - dan juga yang dapat berfungsi secara automatik. Sistem ini dikenali dengan nama SCADA - dengan izin - supervisory control dan data acquisition.

Di samping itu SESB melaksanakan penukaran paint, penukaran tiang reput dan pemasangan alat tutup semula secara automatik. Jadi, tindakan telah dan sedang diambil. Dengan ini gangguan bekalan elektrik akan dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Kee Ah Kau.

Tuan Kee Ah Kau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk elektrik ini pihak TNB adalah membantu tiang dan lampu di kediaman atau di kampung-kampung tersebut. Mengapa kini pihak TNB tidak ada lagi bantu atau menjalankan

tugas untuk tiang dan lampu ini dan ada membayar sebulan RM10. Jadi, saya minta Yang Berhormat Datuk menjelaskan sebab menghentikan projek ini. Terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, ini satu perkara yang spesifik, saya perlukan butir-butir yang lanjut. Untuk makluman Yang Berhormat, bekalan elektrik di kawasan pedalaman atau di tempat-tempat luar bandar khususnya tiang lampu bukannya tanggungjawab TNB tetapi seperti majlis daerah atau jabatan-jabatan di Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Jadi, jika Yang Berhormat boleh bagi butir-butir yang cukup kepada saya, saya boleh menyasat dan memberi pertolongan kepada Yang Berhormat.

Tuan Kee Ah Kau: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh membuktikan sebenar di kawasan saya daerah Sabak Bernam ada memohon kepada TNB. Saya boleh membuktikan untuk tiang dan lampu ini bahagian TNB.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, sudah saya kata kalau boleh bagi *admittance* dan butiran-butiran selanjutnya kepada saya. Ini satu perkara yang spesifik. Saya perlukan masa untuk siasat. Saya tentu membantu Yang Berhormat. Jangan bimbang, jangan susah ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa bagi jawab lisan sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 14 hingga 35 adalah dijilid dalam buku yang berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2001) (N0.2) 2001

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." **[29 November 2001]**

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Datuk Ghazi menyambung ucapannya.

11.17 pagi.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk menyambung perbahasan minggu lalu. Pertama sekali saya menuntut banyak maaf kerana tadi saya terganggu sedikit beberapa saat kerana membaca nota daripada seorang yang agak mustahak nota itu jadi supaya pun lupa sikit pemikiran saya dan tidak *follow*, minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua, dalam minggu lepas saya telah bercakap tentang menyokong Rang Undang-undang Akta Perbekalan Tambahan 2001 ini dengan bercakap tentang hal Kementerian Pendidikan di bawah Maksud B.26. Saya hendak mulakan sambungan perbahasan hari ini dengan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak Kementerian Pendidikan kerana baru-baru ini membuat pengumuman yang begitu memberangsangkan kaum guru.

Saya ingat kita telah mencatat suatu sejarah di mana keputusan pihak kerajaan yang terkini dalam memberi naik taraf pangkat kepada guru-guru juga kemudahan membiayai kereta hampir yang jumlahnya RM1 bilion, kalau tidak salah saya. Usaha ini adalah begitu amat baik untuk memartabatkan pekerjaan guru sebagai bidang profesional yang boleh diwujudkan minat kepada masyarakat ramai.

Jadi, kita harap pihak Kementerian Pendidikan akan terus berusaha ke arah ini dan kita juga berharap pihak guru akan menerima tindakan baik oleh kerajaan ini dengan secara positif dan seterusnya meyakinkan bahawa mereka memang layak dan berhak diberi pengiktirafan begitu dengan terus mempertingkatkan daya pembelajaran mereka, meningkatkan mutu ilmu pengetahuan dan meningkatkan mutu pengajaran di sekolah-sekolah. Jadi, langkah ini begitu amat baik sekali.

Saya juga ingin merakamkan terima kasih khusus kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi dalam soal jawab saya yang ada kena mengena juga dengan pendidikan kerana perbahasan saya yang terakhir ialah mengenai program-program di luar bandar untuk kanak-kanak miskin. Jadi, apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia tadi menjawab bahawa program juga boleh dibawa ke luar bandar saya rasa ini satu jawapan spontan yang begitu amat membanggakan dan memberangsangkan kita kerana kita bolehlah dapat membuat cadangan-cadangan yang sewajarnya untuk kepentingan umum.

Saya nampak langkah ini akan membawa kebaikan yang menyeluruh kerana secara tidak langsung kita mendekati masyarakat luar bandar dan mereka mengetahui apa sebenarnya yang kerajaan buat. Kadang-kadang kita hanya banyak program sesama kita tetapi walaupun ada media elektronik, akhbar dan sebagainya mungkin rakyat di luar bandar sama ada yang tua ataupun yang muda tidak begitu

mengikuti. Tetapi kalau ada program khusus yang dibuat berpusat di luar bandar sendiri, saya rasa perkara ini akan mendapat tarikan yang begitu amat baik.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara di bawah B.26 Kementerian Pendidikan juga saya ingin menyebut perkara dua mengenai latihan Kursus Diploma Perguruan dan berkaitan dengan itu Kursus Diploma Lulusan Ijazah. Saya percaya latihan-latihan ini adalah untuk meningkatkan lagi kebolehan dan keberkesanan guru-guru dalam mengajar di sekolah yang saya ingin sebut di sini oleh kerana pihak kerajaan juga melihat bidang prasekolah mungkin akan dimestikan di masa depan.

Mungkin sekarang ini Kementerian Pendidikan sedang melihat dari segi kurikulum isi bahan-bahan yang mengajar dan mungkin pada masa sekarang saya rasa adalah elok juga kalau pihak Kementerian Pendidikan sendiri melihat tentang bidang latihan perguruan di peringkat prasekolah ini sendiri. Kalau di peringkat prasekolah memerlukan ijazah ataupun sijil tertentu untuk menjalankan kelas-kelas prasekolah, maka sekali lalu dengan cara ini tidak timbulah sekolah-sekolah yang menyeleweng daripada batas-batas pendidikan yang sebenarnya. Saya rasa ini patut juga diberi perhatian semasa pihak Kementerian Pendidikan melihat pendidikan pra sekolah atau *kindergarten* dari segi kurikulum dan sistem-sistem yang lain.

Begitu juga dengan di peringkat kolej dan universiti. Saya pernah menyebut dalam Dewan yang mulia ini bahawa pensyarah-pensyarah di kolej dan khususnya di universiti, IPTA dan IPTS secara khususnya adalah mereka yang agak bernasib baik kerana rakan-rakan mereka di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah terpaksa mengikuti latihan untuk perguruan seperti mana ditunjukkan dalam akta ini ada diperuntukkan RM26.937 untuk menampung kenaikan kadar elaun latihan Kursus Diploma Perguruan.

Jadi, yang saya hendak tekankan ialah mungkin pada pensyarah-pensyarah di IPTA dan IPTS juga hendaklah selain daripada ijazah yang membolehkan dia mendapat kerja pensyarah, dia juga hendaklah dilengkapi dengan kelulusan yang membolehkan dia bersyarah di universiti kerana umum mengetahui bahawa kita menganggap bahawa asalkan dia pensyarah kerana dia hendak bersyarah kepada bakal-bakal siswazah yang sudah agaknya matang melalui proses persekolahan yang begitu lama mungkin andaiannya di seluruh dunia ialah tidak lagi perlu untuk diberi latihan.

Pada saya, amat mustahak juga diberi penumpuan ini kerana di antara sebabnya bolehlah kita kaitkan dengan perkembangan teknologi di masa kini. Dalam proses pengembangan teknologi kalau sekiranya pensyarah itu sendiri

mungkin agak ketinggalan dan tidak mengikuti perkembangan teknologi tetapi kalau diadakan latihan dalam bentuk yang tertentu dalam masa yang tertentu bersesuaian dengan kerja mereka saya percaya mereka juga boleh memaksimumkan kegunaan teknologi dan sebagainya dalam proses pengajaran mereka.

Sekiranya proses pengajaran di universiti-universiti juga mempunyai taraf dan nilai yang tinggi maka kita harap para pelajar itu pun akan dapat menjadi pelajar dan akhirnya apabila mendapat ijazah mendapat satu *education valuenya* lebih tinggi daripada biasa kerana bukan setakat ilmu yang dia belajar yang hendak dibawa bekal untuk hidup di luar apabila lepas mendapat ijazah tetapi juga benda-benda lain yang dia belajar daripada prestasi pensyarah itu sendiri daripada prestasi pentadbiran IPTA dan IPTS itu sendiri yang boleh memberi gambaran kepadanya secara baik ataupun secara tidak baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menyentuh tentang program pihak kerajaan membina makmal komputer yang sebanyak 2,400 buah dalam satu fasa dan fasa yang berikutnya dicadangkan sebanyak 2,000 buah makmal. Saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Pendidikan tentang permasalahan yang timbul mengenai pembinaan makmal-makmal komputer ini dan saya ucap tahniah kepada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan yang ada di sini kerana menimbulkan masalah ini sebelum ianya berlarutan dan sudah kena pada masanya supaya dalam fasa yang berikut kita boleh mengambil tindakan yang boleh mengelak daripada masalah yang berlaku pada peringkat fasa yang pertama yang kita sama-sama hadapi.

Saya ingin mengetahui apakah sebenarnya kedudukan sekarang berapa lama yang terjejas, berapa bilangan yang terjejas keseluruhan negara yang dilaporkan dalam akhbar beberapa negeri telah diberitahu sekian banyak yang terkandas, ada yang bilik belum siap tetapi komputernya *ready* hendak masuk. Jadi, sekarang komputer itu pun disimpan dalam stor dan kalau disimpan dalam stor bagaimana pula tentang aspek keselamatan dan sebagainya. Maka perkara-perkara ini hendaklah diberi perhatian oleh pihak kerajaan supaya ianya lebih licin dan teratur apabila dilaksanakan nanti pada masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menyentuh tentang Pusat Perkembangan Kurikulum. Yang ditekankan di sini juga ialah mengenai alat bantuan mengajar yang digunakan. Saya terbaca dahulu bahawa Pusat Perkembangan Kurikulum juga sebenarnya menyediakan bahan-bahan ini sebagai membantu usaha untuk mewujudkan sekolah bestari. Yang saya agak keliru ialah bagaimanakah tentang kedudukan syarikat yang telah dilantik untuk menyediakan program-program

ini untuk mengisi dalam pengamalan program sekolah bestari dibandingkan dengan usaha Pusat Perkembangan Kurikulum sendiri dalam usaha ini.

Apakah bentuk alat bantuan mengajar yang digunakan, sama ada ianya meliputi yang sekolah bestari ataupun yang bukan bestari. Mungkin kalau sepintas lalu saya nampak kalau sekolah bestari sudah mempunyai badan atau syarikat mengusahakan untuk mewujudkan alat-alat ini mungkin yang disediakan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum ini ialah untuk sekolah lain yang belum mempunyai manfaat ataupun untuk sekolah-sekolah yang akan menerima makmal-makmal komputer yang saya sebut tadi. Itu saya harap dapat dijelaskan oleh pihak kementerian.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan mesyuarat***]

Begitu juga dengan bila disebut tentang mata pelajaran yang diberi pengkhususan seperti Kemahiran Hidup dan Bahasa Inggeris. Saya ucap tahniah kepada pihak kerajaan kerana memberi pengkhususan kepada Bahasa Inggeris. Malah tadi kita telah dengar Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Sumber Manusia juga memberi pengkhususan tentang bidang ICT dan Bahasa Inggeris. Saya sebut dalam perbahasan dahulu, saya amat tertarik dengan program yang diwujudkan di sekolah berasrama penuh yang saya kenali di sebuah sekolah di Kedah dan ingin saya merujuk kepada sekolah yang sama bahawa bukan setakat Bahasa Inggeris yang diajar tetapi diajar juga Bahasa Jepun dan Bahasa Arab termasuk Bahasa Jerman. Saya sendiri mesti mengaku di sini, dahulu saya pun tidak tahu ini ada di sekolah sehingga saya pergi bercakap dengan pengetua itu dan bila dia cerita saya kata, "Wah! ini sudah hebat".

Pada saya model ini yang boleh kita laksanakan di sekolah berasrama penuh seperti ini yang saya tahu memang berlaku patut juga dilanjutkan sebagai satu usaha di sekolah-sekolah yang lain dalam bentuk yang lain, mungkin kita tidak mendapat taraf istimewa bantuan yang sama di sekolah-sekolah lain sebab sekolah berasrama penuh secara definisinya mempunyai kelebihan, peruntukan yang lebih tetapi kalau digalakkan sekolah-sekolah mewujudkan ini, maka boleh kita menghubungkan dengan pejabat kedutaan yang berkenaan sama ada Kedutaan Arab, Jepun, Germany dan sebagainya dan saya percaya mereka ini akan memberi bantuan malah kalau saya dengar daripada *case study* yang saya buat ini di antara yang kurang berminat dan tidak memberi bantuan ialah Kedutaan Arab. Saya tidak tahu kenapa.

Malah kedutaan yang lain, sokongan mereka terhadap keinginan kita untuk belajar Bahasa Jepun dan Bahasa Jerman umpamanya begitu amat baik sehinggakan melakukan program-program khusus berpanjangan sehingga mengajak se kumpulan guru bersama murid melawat ke negara-negara itu. Saya rasa ini satu program yang begitu amat baik dan berdasarkan kejayaan model ini saya rasa patut kerajaan dan Kementerian Pendidikan khususnya memberi penumpuan kepada Bahasa Inggeris. Kita galakan pembelajaran Bahasa Inggeris ala ini dan galakan lagi syarikat-syarikat dan kedutaan-kedutaan di negara Komanwel umpamanya yang semuanya berbahasa Inggeris sebagai bahasa rasminya untuk memberi pertolongan atau bantuan sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Saya rasa program yang menyeluruh begini sekali gus juga akan boleh melibatkan ibu bapa dan boleh juga melibatkan macam saya sebut dahulu kumpulan-kumpulan masyarakat yang kurang sibuk pekerjaannya. Maksud saya yang kurang sibuk, saya sebut dahulu kumpulan pesara, ahli-ahli persatuan pesara umpamanya. Dahulu saya kaitkan dalam bidang-bidang lain tapi sekarang saya hendak mengaitkan juga dengan kebolehan mereka dalam berbahasa Inggeris kerana umur yang sebegitu kumpulan begini semuanya mendapat pendidikan Bahasa Inggeris dahulu di mana bahasa penghantarnya Bahasa Inggeris.

Jadi, saya boleh buat andaian bahawa kebanyakan mereka boleh dijadikan penggerak atau guru, atau *tutor* atau *coach*, panggillah apa sahaja, mengikut program yang bersesuaian di luar bandar kerana hendak mengajar di luar bandar ini kalau setakat bahasa Inggeris bukanlah begitu susah benar. Ini kerana yang kita hendak ajar ini bukan bahasa hendak buat kajian, Phd. dan sebagainya, hanya bahasa pertuturan, bahasa komunikasi. Bahasa komunikasi ini hendaklah tahu sedikit, latih tubinya banyak. Buat salah banyak, belajar pun banyak. Jadi persekitaran supaya mewujudkan penggunaan Bahasa Inggeris di luar bandar pun hendaklah di wujudkan supaya sekali gus masyarakat juga mengetahui inilah dia antara alat yang utama untuk mendapat ilmu, tanpa kita memandang rendah kepada Bahasa Melayu.

Saya tidak memberi gambaran atau mengatakan Bahasa Melayu itu bukan bahasa ilmu, tidak. Saya mengatakan bahawa ia hendaklah berjalan seiring sejalan. Kalau semua *web site* umpamanya ada yang berbahasa Inggeris kena ada bahasa Melayu. Kalau ada buat *web site* hanya bahasa Melayu, kena ada bahasa Inggeris, supaya dibuat pilihan. Oleh kerana itu kalau wujud program-program yang lain di luar bandar dan yang mereka melihat dan mereka boleh fikir sendiri bahawa keberkesanannya akan meningkat dengan lebih...

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang minta laluan. Dijemput Datuk Nor Azah

Datuk Nor Azah binti Awin: Minta laluan Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Yang Berhormat Datuk Ghazi kita ini dari segi Internet dia adalah pakar, saya hendak bertanya dari segi *web site* yang disebut tadi, semua *web site* yang ber *origin* atau yang dilahirkan di Malaysia ini memang mempunyai Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris tetapi saya pernah dengar tentang *web site* dari luar negara yang mana saya tidak salah *Microsoft* akan membuat *automatic translation* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua kepada tahap di mana Bahasa Malaysia kita dapat diselaraskan dengan bahasa Inggeris atau bahasa-bahasa lain. Saya hendak tanya Datuk Ghazi ini, setakat mana langkah-langkah tersebut telah dilaksanakan kerana Datuk Ghazi sendiri adalah dalam *business* Internet ya? Terima kasih.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak dan terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Datuk yang bertanya, pertama saya hendak membuat pembetulan, saya bukan dalam *business* Internet atau IT saya adalah Ahli Dewan Negara dalam Dewan Negara Parlimen yang mempunyai fungsi dan tanggungjawab yang tertentu secara kebetulan, saya pilih dalam bidang ini untuk menjadi pengkhususan saya belajar. Oleh kerana itu, saya bolehlah sedikit bercakap dan menyumbang dalam bidang ini.

Soalan Yang Berhormat Datuk tadi berat kerana lebih baik Bill Gates jawab itu, apa program *Microsoft* dalam bidang ini tetapi secara menyeluruh saya boleh menyebut bahawa usaha ke arah dalam industri. Jawapan saya ialah jawapan dalam industri, perkembangan dalam industri, Bill Gates mungkin ke arah itu sebab tujuan Bill Gates ialah menguasai segala-galanya, ini Bill Gates. Bill Gates ertinya kita mesti kawal segala-galanya kerana itu dia memilih sebagai contoh dalam menjalankan perniagaannya *digital nervous system*, sistem saraf digital. Ha! itu dia. Kita boleh memikir kalau kita menggunakan akal mengapa dia pilih itu sebab sistem urat saraf kita ini menguasai kita semua. Jadi kepala otak Bill Gates ini bila dia hendak pilih ungkapan yang paling tepat hendak menguasai manusia ialah pergi pada *nervous system* dia. Ini pandangan sayalah. Kalau berbeza, berbezalalah. Tetapi daripada baca itu kita nampak dia punya angin riak-riak dia.

Jadi berbalik kepada usaha industri ini, saya juga mendapat fahaman bahawa banyak syarikat berusaha ke arah ini. Berusaha ke arah mewujudkan sistem menterjemah spontan ataupun ada sampingan boleh dikaitkan apabila hendak dibuatkan terjemahan. Jadi soalnya sekarang, adalah perlumbaan di antara syarikat-syarikat yang berminat ini. Perlumbaannya ialah, siapakah yang akan berjaya

mendapat tahap *champion* dalam bidang membuat terjemahan dan siapakah yang membuat terjemahan Bahasa Malaysia umpamanya yang paling relevan dengan kita, yang paling tepat, yang tidak salah sasaran dari segi terjemahannya dan setakat yang kita tahu kadang-kadang terjemahan itu adalah terjemahan yang dikatakan *raw translation*, maksud saya kalau Bahasa Inggeris kata "*look out*" sebagai ikhtiar kena berjaga-jaga jangan perhati dekat luar, dia akan buat terjemahan "pandang luar" umpamanya sebab "*look out*", ini maksud saya.

Jadi kena ada perkara-perkara yang beginilah hendak dibetulkan supaya tidak mendapat salah makna. Jadi begitu juga dengan perisian-perisian dalam Al-Quran dan Hadis seumpamanya. Wujud syarikat-syarikat luar yang baru ini sendiri dirasmikan, dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Ada program yang membuatkan terjemahan Al-Quran secara digital terus. Jadi usahanya ialah kita kena lah mempunyai pengetahuan untuk menentukan bahawa terjemahan itu tepat pada hajatnya yang betul, malah dalam bidang Al-Quran dan Hadis lebih mustahak sebab kalau salah tafsir, terpesong pula maka akidah agama Islam agama itu sendiri sudah tidak betul. Itulah saja respon s saya dari segi terjemahan.

Tuan yang di-Pertua, perkara lain yang saya hendak bangkitlah ialah mengenai perkara kelima, RM155, 231,000 menampung keperluan empat buah kolej universiti baru. Pembukaan semula kampus cawangan Universiti Putra Malaysia di Bintulu, Sarawak. Saya ucap tahniahlah kerana kerajaan membuka semula cawangan ini tetapi saya ingin memberi pengkhususan kepada satu sudut yang lain tentang Universiti Putra Malaysia ini.

Kalau tidak salah saya, nama Universiti Putra Malaysia ini ditukar pada tahun 1997, kalau tidak salah saya, lebih kurang tetapi umurnya sejak daripada dari sekolah atau kolej bagi *agriculture* kalau tidak salah Kolej Pertanian dahulu, kalau mengikut laporan akhbar hampir 70 tahun. Pada saya pihak kerajaan patut memikirkan supaya nama Universiti Putra Malaysia ini patut diubah kembali kepada Universiti Pertanian Malaysia, saya berani kata begitu sebab yang saya berani kata begitu kerana pengkhususan kita dalam semua sekarang, kalau kita tengok kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kenyataan Menteri Pertanian sendiri pun semuanya ke arah itu. Membawa wawasan dalam negara ini ke arah pertanian. Menjadikan tani sebagai satu profesion, satu bidang yang boleh kita banggakan.

Kalau dahulu saya pernah sebut, dahulu orang *businessmen* tidak pandang sebab bukan pegawai kerajaan, ini tahun 50-a, 60-an. Pegawai kerajaan yang nampak hebat, gagah. Persepsi sebelum itu guru hebat, gagah, berilmu. Paling

berilmu ialah cikgu, kita dapat taraf yang tinggi. Kemudian pegawai kerajaan. Kemudian habis terhakis itu pergi pada *businessmen* oleh kerana itu punya salah guna *businessmen* ini, rancangan televisyen bila tunjuk *business* sahaja kena pakai kot dan *tie*. Ini pada saya cukup tidak bersetuju sekali. Saya sampaikanlah kepada penulis-penulis skrip dan pengarah-pengarah ini tidak semestinya mentang-mentang kata hendak buat *business* semuanya kena pakai kot dan *tie* berjalan merata ceruk pintu dan lorong begitu.

Saya rasa imej dan persepsi yang salah kepada masyarakat, ini sampinganlah. Tetapi pengkhususan saya ialah Universiti Pertanian Malaysia patut dimartabatkan semula. Saya rasa lebih kukuh tentang nama ini bila saya melihat dan saya amat bersetuju tentang pendapat seorang penulis yang menulis ke *Berita Harian*, yang menyebut, "*UPM Wajar Martabatkan Semula Sektor Pertanian*". Dia bagilah hujahnya untuk martabatkan semula. Saya amat bersetuju dengan pandangan ini malah pada saya satu cara hendak memartabatkan ialah memberi nama dan taraf Universiti Pertanian Malaysia, kita boleh nama Universiti Multimedia Malaysia. Wah! budak masuk multimedia, dia bawa alat-alat, *digital tools*, alat-alat peralatan, *tools digital* itu dia rasa bangga, fesyen. Swasta banyak begitu. Ada rasa hebat. Dia dalam golongan hendak jadi Bill Gates umpamanya. Inilah yang kita hendak memantaukan kepada anak-anak muda kita.

Begitulah juga kalau diperhatikan semua universiti tidak ada yang diberi label pertanian, sedangkan kita begitu kuat dan kukuh dalam bidang pertanian. Sedangkan kita mengatakan bahawa sekarang kita masih import RM11 bilion nilai pemakanan. Dalam masa 5 tahun hendak sampai RM20 bilion. Dan saya ingat dalam setahun lepas kita bincang tentang salah satu akta yang ada hubungan kait dengan pertanian, kita juga bercakap tentang hal ini tapi saya tidak tahu nampak sejauh mana kita mengurangkan import makanan sejak kita berbincang setahun dahulu. Cuma saya ingin ucap tahniah pada pihak kerajaan khususnya kerana melantik seorang ahli korporat, ini lain sikit yang bekas ahli korporat mengetahui bidang pertanian, saya nampak *approach* Yang Berhormat Menteri begitu agresif, begitu *business like* dan saya percaya dia akan beroleh kejayaan, tapi selain beroleh kejayaan, kita juga hendakkan suasana lain yang membolehkan masyarakat pandang berat dan tinggi terhadap bidang pertanian ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk' Ghazi, ada laluan. Dijemput Yang Berhormat Puan Siti Zailah

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Datuk Ghazi kerana memberi laluan kepada saya. Saya amat

bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat berkenaan dengan penukaran nama UPM dan memang saya rasa ramai pihak yang bersetuju penukaran daripada Universiti Putera kepada Universiti Pertanian. Cuma saya hendak minta pandangan Yang Berhormat apa punca kenapa pertukaran daripada Universiti Pertanian itu kepada Universiti Putera pada tahun 1997 dan adakah benar ada pandangan yang mengatakan pada suatu masa dahulu di antara pemimpin kita yang tidak berapa suka imej pertanian ini diketengahkan seolah-olah hendak meningkatkan perindustrian dan sekarang apabila ekonomi kita mula ke arah kemerosotan dan mula hendak kembali kepada pertanian demi menjaga negara kita. Jadi apa pandangan Yang Berhormat tentang fenomena ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Datuk Ghazi.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua terima kasih banyak, terima kasih kepada Yang Berhormat kerana bersetuju dengan pandangan saya dan mengutarakan soalan susulan. Saya percaya pada masa dan ketika itu mungkin sebab musababnya kuat untuk menukar nama, dan tidak salah kalau sekiranya timbul keadaan untuk kita menukar semula sebab pada masa itu mungkin keutamaan yang begitu amat menonjol diberi kepada perindustrian dan teknologi khususnya masuk juga dalam revolusi maklumat ini, jadi masuk teknologi lain. Oleh kerana itu dan dihubungkan pula agaknya pada masa itu hendak mengenangkan juga jasa Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj agaknya menjadi Perdana Menteri pertama di Malaysia ini dan boleh kita kaitkan dengan sebuah universiti yang begitu lama wujudnya 70 tahun yang asal di sekolah dan mungkin itu yang tertua, saya pun tidak berani sebut sama ada ia tertua ataupun Universiti Malaya yang tertua, saya tidak begitu tentu.

Cuma lanjutan daripada soalan dan pandangan Yang Berhormat itu, saya rasa bila saya melihat dan mengkaji semula satu tulisan lain yang menyebut tentang wawasan Universiti Putra ini, tentang misi dan matlamat UPM dalam masa sepuluh tahun. Jadi, sepintas lalu bila lihat pada nama, kena lihat juga pada aktiviti yang lebih-lebih lagi kalau lebih strategik secara jangka panjang melihat pada wawasan, misi dan apa fokusnya. Bila saya lihat pada wawasannya ia menyebut dengan izin, "wawasan Universiti Putra Malaysia (UPM) ialah untuk menjadi universiti bertaraf dunia iaitu begini, begini, begini..." pada saya ini adalah sebuah idaman dan impian yang baik, tetapi hampir semua universiti bercakap begitu, agak universal pada saya, tidak ada pengkhususan, semua hendak jadi world class, syarikat juga hendak jadi world class, baiklah.

Kemudian disebut antaranya penekanan dan sebagainya tetapi tidak disebut langsung dalam bidang pertanian seperti mana yang saya sebutkan tadi. Misi menjadi pusat pembelajaran dan penyelidikan yang ulung, ini pun baik. Di antara yang asas, semua universiti mempunyai misi dalam bidang pembelajaran dan penyelidikan, betul semua hendak jadi ulung, jadi semua universiti akan bersaing di antara satu sama lain. Yang memberi sumbangan bukan sahaja kepada kemajuan manusia dan penerokaan ilmu tetapi juga kepada pembentukan kekayaan dan pembangunan negara, juga umum dan memang tepat dan tidak salah agaknya kalau universiti lain pun kalau kita kaji ke arah itu mungkin sepatah dua, tiga perkataan yang agak berlainan tetapi menuju ke arah itu. Lebih tepat bila kita melihat matlamat.

Dalam matlamat sepuluh tahun UPM disebut lapan matlamat. Di antara lapan matlamat, matlamat yang ketiga menyebut, "meningkatkan keupayaan UPM sebagai pusat pembelajaran dan penajaan ilmu dan teknologi pertanian", itu sahaja sepintas lalu dalam bidang pertanian. 1 sampai 8 diletaknya nombor tiga.

Pada saya, yang lain penekanan ini bunyi seolah-olah universiti ini tidak memberi keutamaan kepada pertanian, ini maksud saya. Kalau sudah keseluruhan universiti menyebut pertanian sebagai sampingan, maka hasilnya pun tidak ke mana. Pada saya, kaedah samalah dengan keputusan bijak pihak kerajaan mewujudkan UPSI - Universiti Pendidikan Sultan Idris. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dinaikkan taraf dari kolej yang mempunyai sejarah maktab perguruan. Jadi, sekali gus memberi satu pengiktirafan kepada bidang perguruan. Bukan setakat iktiraf buat universiti, sudah buat keputusan untuk menaik taraf, *grading system* pembelajaran jarak jauh diberi certificate, *direcognisekan* lagi, diberi kemudahan. Ini pada saya, rancangan baik dan menyeluruh dan bersepadu. Jadi, rakyat yakin dan berkata kerajaan serius, ada universitinya, galak suruh belajar lagi, PJJnya ada, kemudahan pinjaman kewangannya ada, hendak beli kereta untuk pergi sana sini pun ada dan sebagainya, amat baik.

Pada saya, kita kekurangan ini dalam bidang pertanian. Kita kekurangan fokus, kita tidak memberi fokus, nilai tinggi dalam bidang ilmu, dalam bidang pertanian seolah-olah kita meng'*endorsekan*, mengecapkan bahawa bidang pertanian adalah bidang pak tani di kampung, di luar bandar, di sawah yang teruk keadaannya, daif dan sebagainya. Ini mesej yang kita beri.

Kita hendak menukarkan mesej ini, kita hendak menukarkan mesej bahawa bila pergi ke Universiti Pertanian semuanya berpakaian ala tani, tidak payahlah yang koyak robek tetapi ada *standard*. Samalah dengan UUM kata saya tahu UUM

antaranya kena pakai macam eksekutif sebab ia universiti pengurusan, tidak apalah ada sebab. Tetapi takkanlah kita hendak suruh katalah Universiti Pertanian membawa imej dalam Vice Canselor kata kena pakai kot tiap-tiap hari, itu tidak kena umpamanya. Jadi adalah bersesuaian dengan mesej ini dan program-program umpamanya, kalau di universiti kita belajar ijazah, kemudian kolejnya pun diberi penekanan tentang pertanian. Kemudian bila datang kolek komuniti yang saya pernah tanya Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri ada di sini pun kita patut masukkan satu bidang, panggillah apa sahaja nama pelajarannya, tetapi bidang pertanian yang di kawasan Parlimen itu sendiri pun sudah memberi pengkhususan bahawa bidang tani ialah bidang ilmu yang mesti diterokai dan dikuasai sehebat mungkin, sama taraf dengan bidang multimedia yang selalu kita bercakap. Barulah kita nampak satu *standard*, apa lekehnya multimedia dengan pertanian. Yang kita hendak wujudkan berteraskan ilmu, yang kita hendak wujudkan kebangkitan pertanian, kemajuan pertanian menggunakan ilmu, berteraskan ilmu, teknologi, ICT, berteraskan Sains dan Teknologi, semuanya selaras.

Oleh kerana itu, badan-badan seperti badan penyelidikan MARDI umpamanya. Ini saya nak masuk MARDI sedikit ya, ada kaitan. Ini kalau tadi saya puji memang tepat Kementerian Pendidikan dari segi kesepaduannya nampak, saya harap diperhebatkan juga kesepaduan dalam bidang pertanian umpamanya. Tadi saya sebut universiti, kolej sampai ke kolej komuniti pelajar. Kemudian dia tengok pula berkaitan dengan MARDI. MARDI buat *research* ini ya Allah, punya hebat tetapi tidak dengar juga hasil-hasil yang tinggi. Dahulu saya ingat Universiti Malaya kata bagus dari segi kubiskah? Saya ingat dahulu-dahulu. Universiti Pertanian pun pernah keluar kata dia cipta - saya tidak ingat apa dia tetapi dia punya kejayaan pertanian itu diwar-warkan, dihebahkan kepada masyarakat dan kita kata, "wah, ini hebat," Sekali gus kalau boleh diselaraskan supaya ini dinaikkan taraf dan segala hasil kajian itu dipatenkan kerana sudah ada kementerian yang mempromosikan paten, ini saya hendak kait. Maka semua orang kata, "oh rupanya ada nilai". Jangan bagi syarikat Amerika sahaja datang diam-diam, ambil cara kita hendak buat hampas padi, cara padi hendak dijadikan bahan-bahan lain yang boleh menaikkan kemajuan ekonomi tetapi orang Amerika ambil dia buat paten, dia dapat dahulu, kita punya, sebab kita tidak paten.

Jadi, peluang untuk mengajak dan mendesak daya fikir dalam bidang pertanian menggunakan ilmu dan alat teknologi terdedah kalau sekiranya dia nampak peluang ada nilai-nilai pasarannya kerana nilai pasarannya dikaitkan melalui MARDI yang diwujudkan oleh kerajaan itu sendiri.

Puan Jamilah Ibrahim: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Ada laluan, dijemput Yang Berhormat Hajah Jamilah.

Puan Jamilah Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut terpanggil untuk bertanya sedikit kepada Datuk Ghazi kerana dalam kayu ukur saintifik beliau, masalah nilai berkali-kali menyebut perkataan nilai. Jadi, saya minta pandangan Datuk Ghazi kerana kita di Malaysia ini selepas merdeka kita telah melalui tiga peredaran zaman. Peredaran zaman pertanian yang sedang dibincangkan mungkin saya yakin belum habis lagi dan kita masuk kepada zaman perindustrian. Sekarang kita masuk ke zaman IT dan teknologi bermaklumat dan boleh kita katakan zaman globalisasi terkini, jadi tiap-tiap zaman peredaran berlalu, dia mempunyai wawasan ataupun misi dan visinya. Jadi, saya hendak tanya pandangan Datuk Ghazi sejauh mana misi dan visi melalui tiga-tiga peredaran zaman ini dapat dirasai, difahami, dapat dimengerti, dapat dinikmati oleh rakyat keseluruhannya bagi mencapai peratus misi dan visi kerajaan itu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Datuk Ghazi.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Jamilah. Soalannya begitu amat kena dan strategik juga sebenarnya. Soalan itu baik sebab saya boleh kaitkan permasalahan yang kita ada yang mungkin wujud bahawa zaman-zaman yang disebut bahawa zaman pertanian, industri dan teknologi maklumat umpamanya seolah-olah dipisahkan. Ini satu persepsi yang saya hendak ubah mengikut fahaman saya sendiri kalau salah, boleh dibetulkan. Sebenarnya ianya ialah satu proses yang berbentuk bersambungan, bukan *compartmentalize*. Oleh kerana itulah, oleh kerana saya percaya bahawa ianya bersambungan dan diserapkan semuanya sekali, jadi kalau arus datang itu dia bawa, sekarang arus ombak hebat pertanian, pertanian terus bawa kepada perindustrian, dibawa juga pertanian. Ke mudian bila dibawa pertanian, dikumpulkan lagi sekali terus kepada dunia teknologi maklumat ICT.

Oleh kerana itulah kita tidak boleh pisahkan dalam arus pembangunan yang saya sebut. Malah soalan itu baik kerana saya boleh menguatkan hujah mengapa kita berkehendakkan kesepaduan yang saya sebut tadi. Maka bolehlah dilihat oleh masyarakat, oleh pemimpin, oleh pelajar yang akan mewujudkan segala produk-produk yang saya sebut tadi bahawa ini adalah kesinambungan orang-orang zaman dahulu yang membuat ciptaan inovasi pada awalnya sehingga sekarang. Cuma perbedaannya ialah *the challenge*, dengan izin, cabaran sekarang ialah semua ini ada bagaimana kita hendak menambah nilai dengan ilmu yang lebih. Kalau alat ini

saya ada [*Sambil menunjukkan sebuah alat rakaman*] dikenali dengan yang kecil, alat ini sebenarnya ialah alat *tool digital* yang saya boleh rakam suara saya selama lapan jam, sedangkan dahulu *tape recorder* saiz ini [*Sambil mengangkat sehelai kertas*] atau yang lebih terkini saiz ini [*Sambil menunjukkan sehelai kertas yang telah dilipat dua*] tetapi sekarang saya boleh simpan dalam poket dan saya boleh bercakap selama lapan jam tanpa bertukar apa-apa asalkan ada bateri.

Ini adalah nilai tambah produk umpamanya sebenarnya berlandaskan teknologi lama teknologi merakamkan suara (*voice recorded technology*). Macam mana hendak rekod atau merakamkan suara, tetapi yang dimanfaatkan melalui ilmu ialah bagaimana kita tidak menggunakan *tape* yang besar, tidak pakai kaset yang kecil tetapi kita menggunakan cip sahaja secara digital, ini sebagai contoh.

Bidang pertanian hendaknya begitu. Kalau sekiranya produk-produk pertanian yang saya tidak boleh sebut secara spontan, yang MARDI buat kajian itu ditambah dengan nilai teknologi yang lebih, insya -Allah kita akan berjaya, lebih-lebih lagi saya hendak sambung tentang proses kesepaduan tadi. Tadi saya sebut Universiti Pendidikan, pergi kepada MARDI dan hendak melengkapkan lagi kita ada badan lain yang disebut FAMA. FAMA ini saya lihat sebagai satu bidang komersial. *Facing the public* dengan izin, badan untuk memasarkan. Dia bertapak di pasaran, dia melihat apa pasaran hendak, dia paling ke belakang, lihat dunia pertanian, awak kena buat ini.

Dia lihat di MARDI, "Awak kena buat penyelidikan di bidang ini". Dia melihat ke belakang, *source* dia ialah universiti yang mempunyai kepakaran dan kebolehan ilmu, pemikiran, daya penyelidikan dan sebagainya untuk mengkaji maklumat, ilmu yang terkini dan hantar kepada MARDI supaya dipertingkatkan dan diamalkan, dan hantar kepada FAMA dari segi marketing. Oleh kerana itu pada saya, kalau begini yang kita tekankan, sampai ke akar umbi, sampai di kampung, jadi tidaklah kaum tani menyebut baha wa dia dok dengar itu sahaja.

Saya pernah bergurau dengan rakan saya yang dalam bidang pertanian dahulu. Dia ini mempunyai Ijazah Sarjana dalam bidang pertanian. Dahulu ya, banyak tahun dahulu, saya tanya, "Apa kerja you sekarang?" "Oh, kita senang, kita kerja masuk dalam kampung, bagi nasihat, kena tanam ini, baja ini kena pakai, begini, begini, begini". Selepas itu, bagi dia orang buatlah. Beberapa bulan kemudian, dia datang check, inspect, dia lihat pokok tidak berbuah juga, tidak elok. Jadi, pak tani di kampung tanya dia - nama dia Encik Ahmad - saya sebutlah Ahmad, boleh sebut Am. "Encik Ahmad, kenapa tidak jadi?" "Oh", kata dia, "Macammana

pakcik tidak masukkan baja itu?? Dia pun cerita, begini, begini, begini, begini. “Haa, pak cik silap sikit. Baja ini pak cik, kena dimasukkan begini, begini, begini”.

Jadi, ceritanya tidak habis - pada saya - kalau pendekatan yang diambilnya begini. Itu pendekatan dahulu. Maksud saya sekarang, kalaulah pendekatan yang lebih hebat yang menggunakan teknologi sekarang diadakan di pertanian, usaha kerajaan hendak bawa masuk Internet Desa umpamanya, sebagai contoh, dimanfaatkan juga melalui Internet ini. Ilmu mengenai pertanian, panduan-panduan yang dia boleh tunjuk contoh, tidak payah Encik Ahmad, pegawai ini datang sekali-kali. Dia boleh hanya dengan menggunakan tangan dia sahaja, boleh lihat macam mana hendak tanam. Melalui proses multimedia, dia tunjuk hendak sediakan tanah begini, hendak cari baja jenis ini, harganya begini. Kemudian ditanam, tunjuk begini. Semuanya sudah diajar. Kalau inilah dapat dibawa ke kampung, ditunjuk melalui teknologi, benda itu dia tahu dahulu.

Tetapi sekarang, kita tunjuk cara lain. Samalah yang pernah saya dihadapi, bila saya balik kampung, satu kali cuba hendak.....[Disampuk]

Datuk Long bin Jidin: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Ghazi, Datuk Long ada minta laluan. Dijemput Datuk Long.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Minta laluan dan pandangan daripada Datuk Ghazi tentang bahan-bahan keluaran pertanian yang dikendalikan oleh FAMA. Kita perlu beberapa teknologi pertanian untuk mengeluarkan bahan pertanian. Tetapi, kita ada bahan yang semulajadi.

Contohnya, beberapa bulan yang lepas, saya mengikuti rombongan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara ke Jepun, salah satu makanan yang menjadi kegemaran negara Jepun adalah rumpun buluh atau orang sebut rebung (*shoot*), yang tidak perlu ditanam. Di sana, harganya agak mahal dan di hutan belantara negara kita, rebung buluh ini banyak dan di sana dibekalkan untuk kami makan kecil-kecilan. Harganya mahal dan amat istimewa. Rebung buluh ini tidak termasuk dalam program SPS yang mana pengimportan bahan-bahan buah-buahan di negara kita ini tidak boleh dibawa masuk ke negara Jepun disebabkan kita ada masalah *fruit flies* yang mana *insects* yang perosak ini memudaratkan kepada buah-buahan, tetapi bagi rebung buluh ini, tidak termasuk.

Apa pandangan Yang Berhormat Datuk Ghazi kalaulah rebung buluh yang tidak perlu ditanam ini, kita pungut sahaja daripada hutan dan eksport ke Jepun? Ini merupakan hasil kepada negera. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Long, cuma saya hendak tahu satu, rebung buluh Jepun ini, samakah mutunya dengan buluh kita di hutan?

Datuk Long bin Jidin: Yang saya makan di Jepun dengan yang ada di Malaysia sama. Rasanya sama, hanya rupa, bulu-bulunya pun sama. Saya rasa buluh yang ada di Jepun, walaupun spesiesnya berbeza, rasanya sama. Mungkin kita boleh bubuh namanya pun ala Jepun, pun boleh, saya rasa dan harganya amat lumayan. Apa pandangan Yang Berhormat Datuk Ghazi kalau rebung buluh ini dieksport ke Jepun? Buluh kita ramai. Banyak, bukan ramai. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Long bukan sahaja makan rebung, bulu-bulu rebung pun dia makan, ya? Jangan termakan miang rebung sudahlah. Dijemput Datuk Ghazi.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah respond tadi, sebahagian daripada itu telah jawab. Saya berterima kasih kepada Datuk Long kerana soalan itu amat baik. Soalan sebenarnya, merupakan jawapan sepintas lalu. Alhamdulillah, saya mendengar soalan itu, malah ini boleh dijadikan sebagai model satu kes di mana kesepaduan yang saya cakap tadi, boleh diimplimentasikan. Alhamdulillah, saya boleh menggunakan contoh itu dalam rangkaian *the supply chain, if you like*, dengan izin, yang saya sebut tadi.

Tadi, saya sebut berkenaan dengan MARDI. MARDI ini, dia ke hadapan. Dia melihat pasaran. "Awak hendak apa?" Itu dia punya soalan. Ini cara ringkaslah, ya. Ini bahasa orang kampung, itu bahasa ringkas. MARDI kata okay, dia dalam pasaran. "Apa awak hendak?" Orang Jepun hendak rebung, jawabnya. Dalam pasaran, di katakan Jepun, orang Jepun suka makan rebung. Harganya mahal, boleh dibuat. Boleh pergi restoran, boleh lihat restoran tinggi harga begini, restoran paling rendah harga begini. Dibuat congak *straight away* rebung itu oleh kerana dia rasa. Boleh bawa balik tidak, kalau hendak bawa balik? Boleh kan? Kalau saya beli, ambil sikit bawa balik. Bawa balik, kemudian kita kata, buat sekarang, kita cari maklumat. Yang Berhormat Datuk Long bagi tadi adalah merupakan satu maklumat yang amat relevant. Kita dapat maklumat itu, sekarang cari di mana, apakah supply ataupun apa yang kita ada? *Supply* apa? [Bertanya kepada Tuan Yang di-Pertua]

Timbalan Yang di-Pertua: Pengeluaran.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Pengeluaran yang ada, yang wujud sedia ada. "You kata, tidak payah buat apa, sudah ada dah pun". Saya anggap, yang ada ini, kita hendak *take stock*. Kita hendak ambil bilangannya, jumlahnya berapa? Negeri mana yang ada banyak benar rebung yang jenis ini? Kita pergi ke pejabat MARDI.

MARDI kenal jenis rebung. Bila sebut tunjuk contoh, dia boleh lihat sikit, *check*, okay. Ada 10 jenis rebung. Jenis a, b, c, d sampai berapa. Kemudian, setelah kita tahu kedudukan yang sebenarnya, maka kerja FAMA di antaranya, saya bagi contoh FAMAlah. Yang swasta itu kita diamkan. Yang swasta, dia boleh ceritakan ini, swasta akan buat diam-diam. Yang saya sebut, kerajaan boleh mengambil langkah ini kerana sudah ada institusi buat kerja ini.

Maka, bolehlah dieksportkan benda ini kepada negara Jepun sebagai khusus. Bayangkan, kalau tadi saya bercakap gunakan Internet dapat maklumat yang dia faham dan dia suka. Katalah, kanak-kanak menganggur ini umpamanya. Budak sekolah, kita *organize* satu kumpulan, kata cari, buat, kerajaan kena belanja sikitlah, tidak banyak sebab dia menganggur. Bagi sikit dia buat. Cari maklumat di kampung ini, apa ada? Dia cari, ada buluh, ada rebung, ada pisang, ada jagung, ada kelapa – umpamanyalah, sebagai contoh - dan kita fokus pada ini dan masukkan dalam Internet sebagai maklumat yang ada benda di kampung.

Kemudian, bila datang pula maklumat dari MARDi atau sesiapa sahaja atau Datuk Long bagi maklumat pada sesiapa, dikemaskinikan maklumat ini, kata, “Oh, rebung yang kita ada ini, sebenarnya boleh dijual di luar negara”. Kalau ada MARDi *organize* sebagai *main supplier*, dia ini hendakkan *Project Manager* sahaja. Pada saya, hendakkan seorang pengurus projek ini, projek hendak mengumpul segala bahan-bahan ini, projek hendak membuat pembungkusan dengan cantik dan baik supaya lulus dia punya taraf untuk hendak export ke negara Jepun dan kemudian sudah ada pasaran. Lebih-lebih lagi kalau kita tahu harga dia tinggi, kita jangan bagi harga tinggi sangat, bagi kurang sikit, maka, terus kita akan dapat menawan pasaran kita. Jadi, inilah satu contoh yang begitu amat baik di mana walaupun umpamanya, usaha yang dijalankan, program lawatan Yang Berhormat tadi, boleh dimanfaatkan dengan menyampaikan maklumat itu kepada pihak yang berkenaan, maka pihak yang berkenaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Kita hanya bercakap tentang rebung yang mempunyai nilai tertentu dan mungkin yang kita buat andaian, bahawa ia nya terlalu amat banyak dalam negara kita. Itu yang saya kata, kena *take stock* dahulu. Kena tahu dahulu, lihat dalam itu, ada berapa banyak. Macam minyaklah, kita ada minyak sekadar 10 tahun atau 30 tahun. Itu cerita lain. Kita ada rebung setakat mana? Maksud saya, kalau sudah tahu berapa banyak rebung ada, berapa lama kita boleh eksport, mungkin pengkhususan Program Perdana Pertanian Lembaga Pertubuhan Peladang yang baru ini disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri, mungkin dijadikan sebagai satu tajuk tanam rebung, atau tanam buluh umpamanya. Ini, pada saya, satu pendekatan

yang begitu amat baik dan sekaligus saya menyebut, saya teringat tentang Program Perdana Lembaga Pertubuhan Peladang yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian ini amat baik tetapi yang kita hendak ialah dihebahkan lagi pada rakyat, pada semua orang kampung khususnya dan kalau digunakan teknologi tadi pada saya, dia lebih bermanfaat. Kalau tidak, dia nampak komputer, dia kata tidak ada apa-apa pun. Apa ini komputer ini? Dia kata untuk budak-budak main game.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Ghazi, Yang Berhormat Datuk Long, dia memang bidang pertanian, dia minat. Dijemput Datuk Long.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapatkan pandangan Yang Berhormat Datuk Ghazi tentang tadi Yang Berhormat Datuk menyebut perkataan Lembaga Pertubuhan Peladang. Lembaga Pertubuhan Peladang ini, dia ada ahli peladang. Manakala FAMA, boleh tidak, FAMA ini disatukan dengan Lembaga Pertubuhan Peladang? Sebab FAMA ini, dia tidak ada dia punya petani. *Contact* dia dengan petani, jauh. *Contact* dia dengan pengusaha pun saya rasa jauh. Jadi, untuk menolong petani, adalah lebih baik kalau boleh merge di antara Lembaga Pertubuhan Peladang dengan FAMA sebab di kalangan ahli petani, dia mendapat khidmat lebih banyak daripada Lembaga Pertubuhan Peladang.

Daripada situ juga, FAMA boleh membantu ahli dia untuk memasarkan bahan pertanian dia. Walaupun di bawah kementerian yang sama, saya dahulu pernah bekerja di bawah Kementerian Pertanian juga, saya nampak di antara pertubuhan peladang dengan FAMA ini, orang kata tidak berapa joinlah, cakap orang kampung kita, tidak berapa.....

Timbalan Yang di-Pertua: Mesra.

Datuk Long bin Jidin: Tidak mesra. Kebanyakan yang dihasilkan oleh petani, dihantar ke Pertubuhan Peladang, mereka jual sendiri melainkan kalau ada masalah, FAMA ini kadang-kala bila tunggu ada masalah, baru dia datang. Kita tidak hendak masalah ini timbul, baru dia selesaikan masalah. Kita hendak perkara ini, seharusnya dibuat secara berterusan. Kita tahu di mana permintaan sebenar bahan pertanian itu sudah ada, barulah diarah kepada petani untuk mengeluarkan bahan yang diminta oleh keperluan semasa. Ini, yang menjadi masalah sekarang ini, petani tanam apa sahaja yang dirasa hendak tanam, tetapi apabila hendak pergi buat pemasaran, di situ baru timbul masalah sedangkan benda yang ditanam itu tidak dikehendaki. Haa, ini yang masalahnya. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat Datuk, kalau boleh FAMA ini digabungkan dengan Lembaga Pertubuhan Peladang

atau dibuat satu jabatan sahaja, fungsinya ambil kedua-duanya sekali? Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Datuk Ghazi.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Timbalan Yang di-Pertua terima kasih, terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Long Jidin yang mempunyai pengalaman dalam Kementerian Pertanian khususnya Lembaga Pertubuhan Peladang. Rasionalnya nampak menawan dan menarik tetapi saya tidak bersetuju. Saya tidak bersetuju supaya digabungkan Lembaga Pertubuhan Peladang dengan MARDI. Pada saya...

Timbalan Yang di-Pertua: Bukan MARDI, Pertubuhan Peladang dengan FAMA.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Dengan FAMA, maafkan saya, dengan FAMA – LPP dengan FAMA. Saya tidak bersetuju sebab kewujudannya sudah ada mengikut fungsinya. Yang tidak baik itu ialah manusia yang mengendalikan, badan satu atau yang lain. Itu sahaja pada saya, dan oleh kerana pendekatan Yang Berhormat Menteri Pertanian sendiri ala-korporat, ala-*hands-on*, ala-*team work* – sebagai satu pasukan, insya-Allah, tidak wujudlah umpamanya, soal masalah manusia hendak menjuarai dunia dia sahaja, saya jawab begitulah. Ini secara ringkas ya, fahamlah maksud tu.

Jadi kadang-kadang kita bermasalah kerana yang menjadi CEO atau Ketua Pengarah pada Lembaga Pertubuhan Peladang, dia kata ini dunia dia – aku ada kuasa, aku ada ramai pengikut seperti pak tani dan sebagainya; dan FAMA ini pun kata “Wah, aku canggih, aku *marketing*, jadi aku pun ada dunia aku sendiri”. Ini yang menjadi permasalahan. Jadi lebih pada permasalahan manusia, bukan masalah struktur organisasi itu sendiri walaupun yang saya sebut tadi ...

Puan Jamilah binti Ibrahim: [*Bangun*]

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Sekejap, ayat hendak bagi habis. Walaupun pada asal tadi saya ingin pergi *route*, tukar nama. Yang universiti itu lain sedikit rasionalnya. Jadi saya masih pertahankan itu tetapi organisasi FAMA dengan LPP patut wujud, diperhebat dengan lebih mantap dan lebih berkesan. Dijemput Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Laluan diberi. Jemput Yang Berhormat.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Datuk Ghazi. Apabila Yang Berhormat Datuk Ghazi sebut manusia dengan dunia kemanusiaannya sahaja, saya terlintas dalam gambaran, misalnya warga Amerika, warga England dan warga Australia. Kalau kita melihat di dalam Astro

Animal Net di mana kesungguhan mereka membuat kajian dan mempromosi *research* mereka dan sekarang Yang Berhormat Datuk Ghazi membincangkan mengenai dengan pemakanan rebung sahaja mengambil masa yang cukup begitu panjang kerana ini adalah *benefit* dan manfaat kepada manusia.

Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Datuk Ghazi, sebab dalam negara kita mempunyai khazanah yang begitu mahal di segi tumbuhan pemakanan dan juga binatang. Beberapa bulan yang lalu atau pun setahun yang berlalu heboh di sana-sini berita menyiarkan pakar-pakar menangkap ular dan membuat duit dengan penangkapan ular-ular ini. Saya melihat kepada negara kita, lebih suka membangun pembangunan yang tinggi-tinggi dan *grand* daripada mengeluarkan wang peruntukan yang banyak untuk membuat kajian untuk jangka masa panjang dan paling bermanfaat kepada rakyat warga tempatan dan juga kepada warga luar di segi perkembangan pertumbuhan ekonomi.

Jadi saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat Datuk Ghazi, kalau kita buat bangunan yang *grand* dengan menelan belanja yang begitu banyak, tetapi di segi manfaatnya tidak begitu banyak dapat dirasai, dinikmati oleh rakyat keseluruhannya, apakah kita meletakkan satu peruntukan yang tidak kena pada tempat ataupun kurang menumpukan kepada yang lebih manfaat kepada rakyat? Tetapi Alhamdulillah, makna kita tidak terlambat tetapi kalau hendak dibandingkan dengan negara maju yang kita mendakwa bahawa kita juga terus maju seperti negara lain, kita baru meluluskan Akta Paten – akta menjagakan hak intelek dan sebagainya. Jadi, macam mana pandangan Yang Berhormat Datuk Ghazi perbandingan-perbandingan antara pembangunan *grand*, besar dengan keperluan untuk membuat kajian dan peruntukan perkembangan ekonomi melalui khazanah negara itu sendiri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Datuk Ghazi.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Puan Hajah Jamilah. Saya ingin memandangkan kepada perkataan *grand* ini – mungkin maksud Yang Berhormat dari segi banyaknya perbelanjaan ditumpukan, bukan hanya *grand* pada rupa bentuk fizikalnya, dan kalau fizikalnya *grand* pun, besar pun dikaitkan juga dengan nilai. Itu yang kita persoalkan. Terlintas oleh saya pernah orang mengatakan bahawa usaha kerajaan memperkenalkan Koridor Raya Multimedia yang seluas 750 sq. kilometre itu adalah satu projek *grand* yang membuat perbelanjaan yang begitu amat banyak dari segi infrastrukturnya – *highwaynya* kuat untuk membawa data, maklumat, video, teks dan sebagainya – tinggi jurang *band wave* nya.

Pada saya kita hendak melihat ini dari segi jangka panjang. Ini adalah satu pelaburan kepada Malaysia untuk rakyat dia pada masa hadapan dan kita sedang menerima manfaatnya sekarang. Oleh kerana wujudnya Koridor Raya Multimedia maka terdapat infrastruktur, terdapat peluang-peluang perniagaan aplikasi yang kita wujudkan melalui program Koridor Raya Multimedia ini yang selaras dengan perkembangan dunia – dunia globalisasi mengehendaki, memperkenalkan dunia yang berteraskan ilmu, ekonomi berteraskan ilmu. Ekonomi berteraskan ilmu kita tidak boleh lari dari penggunaan teknologi tadi.

Oleh kerana itu, yang perlu menerima cabaran ialah rakyat jelata sekarang, termasuk dengan pengurus-pengurus rakyat ini – wakil-wakil rakyatnya, pegawai-pegawai kerajaannya. Ini saya panggil pengurus-pengurus rakyat. Rakyat hendak kita dedahkan dengan semua ini – kita hendak bagi kesedaran, timbul minat dan sebagainya, dan pengurus-pengurus rakyat ini ialah wakil rakyat, hendak diberi sambungan, maklumat dan sebagainya – maklumat; dan pengurus-pengurus yang lain ialah pegawai-pegawai kerajaan yang menjalankan – FAMA untuk mengetahui maklumat pasaran, yang menjalankan – MARDI untuk mengetahui dan membuat penyelidikan-penyelidikan yang relevan.

Oleh kerana ada bekalan asas pelaburan yang nampaknya besar dan tinggi, inilah yang memungkinkan kita menggunakan ini bagi manfaat masyarakat. Malah bila Yang Berhormat bercakap, saya teringat bab rebung tadi. Saya pun suka makan rebung. Rebung ini kalau kita pergi ke Pekan Rabu – saya balik juga ke Pekan Rabu macam Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir pun selalu balik dan beli barang di Pekan Rabu – di antara yang hebat ialah jual rebung. Betul, susah hendak cari rebung yang sedap-sedap sebelah sini, yang sedap, yang baik, mutu dia tinggi sedikit. Saya promosilah Pekan Rabu ini. Dan rebung ini kadang-kadang datangnya dari rakan sahabat kita yang datang dari Siam, betul tidak Yang Berhormat Datuk Long? Datang dari Siam, apakah rebung Siam sahaja yang sedap? Takkan hendak pergi ke Jepun kalau hendak makan rebung sedangkan di Pekan Rabu, tujuan untuk mempromosikan orang-orang Melayu untuk berniaga, berniaga di Pekan Rabu pun kita masih tidak memanfaatkan dengan mengambil rebung di merata tempat dan jual di Pekan Rabu.

Tadi saya bercakap mengenai teknologi, yang internet. Sekarang, terima kasihlah soalan tadi, saya berbalik ke Pekan Rabu - pun kita ambil rebung dari Thailand. Apa maksud contoh saya ini? Maksudnya, semuanya sudah ada, rakyat kenalah usaha sedikit, gunakan akal fikiran yang diberi oleh Tuhan. Dikatakan akal yang diberi oleh Tuhan begitu hebat – ini merupakan satu komputer, *processory* yang

begitu hebat yang tidak boleh dibandingkan – *pentium* entah berapa, bukan tiga, empat malah lebih lagi – Tuhan punyai kurnia, dan manusia hanya boleh menguasai, pakai sehabis tinggi sepuluh peratus sahaja kehebatan yang diberi oleh Tuhan.

Oleh kerana itulah pada saya yang telah dibuat oleh kerajaan semuanya elok. Yang kurang elok kita perbetulkan, macam kita hendak sebut ini – pertanian. Terima kasih Yang Berhormat Long Jidin sebut mengenai buluh; saya sudah nampak buluh sekarang lagi teruk – Jepun hendak beli, kita pun tidak ada, you kata ada tetapi tidak ada. Oleh kerana itu saya kata, *check* tengok – cuba tengok, ambil statistik data mengenai rebung, betulkah banyak.

Mungkin Yang Berhormat Datuk Long Jidin boleh bagi tahu, mungkin ada tersimpan dalam satu failnya yang lain. Kata rebung ini banyak; kalau orang banyak makan setiap hari, dia akan boleh simpan sampai stoknya sepuluh tahun umpamanya. Jadi kalau jual cepat-cepat lima tahun okay; kalau hendak tanam berapa tahun boleh tanam – enam tahun, boleh?

Jadi bila kita buat perancangan nampak boleh lagi kita hidup hanya dengan berteraskan rebung. Jadi cerita hari ini cerita rebung – rebung ini banyak cerita dia. Tetapi tidak mengapalah saya berhenti, bagi Yang Berhormat Datuk Long Jidin kerana dia lebih tahu fasal rebung. Saya tertarik dengan Tuan Yang di-Pertua kata tadi rebung kena jaga – makan rebung kalau salah makan dia rasa gatal badan, sudah hendak kena cari ubat. Ini pun masalah juga. Jadi ini satu ...

Timbalan Yang di-Pertua: Ini jadi miang-miang rebung.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Ya, miang-miang rebung. Yang itu mungkin Yang Berhormat Datuk Long Jidin lebih faham daripada saya.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Datuk Ghazi kerana memberi laluan. Saya bukan cerita rebung tetapi saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat Datuk Ghazi tentang pemikiran masyarakat Malaysia. Mungkin tadi Yang Berhormat Datuk Ghazi cerita fasal rebung, yang suka datang beli rebung di Pekan Rabu di Kedah, yang suka beli itu pun, yang hendak beli rebung itu datang daripada Siam. Mereka rasa kurang minat agaknya rebung yang datang daripada Malaysia. Sikap pemikiran kita ini kalau keluaran barangan itu dari luar negeri kita berebut-rebut hendak beli tetapi yang keluaran tempatan kita tinggal-tinggalkan. Ini yang jadi masalahnya.

Contoh saya bagi lagi satu, berkaitan dengan pegaga. Pegaga ini baik untuk mengubat penyakit kanser dan pegaga ini sebenarnya kita boleh ambil sahaja daripada longkang, daripada tepi lembah, makan sahaja terus – lebih hebat, lebih baik khasiatnya. Tetapi yang ada sekarang ini masyarakat kita lebih suka makan

pegaga yang diproses jadi kapsul. Ini pemikiran manusia. Apa pandangan Yang Berhormat Datuk Ghazi tentang pemikiran rakyat kita yang terbawa-bawa sangat kepada, agak saya terlalu moden sangatlah - yang hendak moden-moden sahaja hendak pakai, yang tradisional ini ditinggal-tinggalkan. Apa pandangan Yang Berhormat Datuk Ghazi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang luar semua bagus, yang dalam tidak berapa bagus, lebih kurang begitulah.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Lebih kurang begitulah. Umumnya sudah tepat, tetapi saya hendak khusus kepada soalan Yang Berhormat Datuk Long Jidin, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat bab rebung ini tidak timbul isu itu. Isu sebenarnya, yang tempatan dia tidak ambil, dia tidak jual pun. Bukan tentang hendak pilih, hendak kata yang di luar negara, pada segi kes rebunglah. Saya akan masuk bab lain kemudian.

Tetapi bab rebung yang saya bagi contoh di Pekan Rabu, sebagai contoh, fokus, bukan bab dipilih kerana dia datang dari Siam. Sebab dia tengok rebung tidak ada tetapi bila kita tanya "ini dari mana, nampak lain sedikit. Dia kata "ini dari Siam". Betul, saya pernah tanya. Jadi pada saya, saya lebih membuat kesimpulan bahawa setempat tidak mencari rebung yang ada banyak yang Yang Berhormat Datuk Long Jidin cakap. Kalau tidak saya pun tidak berani kata ada banyak, itu maksud saya.

Kemudian kita masuk kepada bab yang kedua. Bab yang kedua tentang selera kita – pengguna, untuk memilih yang luar daripada yang dalam. Yang dalam dari yang luarkah atau yang luar dari yang dalam? Maksud saya yang *foreign*, yang dibuat di luar negara daripada yang di tempatan. Ini banyak sebab-musababnya – tidak boleh kita hendak memberi pengkhususan pada satu fakta. Tetapi di antaranya yang paling relevan pada saya ialah selera kita sendiri – *lifestyle*. Kita selalu hendak dilihat sebagai moden dan terkini dan kita sebagai pengguna mempunyai tahap keimanan untuk tertawan dengan *advertisement* dengan iklan pada satu tahap yang mencurigakan. Jadi kadang-kadang bila diiklankan dengan satu cara, satu gaya yang menarik, umpamanya jenama yang mengatakan "Mutu, Gaya, Keunggulan" dipamnya beribu-ribu kali dengan beratus-ratus juta ringgit, maka kita belilah barang-barang tersebut seolah-olah itulah jenama yang paling baik. Bukan kerana sedap dipakai, ada yang masih tidak pakai, macam ada yang sedap dipakai tetapi kerana kadang-kadang diiklankan.

Maksud saya, pengaruh iklan itu kuat. Pengaruh iklan ini kuat dan pengguna kata, oleh kerana dia percaya kepada iklan itu, jadi dia kata, dia belilah itu untuk jaga kesihatan badan. Ini yang dikatakan kekuatan marketing, kekuatan pemasaran itu

dalam bentuk *researchnya untuk mematuhi* apa yang awak hendak. Dan dalam bentuk produknya, apa yang hendak disediakan? Dan dalam bentuk hendak dipromosikan supaya pelanggan mengetahui yang produk ini ada dan baik. Kadang-kadang produk itu amat baik tetapi kalau tidak dipromosikan, dipakejkan dengan baik, tidak juga tertarik.

Samalah juga dengan perkara yang saya tidak terlintas kecil-kecil dahulu umpamanya, di Malaysia yang begitu banyak dengan lembah, sungai, air hujan dan sebagainya tidak terbayang saya yang kita hendak beli air botol minum, tetapi sekarang *fashionable*. Air botol kalau ambil "Avion" itu datang dari lembah-lembah di Negara Peranchis, ini saya pernah sebut dahulu dalam satu perbincangan, datang dari sana. Tetapi sekarang oleh kerana dipromosi dengan begitu baik, merasakan kita lebih sihat kalau kita minum *distilled water or pure mineral water*. Kemudian adalah *unscrupulous*, dengan izin, para peniaga tempatan yang tidak beretika mengambil kesempatan dan membotolkan air biasa juga dipanggil *mineral water* atau *distilled water*, dia main perkataan itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Air minuman?

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Air minuman. Tetapi dengan harga yang huh, jauh daripada kos, siapa yang terperangkap? Pelanggan yang terperangkap. Siapa yang rela hati untuk diperangkap? Individu yang membuat keputusan untuk mengeluarkan *cash* dan mendapatkan botol minuman itu. Jadi permasalahan ini agak begitu rumit oleh kerana itulah dalam bidang *advertising*, dalam bidang pengiklanan pun sudah industri pengiklanan bercakap tentang bidang mewujudkan etika iklan. Ada etika ertinya, ialah kita bagi *chance* lah awak borak-borak sikit-sikit, *you mark up* sedikit you punya bahasa itu, tetapi jangan berlebih, bukan?

Setakat kata, inilah datangnya dari pegaga, dan pegaga kalau makan boleh sihat, boleh membaiki tubuh badan, semuanya baik. Ha, jangan kata "semua", bukan? Ha, semuanya baik. Jadi wujudkan pada tahap-tahap yang tertentu sahaja. Ini maksud saya sebagai *response* kepada soalan yang baik tadi.

Tuan Yang di-Pertua, hari puasa ini kalau bercakap, ia kering sebenarnya. Alangkah enak dan baiknya kalau boleh dimasukkan seteguk air, tetapi oleh kerana kita puasa tidak boleh, jadi kita akan teruskan juga dan berikhtiar untuk melalui proses ini. Tetapi terima kasihlah kepada rakan-rakan yang membantu saya dengan membuat soalan. Walaupun saya takut juga saya tidak boleh jawab, dan saya telah *ready*, kalau saya tidak boleh jawab saya kata tidak boleh jawab, sekurang-kurangnya beri pernafasan sedikit kepada saya dan menyedia untuk mendapat nafas baru.

Timbalan Yang di-Pertu: Satu lagi Yang Berhormat, dari segi pertanian ini. Memang tradisinya di kampung-kampung. Orang kampung punya lima ekar, sepuluh ekar, tiga ekar tanah, sekarang ini tanah di kampung sudah begitu terpecah-pecah. Bagaimana kita hendak bangunkan secara komersial masalah pentadbiran?

Yang kedua, anak-anak muda kita sudah lari ke bandar sebab mungkin dari segi *market* tadi. Pegawai Pertanian kerja kuat, suatu ketika dahulu tempat saya cendawan, banyak petani-petani buat pondok tumbuhkan cendawan. Akhirnya empat, lima bulan, semuanya tutup, kerana pegawai pertanian kata saya punya kerja suruh hidup cendawan, market dia tidak tahu, bukan kerja saya. Maka ada hubungan yang Yang Berhormat Datuk Long Jidin sebut tadi, dari segi pengurusan, dari segi *market*, inilah yang sebenarnya akar kepada masalah kita. Bagaimana pendapat Datuk?

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak. Saya ingat pandangan itu amat tepat sekali dan alhamdulillah saya tertarik dengan soalan itu kerana ia sekaligus mengukuhkan lagi hujah saya awal tadi mengatakan sudah wujud institusi yang tepat yang kerajaan telah buat keputusan. Sudah wujud keputusan yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memilih seorang yang berlatarbelakangkan korporat untuk mengetuai bidang pertanian. Kita telah mencuba banyak cara, bukan kita hendak menyalahkan orang-orang lama, saya tidak berniat begitu, cuma saya ambil yang terkini. Pendekatan terkini pada saya adalah tepat dan pintar kerana kita tahu bidang pertanian menghendakkan revolusi yang terlalu amat hebat dan di antara revolusinya ialah revolusi mental rakyat, revolusi mental pegawai kerajaan, revolusi mental keseluruhan masyarakat.

Oleh kerana itu, ia menghendakkan satu pengurus yang berwibawa, satu CEO, satu Ketua Eksekutif yang berwibawa. Dan saya percaya masalah Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua sebut tadi memang berlaku dahulu, saya pun pernah dengar dan saya percaya perkara ini juga dalam makluman Yang Berhormat Menteri sekarang yang saya kenal betul dia ini dan saya percaya dia menuju ke arah itu. Cuma oleh kerana bila melihat kekusutan dan permasalahan itu mempunyai tahap yang begitu amat berat, kalau dikatakan penyakit, sudah pada tahap masuk dalam ICU, dengan izin. Maka ia memerlukan sedikit masa, tetapi seorang tidak akan boleh menyelesaikan segala-galanya.

Oleh kerana itulah, pada saya proses ini hendaklah disampingkan juga dengan pemprosesan penukaran pemikiran pengurus-pengurus itu sendiri. Pengurus atau the CEOs, the top management FAMA, the top management MARDI, the top management Lembaga Pertubuhan Peladang umpamanya, sebagai contoh

hendaklah diubah. Kena ada program anjakan paradigma mental ini, *mind set* yang hebat, barulah selaras dengan pemikiran Yang Berhormat Menteri dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Pada sayalah, ini pemahaman saya. Bila saya baca, congak-congak, saya boleh faham sikit-sikit, busuk-busuk saya, saya boleh faham sikit-sikit. Jadi saya catat dalam ingatan untuk dimanfaatkan bersama begini.

Jadi pada saya, kalau ini berlaku dengan kecanggihan teknologi di sekeliling, macam mana hendak dimanfaatkan? Saya rasa, boleh! Kerana wujud satu keadaan yang agak pelik. Negara kita diberi oleh Tuhan segala nikmat pertumbuhan, cuaca, iklim, suasana begitu baik termasuk dengan keamanan negara, sistem politik stabil dan sebagai, satu. Keduanya, import tinggi RM10 bilion hendak naik RM20 bilion makanan sahaja. Ketiganya, wujud Kementerian Pertanian yang mempunyai institusi-institusi yang banyak dan diberi penekanan serta kewangan yang mencukupi. Soalannya mengapa masih tidak berjaya? Itu dia!. Itu yang *million dollar question*. Oleh kerana itulah pada saya, mungkin ruang yang kita boleh mengambil sedikit masa membahaskan Akta Perbekalan Tambahan yang ini boleh dimanfaatkan dengan melihat bidang pertanian dengan lebih khusus.

Oleh kerana itulah saya memberi penumpuan begini. Sebab saya percaya setelah membuat sedikit penyelidikan luar tadi, bila kita membahaskan Belanjawan 2002, mungkin kita tidak mendapat nikmat masa seperti sekarang. Oleh kerana itu, kalau ada benda-benda yang menghendakkan kajian dan penelitian perbahasan yang banyak, saya amat berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang juga turut mengambil bahagian dan mengembangkan lagi proses perdebatan kita supaya kita nampak dan jelas apa yang dimaksudkan sebenarnya untuk manfaat masyarakat keseluruhan bagi menjayakan niat dan hasrat kejayaan kita yang amat baik dan murni itu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya hendak sebut masih dalam B.26 - Kementerian Pendidikan, bab yang kelima di mana menyebut tentang Kolej Universiti Baru, saya sudah menyebut Universiti Putera Malaysia. Terdapat juga bercakap tentang pertukaran Skim Perkhidmatan Pensyarah Universiti Teknologi Mara. Ini pun saya hendak bagi pengkhususan sedikit tentang Universiti Teknologi Mara.

Umum mengetahui kita telah begitu amat berjaya dalam mewujudkan graduan-graduan daripada Institut Teknologi Mara yang asal dan ini berlarutan dengan wujudnya universiti ditukar nama jadi Universiti Teknologi Mara. Malah kejayaan itu terserlah begitu sekali oleh kerana itulah kerajaan bersetuju untuk menaik taraf daripada institut kepada universiti. Cuma yang saya ingin mengulangi

sedikit yang saya sebut sedikit semasa membahas Rang Undang-undang Pewujudan Universiti Teknologi Mara, saya pernah sebut point ini, saya hendak ulang sedikit di sini, begitu amat relevant. Malah pada masa saya bercakap dahulu kalau tidak salah bilangan pelajaranya 70,000 kalau tidak salah saya dalam 60,000, 70,000. Sekarang mengikut yang saya tahu, bilangan pelajaranya sudah melonjak naik lebih 90,000.

Yang saya hendak tekankan di sini ialah mungkin sampai masanya pihak kerajaan memecahkan universiti yang seramai 90,000 lebih ini kepada tiga atau empat buah universiti dengan pengurusannya yang tersendiri. Mungkin Universiti Teknologi Malaysia Utara, Universiti Teknologi Malaysia Selatan, Universiti Teknologi Malaysia Tengah, umpamanya sebagai contoh. Dan lagi satu Universiti Teknologi Malaysia Sabah dan Sarawak. Itu dia, empat sebab, puratanya ia akan menjangkau 100,000 *any time*. Dan kalau dibahagi hanya dengan empat, ertinya sebuah universiti mempunyai purata pelajar sebanyak 25,000 pelajar. Kalau setakat kajian saya sepintas lalu di Amerika Syarikat pun Ivy League Universities, dengan izin, universiti besar yang sepuluh atau lima belas di Amerika Syarikat pun, mempunyai jumlah pelajar yang lebih kurang 30,000 orang untuk mantapkan kehebatan universiti itu.

Jadi pada saya, banyak soal pentadbiran, soal kemudahan, soal peningkatan mutu taraf pensyarah-pensyarah, soal keberkesanan dalam pengajaran, soal persepsi pelajar-pelajar itu sendiri, soal kemudahan tempat duduk dan segala-galanya dari segi urusan dan pentadbiran universiti sekaligus akan menerima fokus. Dan yang tidak juga boleh dilupai peluang untuk naik pangkat kepada pensyarah-pensyarah yang sudah lama dan kanan ini. Saya tahu banyak pensyarah-pensyarah UiTM yang berasal dari ITM lagi. Saya ingat tidak begitu ramai yang mula daripada RISDA dulu. Jadi, ya?

Seorang Ahli: *[Menegur membetulkan keterangan]*

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Apa dia, RIDA? RIDA, sorry, terima kasih. RISDA pula. RIDA dulu. Jadi mereka ini yang layak, yang patut boleh dinaik pangkat dan diberi peluang untuk mengurus dalam lingkungan 20,000, 25,000 pelajar. Maka saya rasa hasil untuk memberi fokus macam saya cakap tadi. Umumnya saya tahu universiti kata "Wah! Miss wawasan kita, kita hendak jadikan universiti ini bertaraf dunia dengan begini, begini, begini". Sebutlah, itu biasa punya, ayat yang hendak jadi bertaraf dunia. Kemudian misi pula, "Oh misi kita ialah dalam bidang ini, ini, ini, ini". Pada saya hajat dan wawasan ini baik, misi ini baik, tetapi hendak capai itu kenalah selaras dengan Badan Induk Pengurusan dan segala

kemudahan yang setimpal. Kalau tidak, hajatnya besar tetapi dia kata macam mana kita hendak buat *budget sebab* kita hanya dapat sekian banyak sahaja. Oleh kerana itu, kita hanya boleh buat setakat ini walaupun kita berkeinginan menjadi universiti bertaraf dunia.

Pada saya, dalam soal bercakap dalam Bekalan Tambahan ini, mungkin untuk masa depan pihak kerajaan boleh memikirkan supaya Universiti Teknologi Mara itu masih dikekalkan dan pada saya oleh kerana kita yang buat keputusan masih menggunakan lesen yang sama, pada sayalah, teknikal sahaja. Pada saya kalau saya fikir cara senangnya seolah-olah macam dengan ada sebuah syarikat induk hendak wujudkan anak syarikat. Begitulah lebih kurang ataupun cara-cara lain, kaedah lain, kaedah itu saya serahlah kepada pakar-pakar dalam Kementerian Pendidikan untuk membuat penilaian. Pada yang saya hendak menekankan patut di bawah bidang kuasa pengurusan lain *challenge* yang lain, iapun dapat satu mandat baru, dengan angin baru, semangat baru dan sebagainya. Jadi insya-Allah ini akan dapat berjaya.

Ia amat selaras dengan kepelbagaian dalam proses amalan kita untuk membuat pasaran, umpamanya. Kerajaan berhajat untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan di rantau Asia. Niatnya baik. Kalau itulah niatnya satu cara yang agak menyerlah ialah dengan mewujudkan sebanyak mungkin institusi pengajian tanpa *sacrifice*, tanpa korbankan mutu. Bagaimana? Dengan memecahkan satu yang sudah ada mutu itnggi bagi dia beranak banyak, *maintain*kan mutu itu dan pertingkatkan lagi.

Pada saya kepelbagaian ini adalah baik dalam dunia pendidikan malah kalaulah saya boleh ambil peluang ini untuk mengatakan bahawa peluang ini boleh diselaraskan dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan adalah lebih baik kerana dulu kita bercakap tentang eco-tourism, cara buat lawatan pelancongan melalui e-cology yang ada di negara kita yang semula jadi. Oleh kerana itulah Sarawak dan Sabah mendapat tarikan hebat. Yang kita juga hendak pakejkan juga apa yang yang saya panggil '*edu-tourism*' – *educational tourism*. Jadi, datang melawat negara tetapi mengambil kursus pendek di Pulau Langkawi umpamanya. Bercuti di Pulau Langkawi dua minggu bersama famili diberi galakan tetapi lima hari atau empat hari menjalankan satu program mengenai teknologi terkini melalui pengurusan strategik umpamanya. Melalui apa sahaja bidang yang kita pilih untuk memberi pengkhususan. Kalau Pulau Langkawi Ya, Yang Berhormat Dato'.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, jemput Datuk Marimutu.

Dato' Dr. T. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan pemikiran Yang Berhormat Dato' Ghazi mengenai menumpukan atas perkara kualiti Mutu pendidikan di IPTS dan juga di IPTA. Adakah Yang Berhormat bercadang bahawa kita menubuhkan institusi-institusi pendidikan tinggi swasta di mana mereka ada *'linkage'* dengan universiti-universiti terkemuka di seluruh dunia, seperti contoh Ivy Leeds University dan ini adalah satu cadangan yang boleh menjamin kualiti atau pun mutu pendidikan yang diberi di negara kita.

Pandangan Dato' adalah penting iaitu mengenai *'export of education'*, pada masa kini kementerian bercadang untuk mengeksport pendidikan kepada negara-negara di rantau ini khususnya kepada negara China. Ini adalah satu cadangan untuk mendapat keuntungan dan juga kita harus menjamin kualiti. Apakah pendapat Dato'?

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Dato' Marimuthu yang memang pakar dalam pendidikan, saya berterima kasih kerana membuat soalan dan menyokong sepintas lalu usaha ini. Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat dari segi rangkaian dengan universiti-universiti yang memang telah terkenal. Ini patut digalakkan malah pada saya galakan ini boleh merupakan dengan cara yang lebih kreatif supaya diberi galakan tertentu mendapatkan rangkaian hubungan dengan universiti-universiti yang terkenal itu.

Sepintas lalu kita menggalakkan supaya ramai orang ingin datang belajar di Malaysia. Dan oleh kerana ramai yang datang ke Malaysia, mereka ini kemudian akan mewujudkan rangkaian pula kalau balik ke negeri China, umpamanya. Kita juga boleh membuat kolej-kolej, institusi IPTA, IPTS yang sebenarnya berpusat daripada Malaysia ini. Jadi sekarang dengan terbuka, dengan tadi kita bercakap WTO, AFTA semuanya boleh kita manfaatkan.

Jadi pada saya, soalan itu amat baik dan saya bersetuju benar supaya ini diberi penekanan dan pengkhususan. Saya percaya dalam dunia globalisasi yang penuh dengan persaingan kita tak payah cuba untuk *'invent the view'*, dengan izin, tak payah. Hanya semua hendak buat sendiri, ada benda yang kita buat begitu, kita bersetujulah. Tetapi kurangkan yang itu, lebih banyak usaha pada *'smart partnership'*, *'strategic partnership'*, dengan izin, yang mana kita menggunakan kehebatan dia, kekuatan. Dia dah invest 20, 30 tahun dahulu, mendapat nama, jenama dia bukan senang. Sebut saya MIT, Harvard, Stamford University dan sebagainya, wah, Michigan University and Harbour. Michigan pun ada juga kena pilih-pilih tempat.

Ada yang Michigan yang bukan Ivy Leeds. Ada yang Michigan yang Ivy Leeds, umpamanya. Jadi sebut ini terpancar di fikiran bahawa ini mempunyai taraf yang tinggi. Sebab memang kita kenal jaguh-jaguh dalam MIT umpamanya yang hebat dalam dunia saintifik yang sedang membuat kajian dalam dunia 'voice technology', hendak bercakap dengan komputer jadi macam manusia umpamanya. Ini datang daripada MIT yang dibuatkan research.

Oleh kerana itu saya amat bersetuju dan saya ingat pihak kerajaan patut memberi pengkhususan ini. Dan lebih-lebih lagi kalau dia tertarik dengan nama universiti yang hebat ini untuk datang ke Malaysia, lebih-lebih lagi bila tertarik pula dengan persekitaran di Pulau Langkawi di Pulau Tioman, Pulau Redang dan sebagainya, maka kita juga mendapat manfaat dari segi kewangan yang pelancong-pelancong ini berbelanja semasa mereka di sini.

Saya percaya apabila mereka ini diberi mutu perkhidmatan yang baik inipun satu bidang mutu perkhidmatan yang menjadi persoalan yang banyak. Saya dapat maklum balas mutu perkhidmatan di hotel-hotel agak rendah menurun daripada dahulu. Ini satu bab lain tetapi andaikan yang mutu perkhidmatan itu baik, insya-Allah hati mereka tertawan, ingatan mereka terpikat kepada Malaysia dan pejam sahaja hendak tidur terbayang Pulau Langkawi dengan suara enak dayu ombak yang mengalun dan juga suara halus yang berbisik di telinga "Good morning Sir, good morning Sir," - dia bangun.

Timbalan Yang di-Pertua: Dia menjawab. Dijemput Yang Berhormat Siti Zailah.

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Dato' Ghazi. Saya tertarik dengan perbincangan bidang pendidikan ini. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat dalam kita berusaha menarik pelancongan dari segi pendidikan ini, apa kata kita tubuhkan Universiti Wanita Malaysia yang memang ada di Eropah, yang wujud di Eropah dan mungkin tidak ada di negara-negara di ASEAN ini. Memandangkan suasana pendidikan di negara kita, pelajar wanita melebihi 70% di seluruh IPT – Pusat Pengajian Tinggi. Apakah pandangan Yang Berhormat jika perkara ini kita wujudkan sebagai satu kelainan suasana pendidikan dalam negara kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Nanti ada pula universiti untuk laki-laki!

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih kepada Yang Berhormat kerana bertanya tadi. Ini satu yang saya belum terfikir panjang lagi. Ini saya kena mengakulah. Memang saya fikir banyak mengenai wanita. Itu saya pun mengaku.

Timbalan Yang di-Pertua: Tentang apa tu Dato'?

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Khususnya, terima kasih Yang Berhormat Dato'. Itulah orang lain dia senyum, Dato' yang bagus dia tanya, tentang apa tu? Tentang umpamanya dalam bidang *gender sensitizing Commonwealth Parliament* bagaimana hendak mewujudkan sensitiviti yang lebih kepada kewanitaan. Bidang-bidang wanita ini '*gender*' lebih dalam Parlimen umpamanya. Sebab ini di antara topik terpenting yang dibincang dalam conference Commonwealth Parliamentary Association di Australia baru-baru ini.

Jadi itu saya fikir banyak dan secara kebetulan pada bulan Februari ada *study group*, semua wanita. Semua wanita yang datang dari Komanwel termasuk di Eropah dan Sekretariat daripada United Kingdom, daripada London ada dua orang lelaki. Ada seorang lelaki yang ada dalam itu menjadi penasihat kepada study group ini. Dan yang menjadi penasihat kepada *study group on gender sensitizing* ini ialah hamba Allah yang bercakap.

Oleh kerana itu saya memang fikir banyak tentang hal wanita, malah saya telah diberitahu oleh wanita ini, "Dato' Ghazi, you are our Exco representative", Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, ini cakap bercakap bahasa Inggeris saya terjemah, saya cuba hendak bagi dia punya *original text* tetapi kata dia, dia minta saya exco peringkat international CPA, sekarang you dah dengar keluhan hati lima hari wanita ini, oh, saya dengar hebat! Betul Yang Berhormat, ada yang kadang-kadang dia hendak sebut itu dia terberhenti. Dia kata, "Eh... Dato' Ghazi ada ini... dia male, tak boleh". Saya kata, "No problem, saya dengar apa sahaja".

Jadi dia minta kita sampaikan di peringkat international apa keluhan hati wanita. Itu saya amat prihatin tetapi dalam bidang cadangan Yang Berhormat untuk mewujudkan universiti khas untuk wanita ini, saya tidak memberi pemikiran yang begitu amat mendalam dan semasa saya bercakap ini saya berfikir saya rasa mungkin tidak perlu lagi. Itu jawapan '*tentative*'. Ha, ini '*qualified*' juga ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Ghazi, saya dari tadi terfikir-fikir bagaimana Dato' Ghazi dia punya idea macam-macam, bukan sahaja multimedia, pendidikan, pertanian sekarang barangkali saya dapat jawapannya kerana Dato' Ghazi ini banyak memikir fasal wanita. Jadi dia sentiasa muda di hati dan fikiran agaknya. Jemput Dato' Ghazi.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Saya yang paling takut sekali Tuan Yang di-Pertua, ialah orang yang boleh membaca hati saya. Di antara orang yang saya takut ialah Yang Berhormat Dato' Timbalan Yang di-Pertua [*Ketawa*]. Jadi, alhamdulillah diberi izin oleh Tuhan kerana saya berpandu banyak dengan Surah Al-Alak [*membaca sepotong ayat suci al-Quran*].

Yang saya hendak sebut wanita ini tadi yang saya kata belum lagi ini saya hendak bagi sebab belum lagi sampai masa. Sebab kalau lihat kepada IPTA, statistik menunjukkan bahawa peratusan sudah 70%. 70% itu secara automatisnya sudah menjadi macam *de facto* universiti wanita. Pada hakikat undang-undangnya masih untuk universiti untuk semua. Jadi pada amalannya sudah pun secara automatis menjadi universiti wanita.

Oleh kerana itu pada saya sekurang-kurangnya di peringkat IPTA, tak payah lagi wujud yang khas untuk wanita sebab kita pun tidak hendak berpisah sangat dengan wanita ini. Kita sebenarnya suka bersama-sama dengan wanita, menghayati perasaan wanita seboleh mungkin dan semaksimum mungkin. Sebab di antara cara untuk membuat penyelesaian masalah ialah mengetahui, mendalami dan menghayati masalah, barulah permasalahan itu dikenal pasti dengan tepat hujah sebab musabab berlakunya, sama seperti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata, kalau hendak perang Afghanistan ini pertama pokok kena tahu sebab musabab. Dia doktor saintifik, dia kena macam itu. *cost and effect* kena tahu dahulu. Buat eksperimen ini dahulu.

Kadang-kadang Mat Saleh kepala otak Amerika bukan pandai sangat. Mungkin dia pandai tetapi keghairahan nafsu marah, hasad dengki kuat itu menyelubungi dia punya kestabilan pemikiran rasionalnya itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Nampak bulan puasa pun bersemangat juga?

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Semangat, sebab wanita tadi. [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua: Ah, ya! [*Ketawa*]

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Sebab argument untuk wanita. Saya ingat inilah yang baiknya kita bersama dengan wanita. Jadi ikhlas saya mengatakan malah saya pernah bercakap dalam satu forum yang di jemput saya di Universiti ITM tentang bincang ilmu. Saya kata memang yang hadir pun, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, banyak yang wanita. Jadi saya perlu kepada kaum lelaki ini, saya kata kalau yang hendak datang bincang ilmu tetapi yang banyak pun wanita yang datang. Bererti yang dapat ilmu, wanita yang lebih. Ini sebab yang dia lagi *terror*.

Sebab adalah abang-abang, bukan pak cik tau, abang-abang yang datang masuk universiti bercakap berbincang ialah yang abang-abang ini hendak kongsi ilmu tetapi yang dapat wanita. Jadi dialah pakai lebih. Oleh kerana itu saya beri cabaran kepada rakan-rakan sejenis mengatakan bahawa sekurang-kurangnya bila datang ke majlis ilmu seperti ini yang jenis lelaki pun kena datang. Kena tunjuk kehebatan dia. Bukan dalam bidang-bidang lain sahaja, bukan dalam bidang-bidang yang hendak merebut jawatan hendak menjadi pemimpin sahaja yang hanya

kita hendak jadi jaguh untuk menuntut hak dan sebagainya semasa pilihan raya dan sebagainya.

Jadi, oleh kerana itu saya merasakan buat masa ini memadai setakat kita mengadakan universiti yang biasa malah kita hendak menekankan supaya kaum lelaki juga turut memberi pertimbangan yang begitu amat berat tentang soal kecemerlangan yang Insya-Allah saya dapat kupas sedikit tentang perkataan 'cemerlang' ini yang saya ada catat di sini dengan begitu agak bagi syok pada saya kerana dia ada kaitan, ilham ini sebenarnya saya dapat semasa saya bercakap dengan pelajar-pelajar di Universiti ITM itu sendiri semasa bercakap tentang bincang ilmu.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Ghazi, saya rasa banyak lagi hendak keluar dalam percakapan tadi. Oleh kerana masa tak mengizinkan, dengan ini kita sambung selepas rehat nanti.

Dengan ini saya tangguhkan majlis mesyuarat Dewan ini hingga jam 2.30 petang ini.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Diminta Yang Berhormat Datuk Ghazi menyambung.
2.31 ptg.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk menyambung perbahasan ini dan saya juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang turut membuat sumbangan dari segi pendapat dan persoalan yang sama-sama dapat kita manfaatkan.

Tadi saya bercakap tentang perkara di bawah tajuk pendidikan tentang Universiti Teknologi MARA dan bila bercakap tentang bidang pendidikan ini, kita baru sahaja mendengar taklimat daripada Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan dan di antara pengkhususan beliau, beliau menerangkan tentang bagaimanakah kementerian beliau sedang bekerja rapat dengan Kementerian Pendidikan dalam program-program sukan melibatkan belia dan sebagainya.

Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, pertama, kerana mengambil inisiatif untuk memberi taklimat kepada kita tadi, sekarang sebenarnya masih belum

habis soal jawab . Keduanya, kerana pendekatan yang diambil adalah merupakan pendekatan kesepaduan yang dalam perbahasan saya pagi tadi pun saya bercakap.

Jadi, saya rasa amat bersyukur kepada Tuhan kerana sudah lama dalam Dewan ini kita mengatakan bahawa kerajaan, kementerian-kementerian hendaklah melihat kementerian yang lain itu sebagai rakan kongsi untuk menjalankan program bersama.

Saya lebih gembira umpamanya bila disebut bahawa mengatakan pihak Jawatankuasa Kabinet telah bersetuju melantik seorang Menteri di Jabatan Perdana Menteri melibatkan tujuh menteri lain dalam usaha mempromosikan Kuala Lumpur dalam bidang pelancongan dan dikaitkan dengan pendidikan, belia, sukan dan yang lain-lain.

Pada saya, ke arah inilah bila kita menyebutkan dari segi edu-tourism awal tadi dan saya rasa pendekatan yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri itu kita amat sokong kuat dan ini sekali gus menampakkan tahap tinggi pengurusan dan pentadbiran kerajaan yang mempunyai nilai yang lebih, menjalankan kementerian biasa adalah satu perkara yang telah berlaku sejak 44 tahun yang lalu.

Mungkin namanya agak berubah, pendekatannya berubah, menterinya berubah tetapi sekarang kehebatan perubahan ialah memanfaatkan program Rakan Muda yang lama umpamanya, dikaitkan dengan kementerian-kementerian yang lain, disepadukan dan ini merupakan satu jambatan untuk kita melibatkan semaksimum mungkin anak-anak muda kita yang mempunyai kebolehan yang pelbagai. Jadi, saya rasa amat gembira sekali dan menyokong kuat tentang program ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya hendak pergi kepada Maksud B.29 mengenai Perkhidmatan Am Perbendaharaan dan kita bersetujulah untuk menambahkan sebanyak RM991,400,000.

Perkara pertama yang saya hendak bangkitkan ialah mengenai Syarikat KLIA Consultancy Sendirian Berhad tentang perbelanjaan sebanyak RM5 juta untuk membiayai modal kerja syarikat.

Saya percaya oleh kerana peruntukan dibuat begini, ertinya ini adalah anak syarikat di bawah KLIA Berhad yang mewujudkan , menzahirkan bangunan kompleks KLIA itu sendiri. Jadi, kita sokonglah kerana kerjanya baik dan saya percaya hasil consultancy ini sebenarnya mungkin adalah untuk mengembangkan sayapnya dalam pasaran antarabangsa, oleh kerana prestasinya cemerlang di sini, jadi sekarang KLIA mungkin mellalui KLIA Consultancy ini untuk memberi khidmatnya pula, khidmat nasihat, pakar rujuknya di negara-negara luar.

Menyentuh tentang KLIA, yang saya hendak bangkitkan sebagai persoalan ialah mengenai kehilangan atau kekurangan lebih 300,000 penumpang yang telah pun wujud hasil daripada pemberhentian perkhidmatan syarikat-syarikat antarabangsa, umpamanya Syarikat Quantas dari Australia, Lufthansa dari Germany, Aeroflot Russia dan British Airways, yang empat dilaporkan dalam akhbar mengatakan bahawa kehilangan pelanggan ataupun penumpang melebihi 300,000 orang.

Jadi, kita ingin mengetahui apakah usaha pihak Malaysia Airport Berhad umpamanya, saya percaya MABlah yang menguruskan ini ataupun pihak-pihak lain untuk menampung kekurangan ini. Walaupun juga dilaporkan, alhamdulillah, syarikat All Nippon Airways telah pun memulakan balik perkhidmatan mereka dan kerana itu dapat menampung sedikit.

Jadi, kaitannya dengan kekurangan kehilangan penumpang-penumpang ialah kesannya kepada perniagaan perdagangan di lapangan terbang itu sendiri. Saya percaya Lapangan Terbang KLIA kita bukan sahaja kita bermegah kerana bangunannya yang cantik dan indah, tetapi saya bersetuju bahawa ia juga merupakan satu tempat membeli belah yang begitu amat menarik, walaupun dibandingkan dengan lapangan-lapangan terbang yang lain di serata dunia. Tidak kalah, kalau hendak setanding pun ada satu, dua yang lain. Tetapi pada saya kita di antara yang easily, dengan izin, top 10 dalam dunia dari segi tawaran barang-barang perniagaan yang boleh kita membeli belah di Lapangan Terbang KLIA.

Jadi, saya amat memberi pendekatan yang agak berat dan serius kerana kita mengetahui bahawa pihak kerajaan melalui syarikat yang telah diswastakan Malaysia Airport Berhad memberi peluang kepada rakyat tempatan untuk berniaga di situ dan kebanyakannya, saya difahamkan banyak, hampir 30 lebih syarikat bumiputera di antara 70 syarikat-syarikat yang beroperasi di situ adalah dari kaum bumiputera yang menunjukkan prestasi yang begitu baik.

Jadi, kalau kehilangan penumpang oleh sebab benda-benda lain yang bukan mereka, yang tidak terkawal oleh mereka, saya ingin bertanya apakah pendekatan pihak kerajaan, mungkin melalui Malaysia Airport Berhad untuk menolong membantu mengurangkan kesan buruk peniaga-peniaga itu.

Saya katakan begini, kerana juga timbul dalam akhbar baru-baru ini tentang kadar sewa. Kadar sewa yang begitu cukup tinggi yang kalau dilihat di lapangan-lapangan terbang yang lain, di Singapura dan di Hong Kong umpamanya, mereka telah menurunkan kadar sewa bersesuaian dengan tragedi September yang baru-

baru ini. Mengikut sejarah MAB juga menurunkan harga sewaan apabila kita menghadapi krisis ekonomi dahulu, ini baik.

Tetapi saya ingin mendesak supaya sekarang pun, mungkin malah krisis September yang baru lalu, lebih lagi buruk daripada krisis kewangan dahulu, mengapa MAB tidak juga mengurangkan kadar sewa, masih bertahan pada tahap yang tinggi, yang akan melemahkan perniagaan orang-orang yang sudah berprestasi tinggi. Kita tidak boleh pandang rendah tentang ini, kerana saya mendapat maklumat sebuah syarikat bumiputera sahaja yang menjalankan perniagaannya dengan begitu baik, ia ada beberapa unit dan prestasinya baik oleh kerana pengalamannya berpuluh tahun dalam bidang ini dahulu membayar hampir RM1 juta setiap bulan sebagai sewaan.

Bayangkan kontraknya selama lima tahun, apa ertinya ini, hampir RM1 juta setiap bulan, RM12 juta hampir setiap tahun kali lima hampir RM60 juta, hanya dibayar oleh sebuah syarikat bumiputera dalam kadar sewa. Bayangkan kalau diturunkan 10%, 15% atau 20%, ertinya sudah banyak wang yang ada untuk dibuat jadi modal kerja, jadi ada kaitan dengan isu yang kita bercakap tadi kita beri kepada syarikat milik kerajaan, RM5 juta sebagai modal kerja untuk menjalankan consultancy tadi.

Tetapi sekarang kesan buruk kepada masyarakat pedagang di situ adalah buruk, teruk, oleh kerana itu kita harap syarikat seperti MAB yang mempunyai kuasa mutlak untuk menentukan harga sewaan ini dapat diberi pertimbangan. Malah langkah ini pada saya adalah konsisten, dengan usaha kerajaan yang lain, membantu syarikat-syarikat besar, syarikat-syarikat gergasi yang lain, jangan ia jadi jatuh meredum sehingga tidak boleh hidup.

Jadi, kalau kita tolong syarikat gergasi yang besar, mengapa tidak boleh kita tolong juga syarikat-syarikat yang kecil kalau dibandingkan dengan syarikat gergasi tadi tetapi mempunyai prestasi yang baik di KLIA sehingga membanggakan kita sendiri.

Jadi, saya harap perkara ini akan dapat diberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang berkaitan dengan kadar sewa yang saya cuba buat rayuan supaya diturunkan ini, yang berkaitan dengan KLIA ini juga ialah mengenai dengan pengumuman juga yang terbit dalam akhbar baru-baru ini, malah bulan November, dalam satu akhbar ruangan perniagaan mengatakan kemungkinan sebuah syarikat daripada Amsterdam, Skippaul Airport Amsterdam yang mungkin akan mengambil alih saham MAB sebanyak 30%. Ini kesnya saya tuju direct, terus menerus kepada Kementerian Kewangan yang mempunyai kuasa dalam bidang ini.

Kita memahami bahawa dalam struktur pengurusan MAS sekarang pun, kita telah pun mempelawa tenaga pengurusan dari luar negara. Saya tahu beberapa rakyat dari Australia yang berpengalaman dalam Quantas Airlines umpamanya telah pun dimasukkan dalam bidang pengurusan, itu tak apalah, bab MAS, saya pun tidak tahu banyak untuk hendak sebut perkara itu.

Tetapi bila saya melihat maklumat mengatakan bahawa Skippaul Amsterdam akan mengambil alih hampir 30% daripada ekuiti yang dipunyai oleh Malaysia Airport Berhas, saya rasa agak keraguan dan ketakutan, timbul juga kesangsian. Kerana dalam dunia korporat, kalau tidak salah congak, saya tidak ada maklumat di sini, 30% sudah boleh menguasai syarikat itu, controlling interest, dengan izin, kadang-kadang rendah daripada itu pun boleh, terpulang kepada struktur saham yang ada kepada syarikat yang berkenaan.

Jadi, yang saya bimbang ialah kalau MAB boleh dikuasai pengurusannya oleh orang-orang Belanda ini, Amsterdam ini orang Belanda, apakah kita ingin melihat kesan negatif globalisasi berlaku di hadapan mata kita sekarang, apakah kita ingin melihat kuasa Belanda menjelma semula dalam tahun 2001, 2002 sedangkan 400 tahun dahulu mereka telah menjelma dan menjajah kita pada awal-awal kita zahir dalam dunia di negara Tanah Melayu ini.

Ini persoalannya dan kita tidak boleh pandang ringan ini, walaupun kita menerima globalisasi secara positif, kita mengiktiraf cabaran itu tetapi kita juga hendak berwaspada, kita beringat-ingat supaya kepentingan kita yang asal, yang kita pupuk untuk membina kekuatan perdagangan masyarakat dunia Melayu, masyarakat bumiputera khususnya dan masyarakat pedagang lain di KLIA yang kita nampak prestasi baik tidak terhakis. Maksud saya begini, katalah ia dah masuk dapat 30% pegangan ekuiti. Ia control menguasai pengurusan, dia boleh menjalankan satu proses pemilihan kadar sewa yang lebih tinggi. Kata dia ini *fare competition* dengan izin *market forces* dan dengan cara itu oleh kerana syarikat gergasi luar dari Amsterdam atau di mana-mana sahaja mereka boleh letak bid yang lebih tinggi, apa jadi dengan syarikat kita yang memang dah sakit akan kalah bidding itu. Maka akan terhakislah perdagangan kaum bumiputera yang ada di KLIA itu.

Sekurang-kurangnya bila orang luar datang melancong, pelancongan sampai 11 juta, kalau setengah daripada yang 11 juta itu melawat di kedai-kedai, dia pun dah melihat, ini dia datang KLIA, Subang Airport di Malaysia dan rakyat berbilang kaum menampakkan mereka menjalankan perniagaan bukan orang luar. Kalau tidak orang Belanda dan orang-orang kulit putih dari Eropah juga akan menguasai kedai-kedai dan gerai-gerai di KLIA. Sebab kuasa ini jangan kita pandang rendah, sebab

dengan cara yang kita tidak sedar, nama-nama jenama-jenama besar dalam bidang perniagaan, pe makanan semuanya telah menjelajah masuk begitu hebat lagi. Boleh jadi kita tak sedar, kita kata kita biarlah dia ini *market forces*, ini kuasa pasaran.

Jadi saya harap kepentingan perniagaan tempatan khususnya kaum bumiputera di tempat ini akan dapat dipertahankan. Saya tujukan ini terus kepada Kementerian Kewangan kerana ia mempunyai, saya percaya golden share dalam MAB dan mungkin akan dapat menentukan. Kalau nak ditukar pindah milik pun bersyarat. Syarat yang boleh diterima supaya globalisasinya kita iktiraf, tapi kepentingan tempatan juga kita ambil kira, supaya betul-betul diwujudkan apa yang kita selalu sebut situasi yang menang-menang atau *win-win situation* dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sebut sedikit bentuk perniagaan yang banyak menghasilkan wang ini, sebab saya teringat perbincangan perbincangan pagi tadi menuju ke arah rebung. Perniagaan rebung ini di bawa sehingga perbincangan di luar tadi semasa rehat, sebelum tunggu *briefing* daripada Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan. Pakar rebung Yang Berhormat sahabat saya, Datuk Long Jidin sebut, saya amat tertarik sebab maklumat yang dia tahu begitu banyak tentang rebung memang patut dijadikan pengkhususan, sebab terlalu amat tinggi harganya. Samalah dengan perniagaan yang saya sebut yang kata amat menguntungkan sekarang ini iaitu perniagaan kosmetik, minyak wangi dan curut. Curut ini kita nampak satu kedai kecil sahaja, tersorok di situ, curut Harganya begitu mahal dan perniagaannya begitu amat banyak mendatangkan hasil dan oleh kerana hamba Allah yang menjalankan perniagaan mempunyai pengalaman, dia tahu lubang tu, ertinya dia nampak lubang, dia nampak peluang untuk sebagai jadi perniagaan. Pada saya tidak hisap rokok, tak hisap curut jadi kita tak terfikir pun curut itu boleh mendatangkan hasil yang begitu banyak.

Saya ingin kaitkan ini dengan dunia pertanian yang kita lihat kalau dalam dunia ini kosmetik dan curut boleh membawa wang yang begitu banyak dalam perniagaan, saya percaya kalau kita melihat dalam bidang pertanian, sama ada rebung, cendawan atau apa sahaja yang agak unik, lebih-lebih lagi kalau sekiranya ia adalah hasil tempatan tapi dikenal pasti melalui proses penyelidikan dan dikomersialkan dengan hebat sepertimana jenama-jenama kosmetik yang kita tahu.

Apabila saya sebut kosmetik ada kaitanlah dengan bidang pengiklanan dan packaging atau *marketing package* yang saya sebut pagi tadi, yang ada rakan sahabat bertanya, kenapa kita suka pilih barang-barang luaran bukan tempatan. Pada saya yang dikehendaki ialah barang-barang tempatan ini pun, hendaklah dikenakan packaging elok yang begitu baik dan menarik dan contoh teladan yang

paling canggih dan terdekat dengan kita, dari segi packaging ialah dunia atau perniagaan perfume - perfumeries atau kosmetik.

Kalau kita cuba tengok kalau masuk dalam kawasan kosmetik ini. Dia punya kehebatan dia ialah packaging dia. Selain daripada jenama yang dah dijual banyak, saya ingat yang wangi dia lebih kurang sahaja. Wangi ialah hidung seseorang dengan hidung yang lain agak berlainan tapi pokoknya dia punya kuasa tarikan adalah amat begitu kuat sekali dalam bidang itu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya nak sentuh sedikit ialah maksud B. 33 Kementerian Kerja Raya. Saya juga turut bersetuju dengan rakan-rakan yang bercakap sebelum ini tentang pampasan kepada syarikat konsesi ini. Yang ditekankan di sini ialah konsesi Lebuhraya Bertingkat Ampang. Kita tidak hendak soal ini dijadikan sebagai satu fesyen, sebagai satu cara yang biasa dan diterima oleh pihak kerajaan. Rakyat melihat ini seolah-olah satu fesyen. Minta satu projek kemudian mendapat balik balasan melalui pampasan.

Yang saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan ialah mungkin timbul masanya untuk pihak Unit Perancang Ekonomi, mengkaji semula tentang syarat dan prasyarat dalam proses penswastaan masa depan dan mungkin pendekatan-pendekatan yang telah diambil dahulu terpaksa diubah suai.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebut bahawa kalaulah boleh, dapat diberi statistik maklumat, dalam masa katalah lima tahun kebelakangan ini, apakah projek-projek penswastaan dan berapa banyakkah bilangan jumlah wang pampasan yang telah kita bayar. Sebab dia seolah-olah kalau kerajaan tak bayar pampasan kena charge lebih kepada rakyat, kalau kerajaan tak hendak charge lebih kepada rakyat, bayar pampasan.

Jadi, nampaknya tidak ada pilihan lain, oleh kerana itu kita ingin melihat secara menyeluruh tentang statistiknya, kerana kalau kita melihat sebagai contoh dalam satu projek besar di bawah Kementerian Kerja Raya ini projek air umpamanya.

Projek air ini tidak ditonjol sebagai satu projek tidak sehebat projek tenaga. Tetapi sebenarnya potensi amat besar sekali, sebab mengikut seorang pengarang yang saya terbaca dan tak ingat namanya ialah dalam masa depan manusia boleh berperang di antara negara dengan negara kerana air. Jadi kita berperang bukan kerana soal hati, bukan soal hartanah dan bukan soal tenaga tetapi kita berperang kerana soal air.

Sekali imbas bayangan peperangan Afghanistan dan sekarang ini pun adalah menuju ke arah penguasaan sumber-sumber bumi yang ada di situ. Oleh

kerana itu air adalah satu perkara lain-lain yang kita mesti beri penumpuan, Saya bangkitkan hal ini kerana terdapat dalam jawapan pihak kerajaan, dalam sesi soal jawab, tentang program besar-besaran kerajaan untuk mengganti paip yang lama.

Menggantikan paip yang lama ini, kita tidak tahu secara detailnya yang mana diberi pengkhususan, kerana soal air adalah soal negeri ada juga majlis air di peringkat kebangsaan tapi apakah perancangan nak menentukan yang mana dahulu dari segi *priority*nya, keutamaannya dan apakah, di manakah yang paling teruk sekali keadaan paip berkarat sehingga menghasilkan air yang tidak baik.

Air yang tidak baik ini mungkin pada zahirnya tidak nampak keburukannya tapi oleh kerana pihak kerajaan sendiri mengakui bahawa paip yang berkarat itu tidak baik kita ingin mengetahui ada atau tidak statistik tentang keluaran air sekarang, bagaimana dari segi aspek kesihatannya.

Walaupun kita tahu dalam dunia perniagaan, ada orang yang telah pun mengambil kira hal ini dengan menjual filter khas, penapisan khas, penapisan itu pun sekadar meyakinkan pelanggan bahawa ini adalah baik. Tapi sama ada taraf yang dikatakan baik setelah melalui proses penapisan ini, sudah sampai pada tahap kesihatan yang boleh diterima pakai oleh Kementerian Kesihatan sendiri sebagai contoh. Saya sendiri pun ragu, walaupun orang rumah kata ini okay. Ini dia orang jual ini bagus begini, begini, itu orang jual, kerja orang jual selalu cakap filter dia baik, dan kerja suri rumah kadang-kadang selalu dia cukup termakan dengan orang yang pandai membisik pada dia lagu-lagu yang sedap tentang barang ini. Tapi kita dah dengar ni, kita selalu question apakah itu benar. Jadi kadang-kadang proses rasionalisasi di antara pendengar dengan kita mungkin juga agak berbeza. Oleh kerana itu saya sekali timbulkan persoalan sama ada air yang kita minum tiap-tiap hari itu sebenarnya adalah baik mutunya dan baik dari segi kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua: sila ..

Datuk Long Bin Jidin: Saya ingin mendapat pandangan dari Yang Berhormat Dato' Ghazi tentang paip air. Tadi paip air besi berkarat. Ada juga paip air yang di buat daripada asbestos. Ada kajian yang mengatakan bahawa serbuk asbestos ini merbahaya kepada kesihatan. Sekarang ini asbestos dibuat paip air. Apa kesannya pada manusia. Mungkin Datuk Ghazi ini bukan doktor, tapi mungkin ada pengetahuan tentang ke arah itulah, minta pandangan Yang Berhormat Dato' Ghazi.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua saya berterima kasih kepada Dato' Long Jidin. Ini saya mengaku saya *surrender*, saya tidak tahu betul. Saya pun sama lah dengan Yang Berhormat Dato', saya pun tanya begitu juga.

Cuma saya tak sebut lagi tentang asbestos jadi ceritanya banyak. Alat ini selalu orang yang menjual selalu kata ini lebih baik dari yang ini. Alat rakam saya pun kalau ada besar sikit, dia kata lebih baik sikit cuma bila kita pakai baru kita tahu. Jadi, itu saya sendiri tidak tahu mungkin pihak kerajaan kita harap JKR secara langsungnya ataupun pihak Kementerian Kesihatan secara tidak langsung akan boleh memberi jawapan yang tepat.

Walaupun kita boleh membuat andaian, sekiranya kerajaan telah bersetuju untuk menukar kepada paip jenis asbestos, agaknya dia lebih baik sama ada dari segi ketahanan lamanya ataupun kesan dari segi air wallahualam. Itu saya sendiri pun tidak tahu. Minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua, tajuk kedua akhir yang saya nak sebut, saya sebut kedua akhirlah, ini kita bagi notis kepada rakan-rakan yang nak sambung. Ini kedua akhir dan sekejap lagi terakhir.

Saya harap saya tidak mengamalkan sifat atau praktis ahli politik yang selalu - kadang-kadang kita membuat andaian dan kita membuat joke - kata orang, ahli politik tidak tahu bagaimana hendak kata yang akhir. Sebab itu dalam ucapan orang politik kadang-kadang dia menyebut, "yang akhirnya ialah", kemudian dia sambung lagi, "yang akhirnya ialah". Bila dibilang ada enam kali "akhir". Insya-Allah saya mengingatkan diri saya sendiri tidak termasuk dalam golongan enam kali akhir itu.

Jadi, saya sekarang menyebut "akhir" kali yang kedua. Baiklah, Tuan Yang di-Pertua. Yang saya hendak bangkitkan..... (*Menyampuk*) Ya, bersetuju?

Tuan Ho Lim Teck: Setuju.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Setuju, terima kasih. Kalau saya lebih daripada dua kali tadi tolong ingatkan saya. Rakan boleh tolong ingatkan saya. Rakan boleh tolong ingatkan walaupun saya ingat diri sendiri.

Saya hendak sebut ini dalam Maksud B48 Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Ini masuk terus dengan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Pakar rujuk kita ada di sini, dia lebih faham, jadi saya tidak bercadang untuk bercakap banyak tentang ini sekadar merakamkan penghargaan dan tahniah kepada pihak kerajaan kerana mengambil satu langkah yang bijak untuk memindahkan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ini kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Saya rasa sesuai pada tempatnya kerana memang boleh dimasukkan. Kategorinya memang luar bandar. Cuma luar bandar ini kalau di sini bandar, kalau kita katakan radiusnya setakat ini bandar, luar itu luarlah, luar yang dalam sedikit, itu luar kategori 1,2,3,4, sekurang-kurangnya ia sudah masuk dalam taraf bandar.

Itu pada saya satu pendekatan yang begitu amat baik dan saya percaya program-program susulan akan dapat dimanfaatkan, lebih-lebih lagi dalam Kementerian Pembangunan Luar Bandar ada aspek-aspek pembinaan jalan kampung, api, air, sistem sewerage (curahan), pembetungan dan sebagainya. Jadi, pada saya ini adalah langkah baik dan bolehlah segala kemudahan-kemudahan dan peruntukan-peruntukan yang sedia ada dalam Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan dapat dimanfaatkan dengan rakan-rakan kita yang lain. Saya berharap pengalaman rakan-rakan kita yang lain seperti Yang Berhormat Dato' Long bin Jidin yang mengetahui sumber asli yang begini hebat dapat dibawa maklumat itu ke dalam kementerian ini, umpamanya.

Ini saya hendak sambung, itu dia punya angle . Kalau maklumat itu, yang saya tahu maklumat mengenai rebung tadi, tahu di sana sini ada begitu, begini dan sebagainya dibawa maklumat itu ke dalam Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Oleh kerana Kementerian Pembangunan Luar Bandar wujud juga umpamanya bidang yang mempromosikan pembentukan usahawan tempatan, jadi, mungkin maklumat semua dalam satu family itu sudah boleh mewujudkan sesuatu yang begitu amat baik. Cuma kata okey, kalau awak hendak pergi, awak pergi di hutan itu, ini..ini,.ini, jadi ejen. Ejen untuk mengumpul bahan mentah tadi, rebung sebagai contoh dan bawa ke sini, jadi kampung yang berkenaan itu akan terus terkenal dengan Kampung Rebung ,sebagai contoh, walaupun boleh diambil rebung yang lain.

Dan ini saya terlintas di fikiran saya satu konsep pendekatan beberapa tahun dahulu yang diutarakan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad tentang program satu kampung satu produk.

Saya percaya modal ini dilihat daripada negeri Jepun yang begitu amat berjaya. Jadi, dia cuba mempromosikan benda ini. Oleh kerana itu mungkin pada masa dahulu pelaksanaannya tidak begitu berjaya oleh sebab-sebab tertentu. Mungkin sampai ketika masanya oleh kerana Jabatan Hal Ehwal Asli pun sudah masuk ke Kementerian Pembangunan Luar bandar kita wujudkan lagi sekali revive, dengan izin, atau kaji semula re-structure, re-create , re-invent, apa sahajalah “re-“ ini ulang lagi. Kalau sudah invent, buat sekali lagi, re-cycle satu lagi, konsep satu kampung satu produk dan mungkin Kampung Lana Bulu yang terletak di satu tempat walaupun ia Lana Bulu namanya berbulu sedikit tetapi ia terkenal dengan produk rebung. Tetapi oleh kerana ia khusus atau fokus kepada rebung, ia terpaksa hebahkan keseluruhan Malaysia di mana lagi ada rebung. Itu kita sudah mewujudkan suasana kita berkongsi maklumat.

Inilah yang dikatakan ekonomi berteraskan pengetahuan. Kita share maklumat wakil rakyat' "Hei, saya ada, saya ada rebung! Rebung!. Rebung! Rebung!" Bayangkan rebung itu disalurkan melalui Internet. Bayangkan kalau ada sistem untuk mengumpulkan maklumat dan data ini supaya terkumpul termasuk di bawah kementerian bahawa sekarang wujud kawasan yang begini luas yang ada rebung yang dinilai sebagai sekian, sekian banyak RM60 juta, umpamanya, katalah. Saya pun bayang sahaja, barulah wujud industri secara spontan berlandaskan maklumat yang memang ada pada orang yang berhak dan berkenaan. Kerana pada dia natural benda itu, dia lihat rebung hari-hari. Yang dia tidak lihat ialah apa yang boleh dibuat daripada rebung, itu sahaja. Oleh kerana suasana pendekatan integrasi yang telah diambil langkah oleh pihak kerajaan ini adalah bertepatan maka ia menuntut pengurus-pengurus atau sesiapa sahaja yang berkenaan yang bertanggungjawab memikir atau menggunakan akal fikiran untuk menjadikan itu sebagai satu projek. Dan kalaulah seratus kampung mengeluarkan seratus produk, bayangkan masyarakat sudah terlibat dengan dunia petani.

Kalau seratus ini boleh mendatangkan hasil yang lumayan, maka anak-anak muda kita berkata "Oh!. Kalau begitu, baik aku pergi ke bidang pertanian kerana bidang pertanian hanya dengan tinggal di tempat aku sendiri dan aku tidak perlu berbelanja banyak, aku sudah boleh mendapat manfaat dan ganjaran yang baik". Pada saya senario ini walau pun ini dalam bayangan saya sendiri semasa berhujah tajuk ini, sebenarnya ilham ini timbul daripada rupa paras manis Yang Berhormat Dato' Long Jidin sendiri. Jadi, Orang Asli ini ada dia punya tarikan. Saya melihat Yang Berhormat Dato' Long Jidin, saya melihat kawasan hijau yang mempunyai banyak sumber yang diberikan oleh tuhan. Saya melihat rebung yang bertan-tan luasnya, saya melihat daun pegaga yang mendatangkan hasil dan kekuatan kepada manusia, saya melihat akar-akar tumbuhan yang boleh dimasukkan sekali tongkat Ali dan sebagainya.

Saya melihat jenama hebat yang akan diperkenalkan oleh FAMA yang akan terus diperkenalkan di dunia sehingga orang berlumba-lumba hendak datang melawat Malaysia melalui tourism, belajar sampai sama kerana centre of excellence dan terus berubat cara asli kerana menuntut dengan Orang Asli ini banyak khasiatnya. Itu saya punya punch-line atas tajuk itu.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya ialah berkenaan dengan Kementerian Pembangunan Luar bandar juga. Saya catat dahulu, saya mendengar dengan begitu tertarik, jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar adalah satu soalan lisan di situ. Dia memberikan

jawapan dan jawapan itu saya percaya agak sedap, hebat, menyeluruh dan sebagainya. Dia sudah membuat ini, dan saya tidak payah ulanglah jawapannya, cukup baik. Kalau saya hendak ulang pun saya tidak sehebat dia untuk mengulanginya kerana dia membaca text, elok, cantik.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah kalau dalam Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini yang merupakan membuat projek, membuat jalan kampung, api, air, elektrik, pembedungan dan sebagainya, apakah ada kaedah pengukur kejayaan itu? Saya hendak pergi kepada kaedah pengukuran, macam mana kita hendak mengukur prestasi sama ada kampung ini sudah berjaya, sudah maju atau tidak, selaras dengan pemikiran yang moden yang telah dimbaikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi. Kita kena ada, sebab ayat-ayat yang berbentuk misi ataupun jangka panjang ini adalah baik. Untuk menentukan hasilnya dapat, manusia mesti mengimplementasikannya. Sudah satu masalah. Saya tidak mahu cakap, selalu orang sudah bercakap. Soal bagaimana hendak mengimplementasikan, itu satu bab, tetapi saya hendak pergi ke satu lagi. Setelah diimplementasikan, diandaikan telah diimplementasikan, apakah sistem atau cara kita mengukur ini?

Pada saya, saya berharap kita ada satu sistem, kalau tidak ada, kena wujudkan sesuatu, walaupun tidak perfect. Sebagai contoh kalau ada dalam kampung ini yang berdaya maju yang itu, yang ini macam-macam tetapi ini adalah ayat-ayat atau perkataan-perkataan yang kita kena translate atau ubah atau tukarkan kepada satu program yang merupakan sesuatu yang praktikal yang boleh digunapakai setiap hari, orang kampung faham dan boleh dijadikan program pertandingan umpamanya.

Kalau dalam pertandingan ini kalau ada jalan elok dengan masjid keliling elok, ha satu. Ada pula yang buat kelas dewasa yang begitu cemerlang sehingga ada kelas dewasa itu boleh mengajar budak-budak muda. Itu satu kejayaan. Ini maksud saya. Kita kena *split* (pecahkan) keseluruhan program yang banyak itu kepada modul-modul program yang berlainan dan di mana baiknya dijadikan pakej untuk dipertandingkan. Pada saya tidak dengar lagi. Saya tidak tahulah kecuali dalam pembacaan saya yang terhad ini saya tidak dapat yang ini. Kalau ada tidak apalah dipertingkatkan lagi. Kalau tidak ada diharap dapat diberi pertimbangan untuk adakan begini. Kerana kalau ada yang seperti ini jadi kampung yang saya kenal umpamanya kampung satu yang saya kenal telah buat program ini bolehlah memberi pengkhususan fokus kepada bidang ini.

Katakanlah sebagai contoh bidang untuk meyakinkan orang kampung dengan Islam dikaitkan dengan teknologi maklumat, sebagai contoh. Kampung mana yang paling hebat yang boleh membuktikan bahawa agama Islam menggunakan al-Quran dan hadis juga boleh digabungkan dengan teknologi ICT sehingga orang kampung, anak kecil dan dewasa belajar dengan begitu hebat dan pantas lebih cepat lagi daripada datuk, nenek, moyang, bapa, abang dan sebagainya. Ini sebagai contoh. Contoh sahaja.

Jadi, dengan kaedah dan pendekatan sebegini ia sebenarnya memaksa masyarakat untuk berfikir. Saya ke arah itu. Kalau dia tidak ada hendak lawan ertinya dia tidak ada benda yang hendak fikir. Sekurang-kurangnya kita dapat maklum balas bahawa masyarakat itu telah diberi banyak peruntukan, banyak projek tetapi dia tidak boleh memanfaatkan, pemikiran dia masih tidak bertukar. Kita kena ada kriteria hendak mengetahui kekuatan mental pemikiran orang-orang kampung. Saya selalu hendak fokus kepada dunia kampung sebab kampung ini keluar sikit daripada bandar – luar bandar, bukan. Setakat mana sahaja yang kita hendak *define* kawasannya itu.

Jadi, dengan kata-kata itu saya pun memang sudah mengambil masa yang begitu agak panjang, saya tidak ada rekod sebenarnya berapa panjang, tidak buat kajian tetapi saya ingat sepintas lalu, agaknya inilah yang terpanjang yang saya bercakap dalam Dewan yang mulia ini sejak hampir empat tahun saya menjadi Ahli Dewan Negara dan saya berterima kasih banyak kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya. Terima kasih kepada rakan-rakan lain yang bertanya kerana daripada soalan itu saya berpeluang untuk berinteraksi dan proses interaksi telah berlaku dan saya juga mendapat ilmu yang baru di antaranya ialah mengenai rebung yang kita akan terus berbincang selepas daripada ini. Saya turut menyokong. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Puan Chew Poh Thoi dulu.

3.12 ptg.

Puan Chew Poh Thoi: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini.

Saya ingin menyentuh tentang pendidikan di sini. Asas falsafah dan dasar pendidikan negara amatlah penting berteraskan usaha bukan sahaja melahirkan rakyat yang berilmu pengetahuan tetapi cintakan negara. Justeru itu, sistem pendidikan negara haruslah juga mendidik kanak-kanak kita dari awal tentang

pentingnya kedaulatan negara. Ini kerana melahirkan masyarakat yang berilmu semata-mata untuk membolehkan lepasan sekolah atau universiti memasuki dunia perniagaan atau *workforce*, dengan izin, tidak akan menjamin kemakmuran negara kita yang berterusan.

Saya mencadangkan pelajar-pelajar dari Tingkatan 4 sehingga universiti dididik secara mendalam tentang kedaulatan negara dan keperluan peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan mengenai pentadbiran dan hak asasi manusia. Generasi yang bersifat patriotik mungkin tidak mudah terjerumus ke arah menjanakan lebih masalah sosial. Saya berpendapat wajar jika bahasa ibunda seperti Tamil dan bahasa Cina dikenakan di sekolah-sekolah kebangsaan untuk memupuk perpaduan nasional adalah wajar. Pembelajaran Mandarin di sekolah-sekolah kebangsaan boleh memupuk kefahaman antara kaum dan juga perpaduan. Malah bahasa Mandarin juga boleh digunakan sebagai bahasa perhubungan perdagangan kerana selepas tahun 2003 negara China akan menjadi anggota WTO kelak. Kefasihan dalam sesuatu bahasa boleh meningkatkan daya saingan rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan Pendidikan Kemahiran Hidup menggantikan peperiksaan STPM. Pendidikan Kemahiran Hidup yang mendalam harus diberikan kepada pelajar-pelajar Tingkatan 6 untuk mereka sama ada mereka melanjutkan pelajaran mereka ke universiti ataupun terus mencari kerja. Silibus Pendidikan Kemahiran Hidup dirangka sebagai persediaan untuk para penuntut sama ada meneruskan pelajaran mereka ataupun bekerja. Ramai lepasan STPM didapati kekurangan kemahiran dan mempunyai kesusahan mencari kerja. Pendidikan Kemahiran Hidup pada tahap yang minimum boleh membantu mereka mempelajari satu atau dua kemahiran hidup. Dalam era IT kebolehan mengurus kerja dengan komputer ini merupakan suatu kemahiran yang penting. Sebagai contoh, pelajar STPM harus diberi peluang untuk mempelajari komputer supaya mereka faham corak operasinya. Saya juga mencadangkan pelajar STPM menggunakan komputer untuk membuat *assignment* mereka.

Di sini saya juga ingin mencadangkan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya menyediakan suatu *online system* dengan Jabatan Pendaftaran Negara. Dengan mengadakan sistem demikian kes-kes pengundi hantu boleh dikurangkan dengan berkesan sebab maklumat seseorang pengundi boleh disemak dengan Jabatan Pendaftaran Negara. Kesahihan seseorang pengundi boleh ditentukan dengan cepat dan tepat. Sebarang niat untuk mewujudkan pengundi hantu tidak senang dijalankan sebab sistem *online* akan menyusahkan kerja duplikasi nombor kad

pengenalan ataupun nama pengundi. Barangkali SPR belum bersedia untuk menyediakan perkhidmatan untuk pengundi menyemak secara *online* tentang butir-butir mereka. Tetapi saya berpendapat ini bukan sesuatu yang tidak boleh diusahakan. Mungkin satu hari kelak pendaftaran boleh juga dilakukan secara *online* dan juga semakan boleh dibuat dengan cara yang sama.

Saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan jangan mewujudkan terlalu banyak sistem di mana tidak boleh digunakan dengan serentak. Saya berharap pada suatu hari yang akan datang semua urusan boleh dijalankan dengan menggunakan nombor kad pengenalan sahaja. Pada masa sekarang lesen pemandu mempunyai suatu nombor yang berlainan dengan nombor kad pengenalan. Tambahan lagi nombor dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mempunyai suatu set nombor yang berlainan. Saya belum sebut nombor akaun di dalam bank, kad kredit dan sebagainya. Untuk menyenangkan semua urusan yang melibatkan nombor, kenapa tidak boleh menggunakan maklumat daripada kad pengenalan sahaja?

Setiap rakyat mempunyai suatu nombor tersendiri dan ini tidak akan mendatangkan masalah. Saya mendapati cara sedemikian senang diurus dan diingat. Pada masa sekarang pada pengetahuan saya, SPR tidak mempunyai sebarang perkhidmatan *on-line* dengan Jabatan Pendaftaran Negara. SPR juga hanya menjalankan kerja pendaftaran pada masa tertentu sahaja dan bukannya sepanjang tahun. Jika sistem *on-line* dipakai, besar kemungkinan pendaftaran boleh dilakukan secara automatik bila umur pengundi sudah sampai 21. Ini boleh menjimatkan masa dan kerja seseorang untuk pergi ke kaunter SPR mendaftarkan dirinya sebagai seorang pengundi.

SPR juga harus memberi perhatian kepada mereka yang suka menggunakan laman *web* dalam Internet untuk menyebarkan maklumat yang bersifat fitnah dan bohong. Sungguhpun kerajaan tidak berhasrat menapis sebarang berita yang disiarkan dalam Internet untuk menjamin kebebasannya, berita yang bercorak fitnah selalunya menyinggung perasaan seseorang. Malahan setiap hari bilangan pengguna komputer yang buat *serving* semakin bertambah. Mereka yang tidak bertanggungjawab turut boleh mengeksploitasi kebebasan *cyber* yang dijamin untuk memfitnahkan orang lain.

SPR memang tidak berhak untuk mengambil tindakan atas berita *cyber* tetapi SPR boleh menggubal rang undang-undang menyekat calon daripada mengeksploitasi kebebasan yang diberikan. Dengan memberi garis panduan atas

pengguna Internet, sesuatu struktur pengawalseliaan boleh diadakan supaya semua calon undi boleh mematuhi garis panduan.

Saya difahamkan pilihan raya yang baru-baru ini diadakan di Singapura, pihak kerajaan memantau jenis berita yang disiarkan di laman *web*.

Sekian ucapan saya dan saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Abdillah

3.25 ptg.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahaskan rang undang-undang yang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada kumpulan wang disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2001 dan bagi memperuntukkan jumlah wang untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat, peruntukan tambahan ini adalah wajar kerana ianya diperlukan untuk meneruskan kegiatan-kegiatan yang tidak dijangkakan terlebih awal lagi dan dengan itu segala urusan kerajaan dan kegiatan untuk pembangunan negara dan khasnya untuk kepentingan masyarakat akan dapat diteruskan dan berjalan dengan lancar.

Tuan Yang di-Pertua, saya seterusnya ingin membahaskan beberapa perkara dalam rang undang-undang ini. Terlebih dahulu saya ingin menyentuh tentang maksud B.4 berhubung dengan Suruhanjaya Pilihan Raya di mana satu peruntukan sebanyak RM22.10 juta telah dibelanjakan dan telah dimaklumkan bahawa peruntukan ini telah dibelanjakan untuk mengendalikan Pilihanraya Umum Dewan Undang Negeri Sarawak pada bulan September yang lalu.

Sebelum meneruskan perbahasan saya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia kerana telah berjaya menjalankan dan mengendalikan Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Sarawak dengan lancar dan kemas. Maka dengan itu saya berpendapat peruntukan ataupun perbelanjaan yang telah dibelanjakan oleh Suruhanjaya semasa pilihan raya itu adalah tepat dan wajar.

Tuan yang di-Pertua, sebelum Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Sarawak kali ini, proses pemilihan di Sarawak dijalankan secara berperingkat. Selalu ia memakan masa dua hari terutama sekali bagi kawasan-kawasan di pedalaman Sarawak. Maka dengan itu saya percaya pihak SPR telah membuat pendekatan baru di mana ianya.....

Datuk Long bin Jidin: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana diberi laluan sebab petang-petang ini kena minta banyak laluan kepada Yang Berhormat, terima kasih. Saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat Tuan Haji Abdillah tentang Suruhanjaya Pilihanraya di Malaysia yang mana ucapan Yang Berhormat kata tadi nampaknya Suruhanjaya kita lebih efisien kalau hendak dibandingkan dengan pemilihan Presiden Amerika yang diadakan baru-baru ini. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Terima kasih Yang Berhormat, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa pilihan raya kita di Malaysia kalau kita banding dengan apa yang berlaku di United State kali ini semasa mereka memilih presiden mereka, pilihan raya yang diadakan di Malaysia lebih efisien dan telus daripada apa yang berlaku semasa pemilihan Presiden Amerika baru-baru ini dan seperti mana yang kita maklum, bagi Negara Dunia Ketiga, SPR kita adalah sebagai satu contoh yang baik apabila mengendalikan proses pilihan raya.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya maklumkan tadi, proses pemilihan di Sarawak berjalan dengan berperingkat-peringkat sebelum ini memakan masa dua hari, tetapi dalam pilihan raya yang baru diadakan tadi proses pemilihan ini telah dijalankan dalam satu hari dan keputusan pemilihan yang mana dahulu selalunya berakhir sehingga larut malam selepas jam 12 tengah malam, tetapi baru-baru ini keputusan telah didapati pada pukul 6 hingga pukul 10, apabila pukul 10 semua keputusan telah diketahui.

Tuan Yang di-Pertua, semuanya ini saya percaya adalah disebabkan *improvement* dengan izin, yang dibuat oleh pihak SPR ke atas peralatan yang mereka gunakan dan juga kemudahan pengangkutan serta tenaga kerja yang menjalankan proses pilihan raya ini. Saya telah difahamkan bahawa penggunaan helikopter telah ditambah dan begitu juga dengan pengangkutan-pengangkutan yang lain. Oleh yang demikian, maka saya berpendapat perbelanjaan yang telah digunakan adalah wajar kerana ianya telah membuat proses pilihan raya di negeri Sarawak kemas dan cekap. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Barisan Nasional yang mana di peringkat negeri Sarawak dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud dan di peringkat nasional dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad kerana telah menang dalam [Tepuk] terima kasih, kerana telah menang dalam pilihan raya umum Dewan Undangan Negeri Sarawak dalam bulan September ini dengan cemerlang dan keputusannya adalah luar daripada dugaan parti-parti pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga tidak lupa mengucapkan tahniah kepada pihak Polis Diraja Malaysia kerana telah berjaya mengawal ketenteraman dan keselamatan awam semasa proses pilihan raya diadakan dan mereka telah berjaya mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini daripada berlaku. Walaupun terdapat sedikit usaha untuk membuat perkara yang tidak diingini berlaku seperti mengadakan ceramah-ceramah yang terlalu membuat kebencian, tertumpu kepada peribadi-peribadi pemimpin-pemimpin kita, alhamdulillah pengundi-pengundi di Sarawak adalah matang dan mereka tahu setakat mana mereka boleh bertindak liar dan tidak mudah dipengaruhi oleh anasir-anasir yang cuba mengadakan huru-hara.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin membuat sedikit teguran di atas kelemahan Suruhanjaya Pilihan Raya. Semasa pilihan raya ini tadi terdapat juga sedikit kesilapan atau kelemahan walaupun ianya adalah terpencil ataupun dengan izin, *isolated cases* di mana nama pengundi hilang daripada senarai pengundi dan ini saya percaya timbul disebabkan oleh, dengan izin, *human error* dalam mengendalikan sistem komputer. Walau bagaimanapun, perkara ini telah dapat diatasi dan begitu juga terdapat beberapa nama telah beralih tempat dan saya tidak menyalahkan Suruhanjaya Pilihan Raya 100% kerana pihak Suruhanjaya Pilihan Raya telah membuat pengumuman supaya para pengundi menyemak senarai-senarai pengundi dan sekiranya pengundi tidak berusaha untuk menyemak nama mereka dalam senarai itu dan mereka tertinggal daripada senarai atau beralih tempat, itu adalah kesilapan para pengundi juga.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menegur sedikit tentang cara pendaftaran pengundi yang sudah berubah sekarang. Kalau dahulu pegawai-pegawai Suruhanjaya Pilihan Raya bekerjasama dengan pihak parti dan pihak *District Office* akan pergi ke kampung-kampung untuk mendaftar para pengundi tetapi sekarang pengundi-pengundi dikehendaki pergi ke pejabat daerah untuk mendaftar. Walaupun terdapat juga kes-kes di mana pegawai-pegawai Suruhanjaya Pilihan Raya pergi ke tempat yang tertentu untuk mendaftar para pengundi, ianya tidaklah dapat menarik minat banyak lagi rakyat untuk didaftarkan sebagai pengundi kerana lawatan mereka adalah boleh dikatakan kadarnya adalah terlalu kecil.

Di sini saya ingin menyarankan supaya pihak Suruhanjaya Pilihan Raya menambahkan lagi tenaga pekerja mereka untuk mendaftar pengundi-pengundi di tempat kampung masing-masing. Ini adalah kerana kaum wanita kita yang selalu keluar mengundi beramai-ramai sukar hendak keluar pergi ke pejabat daerah untuk mendaftar kerana mereka banyak kerja di rumah - menjaga hal ehwal rumah tangga.

Jadi dengan itu adalah baik sekiranya pihak Suruhanjaya Pilihan Raya pergi ke kampung untuk mendaftar mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, semasa kita melawat ke kawasan-kawasan pilihan raya, pada masa itu banyaklah orang yang keluar bukan hanya hendak mengundi bahkan juga untuk memberitahu sungutan atau rintihan mereka. Dengan itu, semasa lawatan saya juga pernah berjumpa dengan seorang wanita yang tidak pernah mempunyai sijil lahir. Oleh kerana beliau tidak mempunyai sijil lahir maka anak-anak beliau pun juga tidak mempunyai sijil lahir dan seterusnya tidak mempunyai kad pengenalan. Oleh yang demikian, anak-anak mereka sukar untuk pergi ke sekolah.

Jadi di sini Tuan Yang di-Pertua, saya membawa kisah sivil lahir lahir ini dalam tajuk maksud B.4 adalah kerana sivil kelahiran itu adalah penting untuk rakyat kita membuat kad pengenalan dan dengan adanya kad pengenalan, maka barulah mereka boleh mengundi. Jadi, jikalau keadaan di mana rakyat kita masih lagi terutama sekali mereka yang diam di pedalaman, masih lagi tertinggal daripada memilih sivil kelahiran, maka mereka tidak akan dapat menunaikan tanggungjawab mereka sebagai rakyat Malaysia untuk mengundi.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya merujuk kepada Maksud B26 berhubung dengan Kementerian Pendidikan di mana tambahan sebanyak RM271,283,800 telah dibelanjakan. Saya mengalu-alukan perbelanjaan tambahan sebanyak RM44,300,000 untuk menampung perluasan program rancangan makanan tambahan untuk golongan murid termiskin di sekolah rendah yang mana telah ditambah dari 120 hari kepada 200 hari persekolahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah difahamkan bahawa bagi murid-murid termiskin terutama sekali di luar bandar, mereka datang ke sekolah dengan perut yang kosong, tidak pernah minum di rumah sebelum pergi ke sekolah, sarapan pagi sebelum pergi ke sekolah, apatah lagi makan tengah hari terutama sekali dengan barang makanan yang mempunyai zat tertentu. Oleh yang demikian, tindakan kerajaan memberi bantuan kepada murid termiskin dalam program ini adalah dialukan.

Walau bagaimanapun, saya ingin bertanya sama ada program ini juga meliputi pakaian, kasut, alat tulis dan juga cermin mata? Saya bertanya tentang cermin mata ialah kerana besar kemungkinan jikalau anak-anak termiskin itu tidak mempunyai zat yang tertentu, mereka mudah rabun mata dan dengan itu, jikalau mereka tidak diberi bantuan mempunyai cermin mata, tentu sekali mereka akan sukar untuk belajar.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, setelah begitu lama program ini diadakan, ingin juga saya bertanya keberkesanan projek ini. Memang tidak dapat dinafikan bahawa projek ini telah memberi manfaat yang banyak kepada murid-murid termiskin, sekurang-kurangnya kesihatan mereka dapat dijaga dan mungkin juga kecergasan untuk mereka belajar dapat dipertingkatkan. Tetapi, apa yang ingin saya tahu ialah sejauh manakah ianya berkesan dan sekiranya ia belum berkesan secara tahap yang kita harap-harapkan, adakah kelemahan program ini dikaji semula, terutama sekali cara pemberian makanan itu.

Saya telah difahamkan bahawa bagi sekolah yang mengendalikan program ini, sekolah-sekolah ini diberi peruntukan untuk memberi barang makan dan kemudiannya barang makan ini dimasak secara sukarela oleh guru-guru dan juga pihak PIBG. Jadi, saya ingin tahu seperti apa yang saya maklum tadi, setakat manakah program ini berkesan sebelum kita melanjutkan program ini lebih lagi dan apatah lagi mungkin di masa-masa yang akan datang, peruntukannya akan bertambah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin tahu bagaimana murid-murid dipilih untuk mengikuti program ini? Adakah semua murid di sekolah rendah itu dikategorikan di sesuatu tempat, dikategorikan sebagai murid termiskin ataupun hanya sebilangan sahaja daripada mereka yang didapati termiskin diberi bantuan dalam program ini dan oleh yang demikian, bagaimanakah cara mereka ini memohon dan diberi bantuan dalam program ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan perbelanjaan ataupun peruntukan sebanyak RM26,937,500 untuk menampung kenaikan kadar elaun latihan Kursus Diploma Pengurusan Malaysia dan Kursus Diploma Lulusan Ijazah kepada guru-guru. Saya mengalu-alukan usaha Kementerian Pendidikan dalam mempertingkatkan kemahiran dan kebolehan guru-guru, bukan sahaja dalam kursus-kursus bidang akademik bahkan juga dalam pengurusan.

Tuan Yang di-Pertua, ilmu tiap-tiap hari berubah. Ilmu adalah satu perkara yang dinamik, yang sentiasa berubah membawa pembaharuan dan kebaikan. Dengan itu, jikalau guru-guru itu hendak mampu dan berkebolehan mengajar murid-murid dari masa ke semasa mengikut aliran perubahan ini, maka guru-guru terpaksa berlatih dan mengikuti kursus-kursus yang tertentu supaya mereka akan dapat mempunyai ilmu yang kemas, yang *up-to-date*, dengan izin.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga percaya Kursus Diploma Pengurusan ini akan dapat memberi satu kemahiran kepada para guru, bukan sahaja untuk mengajar bahkan juga mengurus dan mentadbir sekolah-sekolah dan

murid-murid mereka dan dengan adanya mereka mengikuti kursus pengurusan, saya percaya mereka akan dapat berfikir secara terbuka, luas ataupun, dengan izin, mempunyai *literal thinking* dan mereka akan membuat sesuatu tindakan tanpa arahan ataupun terlalu terkawal, terketat dengan *mind set* yang begitu sempit.

Maka, dengan adanya mereka mengikuti kursus ini, saya percaya mereka akan mempunyai minda yang terbuka dan minda yang dengan izin, *entrepreneurial* iaitu minda yang membina dan tidak terhad kepada apa yang telah ataupun mengikut sistem yang ada sahaja walaupun sistem itu tidak berkesan lagi dalam masa-masa terkini memandangkan kepada perubahan yang berlaku di sekeliling kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merujuk kepada peruntukan sebanyak RM10,415,100 yang telah dibelanjakan untuk Pusat Perkembangan Kurikulum bagi perolehan buku dan alat bantuan mengajar yang digunakan dalam pengajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup dan Bahasa Inggeris di sekolah rendah.

Saya mengalu-alukan usaha kementerian mempertingkatkan pelajaran Kemahiran Hidup ini kerana Tuan Yang di-Pertua, tidak semua murid kita akan melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat yang tinggi. Ada mereka yang gagal dan tidak akan dapat melanjutkan pelajaran hingga ke Tingkatan 1 dan dengan itu, sekiranya mereka hanya dididik dengan pelajaran akademik sahaja, maka mereka akan merasai sukar untuk menempuhi hidup sebenarnya jikalau mereka tidak mempunyai kemahiran hidup.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengalu-alukan usaha kementerian mempertingkatkan bahasa Inggeris di sekolah rendah dan dalam perkara ini, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah kemajuan yang telah dicapai setakat ini, setelah kementerian mengambil daya inisiatif untuk mempertingkatkan penggunaan bahasa Inggeris di sekolah rendah.

Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Puan Chew Poh Thoi tadi, bahasa Mandarin juga adalah penting pada masa kini. Seperti mana yang kita maklum, mungkin di masa-masa yang terdekat kita akan berhubung rapat dan berurusan niaga dengan negara China. Apatah lagi sekarang negara China telah memasuki WTO dan dengan itu saya percaya adalah penting bagi rakyat kita, selain fasih dalam bahasa Inggeris, rakyat kita juga pandai berbahasa dalam bahasa Mandarin. Yang saya maksudkan di sini ialah orang-orang Malaysia yang bukan berketurunan China. Maka adalah penting juga bagi orang-orang Malaysia yang bukan berketurunan China belajar bahasa Mandarin supaya kita juga akan dapat meneroka apa yang terdapat di negara China.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan usaha atau pendekatan baru yang akan dibawa oleh Kementerian Belia dan Sukan untuk bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dalam mempertingkatkan sukan dan olahraga negara. Saya berharap kedua-dua kementerian akan bekerjasama bukan sahaja mengadakan pertandingan sukan dan olahraga di peringkat pusat, bahkan juga di tiap-tiap negeri dan juga daerah supaya kemudahan yang ada dalam kedua-dua kementerian itu dapat digunakan bersama oleh pelajar-pelajar di sekolah. Dengan cara begini saya percaya kita akan dapat mencungkil bakat daripada pelajar-pelajar dari peringkat awal lagi untuk mengikuti kegiatan sukan dan olahraga.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin juga menyentuh sedikit tentang kebolehan para atlit kita. Kita telah melihat dalam pertandingan sukan baru-baru ini iaitu sukan SEA di mana pelari pecut kita yang begitu handal sewaktu berlatih sesama sendiri, tidak dapat bersaing dengan pelari-pelari daripada negara Thailand dan negara lain yang mana saya fikir ada sangkut-pautnya dengan segi fizik badan kita. Kalau kita lihat badan pelari kita, kebanyakan daripada mereka adalah pendek, manakala pelari daripada negara lain terutama sekali kalau kita melihat di negara Amerika, negara Eropah, kebanyakan daripada pelari-pelari mereka adalah tinggi lampai, dan dengan ini saya percaya ianya membawa satu *advantage* kepada mereka apabila berlari acara larian pecut.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua dengan adanya kerjasama di antara Kementerian Belia dan Sukan dengan Kementerian Pendidikan kelak, saya berharap mereka akan mengenal pasti pelajar-pelajar sekolah, baik di peringkat daerah sehinggalah peringkat negeri, mengenal pasti pelajar-pelajar yang mempunyai fizik yang tinggi-lampai dan dilatih untuk mengikuti acara-acara larian pecut ini kerana saya percaya sebahagian besar daripada *advantage*, dengan izin, dalam larian laju seperti ini adalah bergantung kepada keadaan fizik para atlet itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merujuk kepada peruntukan sebanyak RM34,400,000 yang digunakan untuk menampung kenaikan kadar biasiswa kecil Persekutuan dan biasiswa kelas persediaan universiti. Saya menyokong tambahan peruntukan ini, tetapi apa yang saya ingin tahu berapakah jumlah penerima skim ini dan tujuan tertentu daripada skim ini, terutama sekali biasiswa kecil Persekutuan – apakah tujuan biasiswa ini, untuk apa – adakah ianya untuk membeli kelengkapan sekolah dan sebagainya. Begitu juga dengan biasiswa kelas persediaan universiti – adakah ianya perbelanjaan yang diperlukan oleh penuntut-penuntut kita sebelum mereka dapat menerima biasiswa ataupun pinjaman semasa mereka mula-mula

masuk universiti. Saya ingin bertanya ini kerana di sini nampaknya jumlah yang bertambah adalah besar dan mungkin akan bertambah lagi di masa-masa yang akan datang dan saya ingin tahu berapakah jumlah penerima sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merujuk kepada peruntukan sebanyak RM55,231,200 untuk menampung keperluan empat buah kolej universiti baru. Pembukaan semula kampus cawangan Universiti Putera Malaysia di Bintulu, Sarawak serta pembayaran emolumen berikutan pertukaran skim perkhidmatan pensyarah Universiti Teknologi MARA. Saya percaya peruntukan ini adalah penting dan saya berharap ianya juga akan dipertimbangkan bagi masa-masa yang akan datang supaya tiap-tiap kali kita mengadakan peruntukan tahunan kita akan membuat satu peruntukan yang terperinci supaya kita tidak perlu lagi mengadakan peruntukan tambahan seperti ini dari masa ke semasa.

Saya membangkitkan perkara ini ialah kerana baru-baru ini saya telah terbaca bahawa kita akan mengadakan sebuah lagi universiti iaitu Universiti ASEAN, yang mana dipercayai telah dilaporkan akan didirikan di Johor untuk ahli-ahli ASEAN. Saya percaya walaupun universiti ini dinamakan Universiti ASEAN, bercorak internasional, serba-sedikitnya saya percaya negara Malaysia juga akan memberi sumbangan. Saya ingin tahu sama ada perkara seperti ini telah dimuatkan dalam peruntukan kita semasa kita membincang belanjawan kita tahun ini kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa gembira apabila mengetahui bahawa Universiti Putera Malaysia telah dibuka semula di Bintulu. Pada satu ketika Universiti Putera Malaysia sudah wujud di Sarawak. Mula-mula kampusnya diadakan di Kuching, di Semonggok, dari tempat yang kecil sehingga beralih ke Bintulu, ke kawasan yang lebih besar dan kita berasa bangga kerana mempunyai cawangan Universiti Putera Malaysia di Bintulu. Pada waktu itu di namakan Universiti Pertanian Malaysia. Tetapi dukacita selepas itu cawangan universiti itu ditutup dan seperti mana yang kita maklum kemudahan di kampus itu sudah banyak dibuat oleh kerajaan. Maka dengan adanya pembukaan semula cawangan Universiti Putera Malaysia di Bintulu, saya berharap ianya akan dapat memberi peluang yang lebih lagi kepada rakyat Malaysia untuk melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat yang tinggi, apatah lagi rakyat Malaysia dari negeri Sarawak. Saya percaya kemudahan yang ada di situ akan dapat digunakan dengan sepenuhnya oleh para pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sehubungan dengan ini, apakah bidang mata pelajaran yang diajar di Universiti Putera Malaysia di Bintulu? Kalau dari segi kemudahan yang ada ataupun kegiatan industri yang ada di sekitar Bintulu, saya percaya bidang-bidang khusus seperti *oil and gas*, dengan izin, *chemicals*,

timber ataupun perkayuan, dan juga pertanian adalah re levent kalau diajarkan di Universiti Putra Malaysia di Bintulu. Ini adalah kerana adanya industri minyak dan gas serta baja di Bintulu dan juga industri perkayuan di Bintulu juga, yang begitu besar dan juga pertanian di sekitar Bintulu iaitu kelapa sawit dan sebagai. Saya berharap dengan adanya pembukaan semula di Universiti Putra Malaysia di Bintulu, pengalaman yang ada dalam industri di sekeliling atau di sekitar Bintulu itu dapat diajar di universiti supaya ianya dapat dimanfaatkan penuntut-penuntut yang belajar di situ kelak.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya sedar UPM dibuka semula di Bintulu tetapi saya tidak tahu dengan terperinci bilakah sesi pertamanya dibuka dan berapakah jumlah penuntut yang diambil untuk memulakan semula kursus di UPM Bintulu itu.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan untuk pembayaran emolumen berikutan pertukaran Skim Perkhidmatan Pensyarah Universiti Teknologi Mara adalah wajar kerana universiti itu telah dinaikkan taraf daripada institut kepada universiti. Dan dengan itu, maka tentu sekali tahap gaji para pensyarahnya pun dipertingkatkan. Walau bagaimanapun, saya ingin berkongsi pendapat seperti apa yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Datuk Ghazi tadi, iaitu UiTM adalah terlalu besar mempunyai saya percayai ianya mempunyai jumlah penuntut yang begitu besar di Malaysia. Dan dengan begitu besar, maka saya percaya adalah sukar bagi ianya untuk diuruskan dan sebagainya.

Walaupun bagaimanapun, saya percaya pihak universiti lebih arif dan bijak kerana membuka cawangan-cawangan di Sabah, di Sarawak dan di negeri yang lain di mana saya percaya *decentralization*, dengan izin, dalam pengurusannya telah diadakan untuk memudahkan pengurusan yang lebih efisien dan lancar tanpa mengubah status universiti itu sendiri terutama sekali dari segi penuntut yang diterima untuk belajar di universiti itu.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya keadaan tidak berubah, saya ingin bertanya sama ada tiap-tiap cawangan universiti ini yang diadakan di beberapa negeri di Malaysia ini mempunyai nichenya sendiri iaitu mempunyai bidang tersendiri supaya tiap-tiap cawangan itu tidak mempunyai kursus yang sama dan seterusnya sama dengan yang ada di pusat. Kalau dapat tiap-tiap cawangan itu mempunyai nichenya sendiri, mempunyai pengkhususan sendiri walaupun ianya masih berada dalam satu sistem yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini, ingin juga saya terkeluar sedikit daripada tajuk-tajuk yang ada dalam Maksud B.26 ini, tetapi saya percaya

ianya ada be rsangkut paut dengan Kementerian Pendidikan terutama sekali dari segi besarnya sesuatu organisasi itu. Di Sarawak kita mempunyai sembilan bahagian pentadbiran. Hampir semua jabatan-jabatan kerajaan peringkat Pusat dan Negeri dinaikkan taraf bahagian dalam tiap-tiap bahagian ini. Tetapi dukacita Jabatan Pendidikan yang begitu besar hanya mempunyai tujuh sahaja bahagian, manakala dua lagi pejabatnya adalah dalam tahap daerah.

Dan yang anehnya ialah, dua daripada pejabat pendidikan ini yang masih lagi berada dalam tahap daerah ialah dalam Bahagian Samarahan dan juga Bintulu. Bahagian Samarahan adalah besar, bukan besar daripada kewasannya tetapi besar daripada kegiatan yang ada di situ dari segi pendidikan. Di Samarahan juga kita mempunyai UNIMAS, di Samarahan juga kita mempunyai Kampus UiTM dan di situ juga yang sedang dibina sekarang Politeknik dan sebagainya. Maka saya berpendapat adalah wajar pejabat pendidikan di Bahagian Samarahan ini dinaikkan taraf dari peringkat daerah ke peringkat bahagian, sama juga macam jabatan-jabatan yang lain.

Begitu juga dengan pejabat pendidikan di Bahagian Bintulu, di mana ianya masih lagi berada dalam tahap daerah. Di Bintulu, kegiatan industri adalah giat seperti industri minyak, gas, kelapa sawit, kayu kayan dan *fertilizers* dan apatah lagi UPM dibuka semula di Bintulu.

Maka sebab itu, saya berpendapat adalah wajar bagi pejabat pendidikan di Bahagian Bintulu dan Samarahan dinaikkan tahap kepada peringkat bahagian. Saya percaya dengan kenaikan tahap pejabat ini kepada tahap bahagian, ianya akan memberi peluang yang lebih lagi kepada pegawai-pegawai untuk dinaikkan pangkat kerana mereka akan menjadikan pegawai bahagian dan tidak lagi menjadi Pegawai Daerah Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, tidak lama lagi Sarawak akan mempunyai dua lagi bahagian pentadbiran yang mana akan menjadi jumlah sebelas. Baru-baru ini tadi, Dewan Undangan Negeri Sarawak telah meluluskan pembentukan dua lagi daerah yang dinaikkan taraf menjadi bahagian iaitu Bahagian Mukah dan juga Bahagian Betong dan juga kawasan-kawasan yang di sekitarnya. Jadi dengan ini saya berpendapat adalah wajar bagi pihak kementerian menimbang untuk menaikkan tahap pejabat-pejabatnya yang berada dalam bahagian-bahagian yang masih lagi dalam tahap pejabat daerah dinaikkan menjadi pejabat bahagian.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin merujuk kepada Maksud B.33 iaitu Kementerian Kerja Raya di mana tambahan sebanyak RM204,647,300 telah dibelanjakan untuk konsesi Lebuhraya Bertingkat Ampang dan juga untuk pemberian

kepada Lembaga Lebuh Raya Malaysia untuk membiayai bayaran baki tunggakan pinjaman dan faedah tahun 1998. Tuan Yang di-Pertua, sama juga macam rakan-rakan yang lain, Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, saya juga berasa terkilan apabila melihat kenapa konsesi ini dibayar padahal telah dipersetujui dalam perjanjian bahawa satu kadar telah ditetapkan dan apabila kadar itu tidak dapat ditunaikan, kerajaan terpaksa membayar pampasan.

Jadi, yang ingin saya tanya di sini ialah sama ada pihak Kementerian Kerja Raya telah membuat kajian ataupun maklum balas daripada pengguna lebuhraya ini sama ada mereka bersetuju dengan kadar yang telah dipertimbangkan. Jikalau ada maklum balas dan saya percaya dengan adanya maklumbalas ini, kadar yang dipersetujui dalam perjanjian itu tidak akan melebihi apa yang difikirkan mampu dibayar oleh para pengguna.

Jikalau inilah keadaannya, maka peruntukan asal untuk membina jalan lebuhraya ini akan dapat ditetapkan dan tidak seharusnya menimbulkan peruntukan tambahan seperti apa yang kita bentang dan bahaskan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menegur sedikit tentang prestasi Kementerian Kerja Raya dan harap pihak yang berkenaan tidak berkecil hati apabila ditegur kerana ini adalah satu perkara yang harus kita ketengahkan, dibahaskan dan jika ada yang silap, ianya perlu diperbaiki.

Telah dimaklumkan bahawa kebanyakan daripada projek-projek yang dikendalikan oleh JKR selalunya memakan masa yang begitu lama dan selalunya lambat siap. Dan ini jelas sekali menunjukkan ada ketidakcekapan dalam cara-cara menguruskan ataupun mengendalikan kerja-kerja yang telah diberi. Jadi saya ingin juga mengetengahkan perkara-perkara yang pernah diutarakan mungkin juga di Dewan Rakyat dan juga di sini, iaitu apabila sesuatu projek itu yang telah diluluskan atau sesebuah tender yang telah diluluskan diberi kepada kontraktor, selalunya pemberian kontrak ini diberi di peringkat pertengahan tahun ataupun di penghujung tahun, sehingga prestasi ataupun kerja-kerja pihak kontraktor menjadi terjejas kerana kita tahu apabila berada dalam penghujung tahun, waktu itu keadaan cuaca di negara kita selalunya hujan lebat. Dan dengan sendirinya keadaan cuaca boleh menjejaskan projek-projek yang sedang dijalankan.

Soalan saya, saya ingin bertanya memandangkan sesuatu projek telah dibincangkan terlebih awal misalnya, sesuatu projek diluluskan pada bulan November ataupun Disember semasa kita membahaskan dan meluluskan Belanjawan Negara, kita sudah tahu apa projek yang sudah diluluskan dan saya

percaya peruntukannya sudah ada apabila kita berada dalam awal tahun yang kemudian.

Dan tentu sekali tender yang telah diberi katalah akan memakan masa dalam tiga bulan dan ini dengan sendirinya akan menyebabkan kontrak kita itu diberi di pertengahan tahun. Kalau pertengahan tahun ini mungkin okay juga tetapi apabila ianya diberi pada peringkat akhir tahun, ini yang akan menimbulkan masalah kepada pihak kontraktor kerana waktu itulah kebanyakan daripada negeri-negeri dalam Malaysia ini mengalami cuaca yang tidak baik.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri perbincangan saya ke atas rang undang-undang ini, saya ada lagi perkara-perkara yang perlu saya bahas tetapi saya *reserve* dengan izin, untuk perbincangan belanjawan kemudian kelak. Walau bagaimanapun, ada sedikit perkara yang ingin saya sentuh sedikit di sini iaitu mengenai perkara yang telah dibincangkan tadi mengenai buluh, rebung. Saya menyebut buluh sebab tanpa buluh, tiada rebung ataupun tanpa rebung tiada buluh. Maaf ya!

Saya tidak mahu dengan izin *interject* semasa perbincangan tadi kerana saya ingin menggunakan peluang ini untuk memberi pandangan saya terhadap rebung. Sebenarnya pihak institut pengajian atau *Forest Research Institute of Malaysia* dengan izin, mempunyai banyak *literature* mengenai buluh dan jenis-jenis buluh di mana ia ditanam, di mana didapati, jenisnya dan kegunaannya, ada. Tetapi yang tidak ada dan yang belum saya lihat ialah *literature* mengenai rebung.

Saya percaya mungkin *literature* ini ada di Jabatan Pertanian tetapi saya belum baca lagi. Walau bagaimanapun, apa yang saya ingin maklumkan di sini ialah tanpa *literature* mengenai rebung dengan penggunaannya untuk bahan makanan dan buluh untuk kegunaannya sebagai membuat perabot dan lain-lain, kita tidak akan dapat membuat melanjutkan sesuatu industri yang menggunakan bahan-bahan ini.

Memang benar sebelum kita mengeksport ataupun menjual bahan-bahan makanan ini, kita perlu meninjau pasaran, meninjau produk yang dapat kita keluarkan dan kita mungkin juga perlu meninjau cara memproses produk-produk itu. Ini saya percaya mudah kita dapati daripada banyak institusi tertentu, saya percaya pihak MARDI juga mungkin ada dan mungkin juga kita dapat maklumatnya daripada negara-negara yang mengeluarkan buluh untuk pasaran eksport tetapi apa yang penting ialah, sama ada buluh yang hendak kita proses dan buat untuk menjadi bahan makanan yang ada dalam negeri ini adalah jenis yang sesuai. Jikalau ada,

sama ada jenis yang sesuai ini mencukupi untuk diproses secara banyak untuk dieksportkan.

Seperti mana yang kita maklum, buluh kita di negeri ini mempunyai banyak jenis dan hidup secara liar dalam hutan dan kalau kita hendak pergi ke hutan mengambil rebung daripada buluh yang tumbuh liar ini, mungkin kita tidak mampu untuk memproses rebung itu secara besar-besaran.

Saya percaya di negara Jepun ianya berlainan. Saya percaya di negara Jepun mereka menanam buluh. Menanam buluh dengan tujuan khas untuk memperoleh produk daripada buluh dan juga memperoleh bahan makanan daripada rebungnya. Sama juga pokok-pokok kayunya. Di negara Jepun, mereka tidak mempunyai pokok kayu seperti negara kita yang tumbuh dengan sendiri. Di negara mereka, mereka menanam pokok bahkan selepas Peperangan Dunia dahulu mereka telah menanam pokok dan pokok mereka sekarang sudah matang dan sudah dapat digunakan dan begitulah juga saya percaya dengan kaedah buluh di negara tersebut.

Kalaulah negara kita ingin membuat perusahaan dalam industri rebung ini, saya percaya perlu kita selidiki jenis-jenis yang tertentu dan cara kita mengeluarkan rebung itu secara besar-besaran untuk tujuan komersial.

Saya dengan ini Tuan Yang di-Pertua ingin memaklumkan bahawa saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Hajah Hazizah.

4.18 ptg.

Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun memohon izin daripada Tuan Yang di-Pertua agar dapat mengambil bahagian dalam membahaskan rang undang-undang iaitu satu akta yang menggunakan sejumlah wang dari Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2001.

Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan di atas mengenai beberapa perkara terpenting terutamanya mengenai ekonomi negara. Seperti yang kita sedia maklum yang ekonomi negara agak muram akhir-akhir ini disebabkan oleh keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu ditambah pula faktor peperangan yang sedang berlaku di negara Afghanistan .

Pertumbuhan ekonomi negara untuk suku tahun berakhir tahun ini juga rendah iaitu menurun 1.3% berbanding sebelumnya. Bagi mengatasi masalah ini, kerajaan baru-baru ini telah menyuntik RM3 bilion untuk membantu menggerakkan ekonomi negara. Ia merupakan satu langkah yang sangat bijak. Langkah ini juga

dilanjutkan dengan pemberian bonus atau imbuhan sebanyak sebulan RM1,000 atau setengah bulan gaji serta kenaikan 10% gaji bagi semua kakitangan kerajaan mulai tahun 2002 yang diumumkan dalam Belanjawan 2002 yang lalu.

Di samping itu kerajaan juga telah menyediakan peruntukan tambahan sebanyak RM1 bilion untuk skim pinjaman kereta bagi memudahkan guru-guru memiliki kenderaan sendiri untuk menjalankan tugas-tugas rasmi di sekolah dan luar sekolah seperti kegiatan kokurikulum. Ini menjadikan keseluruhan dana yang disediakan bagi skim ini sebanyak RM1.25 bilion selepas kerajaan menyediakan RM250 juta untuk menjadikan modal pusingan kepada pegawai Kementerian Pendidikan termasuk guru, membeli kereta.

Meskipun ia adalah satu langkah bijak, namun kerajaan perlu merangka program-program jangka panjang yang lebih berkesan kerana usaha ini hanya untuk jangka pendek. Kita begitu berharap agar kemelesetan ekonomi dunia tidak berpanjangan kerana ia akan mempengaruhi ekonomi negara ke tahap yang lebih kritikal terutama bagi golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana serta golongan petani, nelayan dan peniaga-peniaga kecil.

Terima kasih tidak terhingga juga ditujukan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang sentiasa memantau harga barangan keperluan harian seperti sayur, ikan, ayam, daging dan sebagainya agar tidak naik mendadak terutama dalam musim-musim perayaan ini.

Program jangka panjang perlu difikirkan terutama bagi mengelakkan para peniaga menaikkan harga sesuka hati terutama setelah kerajaan mengumumkan pemberian bonus dan kenaikan gaji sebanyak 10% bagi semua kakitangan kerajaan dalam Belanjawan yang lalu.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna juga perlu memantau dengan lebih agresif agar harga barangan tidak naik mengejut, selain itu pemantauan juga perlu dibuat ke atas barangan yang tidak termasuk dalam senarai harga barangan kawalan dan sentiasa memastikan barangan keperluan pengguna mencukupi. Di samping itu, kerajaan juga perlu memastikan kenaikan harga petrol tidak menjejaskan para pengguna dengan kenaikan harga barang keperluan harian.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kerajaan banyak mengadakan projek bantuan untuk rakyat termiskin negara ini, namun ia masih belum mencukupi.

Kita sememangnya mengakui bahawa jumlah rakyat termiskin di negara ini telah semakin berkurang berbanding beberapa tahun selepas negara mencapai kemerdekaan. Ini disebabkan banyak program yang melibatkan golongan ini telah

dilaksanakan oleh kerajaan bagi membantu meringankan beban mereka tetapi kita juga tidak dapat menafikan bahawa masih terdapat ramai rakyat termiskin di negara ini. Pemaparan kisah-kisah mengenai nasib golongan miskin di media-media cetak dan elektronik, sedikit sebanyak membuka mata kerajaan untuk membantu golongan ini, contohnya nasib ibu tunggal yang terpaksa menyara sepuluh orang anak dan tujuh beradik yang kehilangan tempat bergantung di media baru-baru ini, menyedarkan semua pihak.

Begitu juga terdapat dakwaan adanya penyelewengan peruntukan wang PPRT ini. Sebenarnya banyak lagi contoh-contoh masalah rakyat termiskin yang boleh diketengahkan.

Ini berlaku kerana kelemahan pemantauan menyebabkan penipuan dan penyelewengan dalam projek PPRT ataupun projek program pembangunan rakyat termiskin, membabitkan peruntukan yang begitu banyak, yang tidak sampai kepada golongan termiskin ini. Perkara ini amat menyedihkan dan sepatutnya tidak berlaku di negara kita yang mengamalkan bekerja dengan cekap dan bersih. Kementerian Pembangunan Luar Bandar perlu memberi perhatian dan memastikan golongan yang tidak bertanggungjawab ini mendapat hukuman yang sepatutnya. Kita juga berharap agar pihak kementerian mempunyai perancangan dan sistem pemantauan yang rapi supaya masalah golongan yang termiskin ini dapat dibasmi dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut bangun ingin membahaskan mengenai khazanah warisan sejarah dan budaya sebagai salah satu sumber pelancongan terpenting hari ini, seperti yang kita sedia maklum, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan hari ini sedang mengadakan kempen berterusan menggalakkan rakyat Malaysia melancong di dalam negara dan program ini dilihat berkesan.

Tahniah diucapkan kepada kementerian berkenaan yang sering mengadakan pelbagai program untuk meningkatkan industri pelancongan negara.

Salah satu sektor penting pelancongan ialah khazanah warisan sejarah dan budaya. Warisan sejarah negara tercipta sejak zaman Kerajaan Melayu sebelum Islam dalam abad ketujuh hingga ke zaman Kesultanan Melayu Melaka. Dan seterusnya zaman penjajahan Portugis, Belanda, Inggeris, British, Jepun dan British kembali. Kesan akibat penjajahan ini wujudlah begitu banyak bangunan bersejarah terutama di negeri Melaka dan Pulau Pinang yang boleh dijadikan daya tarikan pelancong di samping mengekalkan khazanah warisan budaya untuk generasi yang akan datang.

Usaha-usaha memugar dan memulihara ke atas bangunan-bangunan ini perlu dijalankan sepanjang masa untuk memastikan seni binanya terpelihara, namun begitu kerja-kerja memugar dan memulihara ini memerlukan peruntukan yang besar. Negeri Melaka menjalankan kerja-kerja pemugaran dan pemuliharaan menggunakan peruntukan dari Tabung Pemuliharaan dan Pemugaran bagi memperbaiki kerosakan bangunan-bangunan bersejarah ini. Misalnya peruntukan yang sedia ada tidak mencukupi, bagi menampung kerja-kerja tersebut, memandangkan negeri Melaka mempunyai banyak bangunan bersejarah yang perlu dipelihara. Contoh bangunan seperti di Jalan Jongka Walk, Jalan Tun Tan Cheng Lock, Jalan St. Paul, Jalan Santiago dan beberapa kawasan yang telah dikenal pasti menjadi tumpuan pelawat-pelawat ataupun pelancong-pelancong.

Saya berharap agar Kerajaan Persekutuan dapat memberi peruntukan yang sesuai untuk memugar dan memulihara bangunan lama yang dipunyai oleh kerajaan mahupun orang perseorangan dan swasta. Kerajaan Persekutuan patut memberi bantuan kepada negeri Melaka memandangkan Melaka bakal disenaraikan sebagai Bandar Warisan Sejarah oleh UNESCO.

Pemuliharaan negeri Melaka dan Pulau Pinang untuk disenaraikan seperti Bandar Warisan Dunia mampu menarik lebih ramai pelancong serata dunia untuk datang ke negeri Melaka. Ini membuktikan kesungguhan dan komitmen pihak kerajaan untuk memulihara warisan sejarah kerana negeri Melaka mengharapkan kunjungan pelancong sebagai sumber ekonomi negeri Melaka.

Saya juga mengalu-alukan kedatangan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian serta hadirin ke negeri Melaka. Bak kata pantun Melaka:

*Kapal dagang dari seberang
Buat muatan kayu api
Kalau sudi silalah datang
Orang Melaka sedia menanti*

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menyentuh tentang Jabatan Pendidikan. Saya menyokong saranan kerajaan memberi peruntukan lebih kepada Kementerian Pendidikan untuk mempertingkatkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah di luar bandar.

Sebagai yang kita ketahui kebolehan bertutur dalam bahasa Inggeris amatlah berguna kepada rakyat negara ini. Ini bermakna apabila seseorang itu boleh bertutur dalam bahasa Inggeris, ia boleh berkomunikasi dengan pelancong-pelancong yang berkunjung ke Malaysia atau jika seorang tu ingin ke luar negara maka bahasa Inggeris boleh digunakan.

Kebanyakan pelajar-pelajar kita lebih-lebih lagi pelajar di luar bandar tidak fasih berbahasa Inggeris. Perkara ini berlaku kerana kurangnya kemudahan-kemudahan yang terdapat di sekolah-sekolah di luar bandar. Apabila kerajaan telah memberi peruntukan yang lebih di sekolah-sekolah khusus untuk mempertingkatkan bahasa Inggeris, saya berharap perkara-perkara berikut perlulah dilaksanakan.

Yang pertamanya, memperbanyakkan buku-buku bahasa Inggeris di semua perpustakaan di sekolah-sekolah. Ini diperlukan perbelanjaan yang besar kerana selain dari buku-buku rujukan dan bahan bacaan untuk pelajar-pelajar di dalam bahasa Inggeris, buku rujukan untuk guru-guru juga patut diperbanyakkan di sekolah-sekolah luar bandar.

Kedua, ruang bacaan bahasa Inggeris patut ada di perpustakaan dan perpustakaan patutlah mempunyai pendingin udara supaya pelajar-pelajar selesa apabila berada di dalam perpustakaan kerana setakat ini perpustakaan-perpustakaan di luar bandar tidak ada pendingin udara, terlalu panas dan kadang-kadang kipas pun tidak ada. Jadi tidak selesa bagi pelajar-pelajar untuk berada di perpustakaan, berbeza dengan sekolah-sekolah di bandar.

Penggunaan surat khabar di dalam bilik darjah patut digalakkan. Wang peruntukan yang kerajaan luluskan bolehlah digunakan untuk melanggan akhbar-akhbar bahasa Inggeris di dalam bilik darjah kerana di luar bandar, surat khabar pun tidak sampai.

Guru-guru bolehlah mengadakan pertandingan bercerita, lakonan dan sebagainya untuk menarik minat pelajar-pelajar mendekati dan mempelajari bahasa Inggeris. Segala aktiviti ini boleh dilakukan oleh sekolah-sekolah sekiranya ada peruntukan khas.

Kelima, guru-guru boleh mendapat CD-CD pengajaran bahasa Inggeris, juga alat-alat media elektronik yang berbagai yang ada di pasaran. Dicadangkan juga sekiranya semua sekolah patut dilengkapi dengan makmal bahasa di mana pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris boleh diberi perhatian dan tumpuan pada tiap-tiap individu. Pelajar-pelajar boleh dilengkapi dengan alat-alat media elektronik yang canggih atau komputer dan pelajar-pelajar boleh belajar mengikuti kemampuan sendiri dan dibantu oleh guru. Projek ini telah pun dilaksanakan di kebanyakan sekolah-sekolah besar berasrama penuh di bandar-bandar dan ianya patut disebar di sekolah luar bandar juga.

Bila kita menyentuh tentang pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris dan kita tidak lupa kepada guru-guru yang mengajar bahasa Inggeris. Guru-guru yang mengajar bahasa Inggeris di sekolah-sekolah luar bandar mestilah guru-guru

yang telah mengikuti kursus ataupun telah berlatih ataupun telah pun dihantar di maktab-maktab perguruan. Kebanyakan guru bahasa Inggeris di luar bandar untuk mengajar semua secara tangkap muat, kata orang Melaka untuk mengajar bahasa Inggeris, bukan terdiri dari guru yang berlatih.

Hasilnya kelas bahasa Inggeris seperti kelas Bahasa Melayu mengajar dengan terjemahan, bila belajar tak faham bercakap dengan bahasa Melayu. Guru-guru patut di beri pendedahan dan kalau boleh di bawa ke sekolah-sekolah yang telah berjaya. Pada guru-guru lama perlulah dihantarkan kursus-kursus untuk meningkatkan prestasi pelajaran mereka. Saya juga berharap kementerian perlu mengkaji, kenapa di masa ini ramai pelajar-pelajar tidak mahu belajar.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya ingin sentuh berkenaan peruntukan RM3.4 juta, Jabatan Pendidikan untuk biasiswa kecil. Saya memandangkan biasiswa kecil, saya ucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan yang peka kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat luar bandar, yang miskin. Di samping memberikan peruntukan biasiswa ini saya mencadangkan supaya biasiswa kecil ini, patut diberi kepada pelajar-pelajar daripada tahap 2 iaitu daripada darjah 4, kerana dari darjah 4 mereka telah pun berusaha untuk menduduki peperiksaan UPSR. Dengan adanya biasiswa ini, dapatlah pelajar-pelajar ini menyediakan buku-buku rujukan untuk menentukan UPSR mereka berjaya.

Di sini juga saya ingin sentuh tentang peruntukan tambahan makanan kepada murid-murid miskin. Saya ucapkan terima kasih pada pihak kerajaan kerana sentiasa memberikan khidmatnya kepada rakyat luar Bandar, lebih-lebih lagi rakyat miskin, yang mana kita lihat peruntukan ini telah pun disediakan beberapa tahun yang lepas dan saya berharap dapat diteruskan kerana masyarakat luar bandar, yang mana anak-anaknya pergi sekolah masih ada lagi tak makan, jadi patutlah diberikan makanan supaya dapat menerima ilmu pengetahuan dengan lebih baik.

Di samping itu juga saya berharap pada kementerian supaya dapat mengenal pasti makanan-makanan yang disediakan di pihak sekolah, supaya benar-benar berzat, dapat diberikan kepada anak-anak murid kita ini supaya makanan ini boleh menjadi darah daging dan menjadikan minda yang sihat kepada mereka.

Di samping itu juga saya berharap kepada kementerian supaya peralatan-peralatan sekolah seperti dalam bilik darjah, seperti bangku-bangku sekolah, sepatutnya telah disediakan sebelum sekolah di buka. Kadang-kadang ada setengah sekolah sampai sekolah sudah di buka, benda-benda atau bangku-bangku sekolah masih belum ada lagi di pihak sekolah, dan juga berharap supaya

bangunan-bangunan sekolah yang banyak tak disiapkan, masih tergendala supaya dapat dimantau dan dipastikan bangunan-bangunan akan disiapkan secepat mungkin supaya tidak mengganggu pelajaran pelajar-pelajar kita di masa akan datang.

Saya juga ucapkan terima kasih kepada kementerian-kementerian yang telah pun menjalankan segala usaha untuk memastikan semua kementerian berjalan dengan baik seperti Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga yang telah banyak menyumbang kepada wanita dan begitu juga kepada Kementerian Kesihatan. Kementerian Kesihatan juga banyak menyumbang kepada wanita. Sebagaimana kita lihat Kementerian Kesihatan telah memberi sumbangan yang begitu baik sehingga ke hari ini, kita lihat tidak ada wanita-wanita kita yang mati di masa mengandung atau semasa melahirkan. Begitu juga tentang kesihatan ibu-ibu di luar-luar bandar kerana kita lihat Kementerian Kesihatan peka tentang masalah kesihatan wanita-wanita di luar bandar di mana masih dalam perut lagi telah diberi khidmat kepada mereka sehinggalah melahirkan anak. Lepas anak itu, bayi itu lahir diberi juga sumbangan-sumbangan untuk memastikan anak itu juga sihat dan cergas, lepas itu juga ibu juga di beri perhatian sehingga ke peringkat akar umbi. Saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Kesihatan atas usaha-usaha dan komitmen terhadap masyarakat lebih-lebih lagi kepada wanita.

Begitu juga dengan Kementerian Sumber Manusia yang telah banyak memberikan khidmat kepada wanita-wanita dengan mengadakan kursus kemahiran dan dengan itu, saya dengan ini menyokong satu akta bagi menggunakan jumlah wang kepada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2001, dengan ini saya sudahi ucapan saya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Di jemput Yang Berhormat Ustazah Jamilah

Puan Jamilah binti Ibrahim: *[Menyebut beberapa patah perkataan dalam bahasa Arab]* Sabar itu merupakan mahkota iman. Saya dahului dengan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, setiap kali saya bangun tidak berpeluang dan saya memujuk hati saya sabar dan tunggulah sampai masanya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Di sini saya mengambil kesempatan untuk menyentuh butiran berkenaan Suruhanjaya Pilihanraya di SPR B4. Saya ingin memohon penjelasan berapakah jumlah perbelanjaan yang digunakan untuk mengendalikan pilihan raya Dewan Undangan Negeri Sarawak baru-baru ini dan masih terdapatkah masalah yang wujud seperti pengundi hantu, kad pengenalan yang sama di dua tempat mengundi yang berasingan dan sebagainya. Apakah usaha-usaha dan langkah-langkah yang telah

dan akan diambil oleh pihak SPR bagi mengatasi masalah-masalah yang timbul supaya ianya tidak akan berulang lagi pada masa-masa yang akan datang.

Seterusnya saya akan memberi tumpuan kepada Kementerian Pendidikan iaitu B.26, kerana peruntukan pendidikan amat tinggi sekali. Projek makanan tambahan adalah satu yang projek baik bagi membantu pelajar-pelajar dari yang kurang kemampuan, yang miskin. Walau bagaimanapun di dalam melaksanakan tanggungjawab ini kita tidak boleh sambil lewa dengan menyediakan makanan yang kurang berkualiti, tidak seimbang kerana menjimatkan kos.

Baru-baru ini kita dikejutkan dengan kualiti susu yang dibekalkan kepada pelajar-pelajar didapati telah memudaratkan kesihatan pelajar. Untuk itu saya memohon penjelasan daripada Kementerian Pendidikan. Bagaimana Kementerian Pendidikan menetapkan standard kualiti makanan yang ditetapkan kepada pelajar-pelajar. Apakah kaedah pemantauan yang dijalankan.

Saya juga memohon penjelasan apakah kriteria pembekal yang dipilih untuk membekalkan makanan tambahan ini. Di sini juga saya ingin mencadangkan agar Kementerian Pendidikan menambahkan peruntukan bagi rancangan makanan tambahan ini supaya pelajar-pelajar miskin yang layak tidak akan terkecuali daripada menerima peruntukan ini. Saya mohon penjelasan berapakah yang kos yang diperuntukkan untuk seorang pelajar di bawah skim ini serta jumlah pelajar yang menerima peruntukan rancangan makanan tambahan pada tahun 2001. Apakah kriteria pelajar yang terpilih untuk menyertai makanan tambahan ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua saya ingin menyentuh berkaitan kolej komuniti. Setakat ini berapa buah kolej komuniti yang beroperasi dan jumlah pelajar-pelajarnya yang mengikuti pengajian di kolej-kolej tersebut. Saya juga ingin mendapat penjelasan kursus yang ditawarkan di kolej komuniti serta syarat minimum yang membolehkan pelajar memasuki kolej tersebut.

Saya ini mencadangkan agar kolej komuniti ini dibina terlebih dahulu di kawasan-kawasan luar bandar yang serba kekurangan dalam menikmati peluang pendidikan.

Kita tidak mahu jurang perbezaan yang besar wujud di antara kemudahan pendidikan yang disediakan di bandar dan di luar bandar. Sudah tiba masanya Tuan Yang di-Pertua, supaya Kementerian Pendidikan memberikan tumpuan yang lebih pendidikan di luar bandar, lebih-lebih lagi di dalam usaha melaksanakan meritokrasi adalah tidak adil sistem ini digunakan, agak saya salah sebutkan sistem kerana saya

ditegur oleh Timbalan Menteri Pendidikan daripada soalan tambahan, kata beliau bukan sistem. Jadi, adalah tidak adil jika cara meritokrasi ini digunakan kepada semua pelajar yang tidak menerima kemudahan pendidikan yang tidak sama. Contohnya di bandar pelajar didedahkan dengan komputer Internet dan sebagainya. Tetapi nun jauh di pedalaman sana masih terdapat pelajar yang tidak pernah melihat komputer apatah lagi untuk menggunakannya.

Jurang ini lebih ketara lagi dengan usaha mewujudkan sekolah bestari, lebih mendukacitakan sekarang komputer-komputer yang dibekalkan kepada sekolah tersebut masih belum digunakan dan dimanfaatkan disebabkan pembinaan makmal komputer tergendala dan tidak dapat disiapkan pada waktu yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon penjelasan daripada Kementerian Pendidikan, setakat ini berapa buah sekolahkah yang masih belum siap makmal komputer pada masa yang ditetapkan dan apakah tindakan yang diambil terhadap kontraktor-kontraktor tersebut.

Baru-baru ini saya terbaca dalam surat khabar berkaitan mewajibkan anak-anak ke sekolah dan tindakan akan diambil sekiranya ibu bapa gagal menghantar anak-anak ke sekolah. Di sini saya mohon penjelasan bagi menguatkuasakan peraturan tersebut adakah ianya melibatkan pelajar-pelajar di kawasan pedalaman yang tiada sekolah atau jarak sekolah dari rumah terlalu jauh seperti di kawasan di pedalaman Sabah ataupun di Sarawak dan juga perkampungan Orang-orang Asli.

Saya tidak menafikan peraturan ini baik, tetapi sebelum melaksanakannya ia adalah lebih baik sekiranya kemudahan pendidikan disediakan terlebih dahulu termasuk sekolah serta asrama khususnya kepada pelajar di kawasan yang jauh di pedalaman.

Dalam usaha mewajibkan semua ibu bapa menghantar anak-anak ke sekolah peraturan ini sebenarnya tidak membawa apa-apa kesan kepada ibu bapa yang tinggal di bandar yang memang rata-ratanya menghantar anak-anak mereka ke sekolah kerana sekolah berada hanya beberapa meter dari rumah dan kebanyakan setiap taman perumahan juga mempunyai sekolah. Tetapi peraturan ini dan pandangan saya lebih memberikan fokus kepada ibu bapa di luar bandar yang jauh di pedalaman kerana mereka sukar menghantar anak-anak mereka ke sekolah disebabkan sekolah jauh dari tempat tinggal serta keadaan ekonomi yang membelenggu kehidupan mereka.

Oleh itu saya memohon Kementerian Pendidikan membuat kajian yang menyeluruh sebelum peraturan mewajibkan kepada ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke sekolah dilaksanakan dengan sepenuhnya.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit mengenai Kementerian Luar Bandar iaitu B.48. Baru-baru ini akhbar telah menyiarkan berita bahawa peruntukan program rakyat termiskin PPRT tidak sampai ke sasarannya. Kita amat dukacita kerana hak rakyat miskin telah disalahgunakan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Saya memohon penjelasan daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar apakah bentuk pengawalseliaan ataupun pemantauan yang digunakan bagi memastikan wang peruntukan tersebut sampai kepada sasarannya. Saya memohon penjelasan yang didapati gagal digunakan untuk dibelanjakan bagi tujuan membantu golongan miskin dalam negeri yang terlibat.

Dengan penyalahgunaan wang PPRT tersebut apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pembangunan Luar bandar agar kejadian tersebut tidak berulang lagi dan seterusnya memastikan apa-apa peruntukan kerajaan digunakan untuk kepentingan rakyat umum serta biarlah sampai kepada sasarannya yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengakhirinya saya ingin menyentuh tentang sejumlah puluhan ribu juta yang saya kurang pasti amaun ataupun bilangan yang sebenar yang diperuntukkan bagi urusan perbelanjaan mengurus Jabatan Hal Ehwal Orang Asli akibat pemindahan jabatan ini daripada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar, jumlah ini tentunya satu angka yang besar dan memeranjatkan.

Saya ingin mendapatkan penjelasan dari pihak kerajaan berkaitan arah aliran perbelanjaan bagi peruntukan puluhan juta itu. Saya juga ingin mendapat kepastian sama ada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli perlu berpindah dari satu bangunan ke satu bangunan yang lain akibat pemindahan kementerian. Sekiranya jabatan ni kekal di tempat yang sama apa perlu peruntukan yang sebegitu tinggi. Saya ingin mendapat maklumat daripada pihak kementerian dengan lebih terperinci. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahajalah pandangan saya dan dengan kata-kata lain saya turut menyokong perbekalan tersebut. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Datuk Christina Tibok.
4.46 ptg.

Datuk Christina Tibok Vanhoutan: Saya juga suka mengambil bahagian dalam perbahasan Rang undang-undang Perbekalan Tambahan 2001 (No.2) yang melibatkan belanjawan tambahan lebih daripada RM1.5 bilion. Saya akan menyentuh dua maksud sahaja iaitu B.4 dan B.26. Pertama tentang Maksud B.4 Suruhanjaya Pilihanraya yang telah diperuntukkan tambahan sebanyak RM22 juta bagi menampung perbelanjaan pilihan raya umum negeri Sarawak yang kelapan

baru-baru ini. Di atas kemenangan Barisan Nasional di Sarawak pada pilihan raya yang kelapan itu saya mengucapkan tahniah dan syabas. Saya juga mengucapkan syabas kepada SPR dan kepada semua kakitangan SPR yang begitu berjaya mengendalikan proses pilihan raya Sarawak itu.

Oleh kerana kecekapan anggota-anggota SPR Malaysia dan semua pihak yang terlibat kita dapat pengumuman keputusan-keputusan pilihan raya dengan begitu cepat sekali walaupun negeri Sarawak begitu luas.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada hal ini kita tidak harus melupakan pilihan raya kecil Likas yang telah berlalu. Bukan kerana Barisan Nasional telah menang dengan begitu besar di dalam pilihan raya kecil itu tetapi kerana kenapakah pilihan raya itu mesti diadakan. Sebab-sebab yang utama dalam hal ini ialah isu pendatang tanpa izin atau PTI yang menggunakan kad pengenalan palsu untuk mendaftar sebagai pengundi. Saya berpendapat bahawa isu kad pengenalan palsu ini merupakan satu isu yang besar untuk orang Sabah yang harus diperjelaskan oleh SPR.

Sehubungan dengan keputusan Hakim Mahkamah Tinggi dalam petisyen pilihan raya Likas itu saya ingin tahu sejauh manakah tindakan yang telah diambil untuk membersihkan senarai pemilih bukan sahaja di Likas tetapi di seluruh negeri Sabah pada ketika ini.

Kenyataan Pengerusi SPR bahawa SPR tidak mampu membersihkan daftar pengundi tanpa kerjasama badan-badan yang lain dan daftar tersebut akan terus dicemari oleh pengundi-pengundi hantu merupakan satu keadaan yang mengeruhkan keadaan sekarang. Ianya akan mengeruh keyakinan rakyat negeri Sabah kepada SPR.

SPR mempunyai hanya 2 ½ tahun lagi yang akan datang untuk bertindak atau mengambil langkah-langkah drastik untuk membersihkan senarai yang ada dan kita berharap agar masalah petisyen pilihan raya seperti Likas tidak terjadi lagi. Dengan peruntukan tambahan sebanyak RM22 juta SPR ini untuk pilihan raya di Sarawak kita dapat lihat bahawa banyak belanja yang diperlukan untuk mengadakan pilihan raya. Jadi, sekiranya kita tidak mengambil tindakan untuk membersihkan daftar pengundi sebelum pilihan raya yang akan datang ada kemungkinan yang petisyen-petisyen seperti yang berlaku di Likas akan terjadi.

Tuan Yang di-Pertua, kami yang daripada Sabah sangat mengambil berat tentang isu daftar pengundi ini. Ini disebabkan di Sabah dapat di setiap hari kita boleh membaca daripada surat khabar keputusan-keputusan mahkamah tentang pendatang tanpa izin atau PTI yang mempunyai kad pengenalan palsu dan

memberitahu bahawa apabila mereka mendapati kad pengenalan itu mereka telah pergi mengundi, apabila kita membaca akhbar-akhbar seperti ini kita merasa malu kerana seolah-olah sistem pentadbiran kita semacam tidak mengambil berat tentang isu kewarganegaraan. Oleh itu untuk meyakinkan lagi rakyat Sabah kepada pentadbiran kewarganegaraan, pihak-pihak tertentu khususnya jabatan..

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Christina, Datuk Ghazi minta laluan. Terperanjat dia Datuk. Jemput.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan analisis Yang Berhormat Datuk Christina tadi mengenai Suruhanjaya Pilihanraya dengan daftar pengundi yang tidak betul dan sebagainya dan bagaimana akhbar membuat laporan sebab dalam perbahasan saya sendiri pun saya bercerita sedikit tentang pengundi dan senarionya di sini. Tetapi yang di Sabah lagi nampak menggerunkan.

Saya ingin bertanya pendapat Yang Berhormat Datuk Christina, dengan kemasukan PBS sekarang dalam Barisan mungkinkah masalah ini secara tidak langsung secara spontan akan menurun dan masalah yang digembar-gemburkan di dalam akhbar itu mungkin sengaja diungkit oleh pihak pembangkang. Dan oleh kerana media ini hendak jual dan hendak melariskan penerbitan dia, jadi digembar-gemburkan seperti mana yang diceritakan oleh Yang Berhormat tadi. Jadi, mungkin yang berlaku masalahnya ada tetapi tidaklah seburuk yang diutarakan semasa PBS jadi pembangkang. Oleh kerana PBS sekarang sudah bersama kita, mungkin perkara itu sudah agak berlainan. Apa sebenarnya keadaan dari kes ini dan analisis sikit mengenai kemasukan PBS. Terima kasih Datuk.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Datuk Christina.

Datuk Christina Tibok Vanhouten: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang setujulah dengan Yang Berhormat Senator Datuk Ghazi berkenaan dengan keadaan di Sabah itu bahawa dengan kehadiran PBS barangkali dalam Barisan Nasional berkuranglah masalah-masalah mengenai dengan kad pengenalan palsu ataupun pengundi hantu. Walau bagaimanapun, kami di Sabah masih juga khawatir mengenai dengan kehadiran dua lagi parti pembangkang di Sabah.

Seperti mana yang kita ketahui bahawa bukan sahaja PBS yang pembangkang di Sabah ada juga pembangkang yang diimport daripada Semenanjung. Yang kita lebih lagi khawatir kerana kita tidak tahu macam mana pergerakan mereka nanti apabila sampai ke Sabah. Dalam pada pengalaman kami baru-baru ini dalam Pilihan Raya Kecil di Likas, kami melihat bahawa ada satu

culture ataupun budaya yang baru yang kita lihat yang tidak pernah kita lihat di Sabah dahulu di mana *culture* ini lebih lagi ganas ataupun *much more violence* daripada yang lain-lain yang pernah kita lihat di masa-masa yang lalu. Jadi, kemasukan barangkali PBS, kita belum tahu lagi Tuan Yang di-Pertua, jika PBS diterima atau tidak dalam Barisan Nasional.

Datuk Long bin Jidin: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Ada Yang Berhormat berminat. Datuk Christina beri laluan. Jemput Datuk Long.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat berminat tentang Yang Berhormat Datuk Christina menyebut tentang *culture*. Saya hendak tahu lebih lanjutlah *culture* macam mana itu. Masa pilihan raya di Sanggang dahulu, ada masyarakat saya daripada golongan Orang Asli terkejut juga dengan satu jenis budaya. Budaya tangkap-tangkap, peluk-peluk, laga-laga pipi. Jadi Orang Asli tidak pernah berlaku menengok keadaan budaya yang macam itu. Jadi mereka takut hendak datang mengundi sebab tidak pernah jumpa macam itu. Ini ada satu teknik baru. Jadi, macam mana *culture* yang berlaku di Sabah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Long ini bulan puasa ini. Lelaki dengan lelaki laga-laga pipikah atau lelaki dengan perempuan ini?

Datuk Long bin Jidin: Perempuan sama perempuan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ha, okay, okay. Jemput Datuk.

Datuk Christina Tibok Vanhouten: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Barangkali *culture* yang Datuk Long lihat itu pun serupa juga dengan *culture* yang apa yang kita lihatlah di Sabah tetapi barangkali Orang Asli tidak dapat begitu menerima tetapi orang Sabah lebih-lebih lagi tidak dapat menerima kerana kami ada berlainan sedikit kita punya cara hidup di Sabah daripada Semenanjung. Jadi, *culture* atau kebiasaan ini barangkali adalah asing kepada kamilah.

Jadi, mengenai dengan PBS barangkali biarlah ketua-ketua yang berkenaan membincangkan mengenai dengan usul kemasukan PBS dalam Parti Barisan Nasional. Ya, Datuk Ghazi, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan. Apabila kita membaca akhbar-akhbar seperti ini kita merasa malulah kerana seolah-olah sistem pentadbiran kita macam tidak mengambil berat tentang isu kewarganegaraan. Oleh itu untuk meyakinkan lagi rakyat Sabah kepada pentadbiran kewarganegaraan, pihak-pihak tertentu khususnya Jabatan Pendaftaran Negara dan jabatan-jabatan yang berkenaan perlu mengambil perkara ini dengan serius. Ini adalah disebabkan bukan sahaja implikasi kos pilihan

rayanya di atas petisyen-petisyen tetapi juga perkara keyakinan kepada pentadbiran negara.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang saya ingin sentuh pada kali ini ialah tentang B 26 iaitu peruntukan untuk Kementerian Pendidikan yang berjumlah lebih daripada RM271 juta. Dalam pada hal ini saya akan menyentuh tiga perkara.

Satu tentang pemberian kereta atau kenderaan yang sesuai untuk jalan-jalan luar bandar di Sabah untuk penyelia-penyelia sekolah yang perlu melawat beberapa zon. Banyak kali mereka terpaksa menggunakan kenderaan mereka yang bukan kereta *four wheel drive* dengan izin, dan kerosakan kereta mereka itu adalah menjadi beban kepada mereka untuk memperbaiki. Oleh itu saya ingin sarankan bahawa kementerian mempertimbangkan agar PPD di Sabah ini supaya diberi kemudahan yang sesuai supaya mereka dapat menjalankan tugas mereka dengan lebih berkesan.

Perkara yang kedua yang saya ingin sentuh dalam hal pendidikan ini ialah tentang pelaksanaan pengajaran Bahasa Kadazandusun di sekolah-sekolah kerajaan. Persoalan saya Tuan Yang di-Pertua ialah apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian untuk memenuhi usaha ini. Sudahkah kementerian memulakan pendidikan atau melatih guru-guru di Maktab Gaya Sabah khususnya untuk mereka yang terlibat dalam pendidikan Bahasa Kadazandusun.

Saya difahamkan bahawa ada 2000 orang guru terlibat dalam pembelajaran Bahasa Kadazandusun di lebih daripada 700 buah sekolah di Sabah. Guru-guru ini tidak kesemuanya terlatih secara formal. Selain daripada itu saya juga minta kementerian terangkan tentang masa atau jadual pengajaran bahasa-bahasa bumiputera ini. Adakah kementerian mengambil langkah-langkah untuk memastikan supaya pembelajaran bahasa dapat dibuat semasa jadual sekolah dan bukan selepas jadual. Menjadualkan pembelajaran bahasa bumiputera ini selepas jam 12.00 misalnya amat membebankan guru-guru dan murid-murid kerana murid-murid pun lapar dan guru-guru pun mungkin tidak ambil berat kerana tiada mendapat apa-apa imbuhan atau tambahan gaji.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan pembelian tanah untuk tapak sekolah. Beberapa buah sekolah baru dibina di Sabah telah ditempatkan di kawasan tanah yang rendah di masa musim tengkujuh atau *rainy season* dengan izin, seperti musim sekarang ini, daripada bulan November hinggalah Februari banyaklah kawasan-kawasan dan bangunan-bangunan sekolah itu kena banjir. Jadi, bila kena banjir, budak-budak itu bercuti tidak kurang antara satu atau dua minggu. Tambah pula lanskap sekolah

seperti bunga, padang sekolah, kadang-kadang harta benda sekolah yang lain rosak kena banjir.

Satu sekolah yang biasa kena banjir berdekatan dengan rumah saya di Menggatal ialah SRK Darau. Oleh itu saya haraplah kementerian dapat mengenal pasti sekolah-sekolah yang bertempat di kawasan yang boleh dibanjiri air dan *allocate*kannya atau dipindahkan semula di tempat atau kawasan yang tinggi sedikit dan lebih luas untuk pembangunan masa hadapan sekolah. Saya harap kepada Kementerian Pendidikan untuk mengambil berat kepada sekolah-sekolah yang bertempat di kawasan banjir.

Kita mahu anak-anak kita belajar di tempat-tempat yang selesa, sesuai dan selamat. Begitu juga guru-guru kita supaya mereka dapat menanam minat untuk berkhidmat dengan lebih dedikasi dengan suasana yang menggalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2001) (No.2) ini melibatkan Belanjawan tambahan yang melebihi RM1.5 bilion. Ianya satu pertambahan yang cukup besar dan dibentangkan sebelum Belanjawan 2002 yang baru akan dibentangkan pada minggu hadapan. Saya harap pada masa-masa yang akan datang perancangan untuk perbelanjaan oleh kerajaan dapat dirancang lebih teliti lagi supaya kita tidak kelam kabut. Apa yang saya ambil berat ialah *timing* dengan izin, kelulusan jumlah ini. Wang sebanyak ini mungkin tidak boleh digunakan semua untuk tahun ini kerana kita telah pun sampai kepada penghujung tahun. Mengikut kajian impak sepenuhnya jumlah ini barangkali hanya dapat dinikmati pada tahun hadapan. Walau bagaimanapun, saya harap pengurusan dan pengendalian semua program dan projek yang dimaksudkan oleh perbekalan tambahan ini akan menepati kepada tujuannya.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2001) (No.2) ini. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Jemput Datuk.

5.00 petang

Tuan Yew Tuan Chiew: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan rang undang-undang bernama satu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2001 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya terasa bahawa akta perbelanjaan tambahan ini merupakan kali yang kedua bagi tahun 2001. Malahan jumlah wang yang dituntut mencatat sebanyak RM1,537,800,000. Kami semua berharap bahawa semua kementerian akan merancang dan mengkaji sesuatu projek dengan teliti sebelum ianya dilaksanakan supaya tidak selalu meminta peruntukan perbelanjaan tambahan begitu banyak.

Tuan Yang di-Pertua, seperti perbelanjaan sebuah syarikat jika tidak merancang dengan dikawal pendapatannya tidak akan dapat menampung perbelanjaannya dan syarikat tersebut akan menghadapi masalah kewangan kemudian dan terpaksa bankrap, malahan ini adalah bagi sebuah negara.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita telah menghasilkan ramai pakar-pakar perakaunan dan mengharum namanya di dunia tetapi mengapa kita perlu sekali lagi mengadakan peruntukan wang untuk perbelanjaan tambahan, rakyat akan sangsi terhadap keupayaan kerajaan dalam merancang dalam melaksanakan projek-projeknya. Dan menimbulkan anggapan yang negatif terhadap kerajaan bahawa kerajaan mensia-siakan dengan wang yang diperuntukkan. Peruntukan perbelanjaan tambahan seharusnya hanya diberi kepada kes-kes cemas seperti berlakunya bencana alam yang besar dan kes-kes istimewa seperti memberi subsidi kereta kepada guru-guru baru-baru ini. Saya berharap bahawa peruntukan perbelanjaan tambahan seperti kali ini merupakan kali yang terakhir dan tidak diulangkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan peruntukan untuk Kementerian Pendidikan, maksud B.26 rang undang-undang berjumlah wang sebanyak RM271,283,800. Tidak dapat dinafikan bahawa pendidikan merupakan perkara yang amat penting kepada kita semua. Kemajuan sebuah negara bergantung kepada tahap ketinggian pendidikan rakyatnya, oleh itu mengambil berat terhadap pendidikan adalah fokus yang betul tetapi tempat yang mendidik para pelajar iaitu sekolah kita, kebanyakannya tidak 'melengkapi' dengan infrastruktur dengan sempurna dan kebanyakan perlu diperbaiki terutamanya Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina. Biasanya memerlukan sumbangan wang derma dan tenaga daripada masyarakat tempatan untuk memperbaiki dan membayar guru-guru sementara.

Oleh kerana sekolah adalah tempat yang menghasilkan pakar-pakar dan pemimpin-pemimpin masa depan negara, kerajaan harus mengambil banyak perhatian untuk mempertingkatkan tahap sekolah dan tidak mengira sama ada sekolah itu bantuan modal atau bantuan penuh. Saya berharap kementerian pendidikan dapat mengambil perhatian dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit berkenaan peruntukan untuk Kementerian Kerja Raya, maksud B.33, rang undang-undang berjumlah wang sebanyak RM204,647,300. Saya berharap Kementerian Kerja Raya mengambil perhatian terhadap projek-projek di mana jalan yang baru disiapkan tetapi harus dibuat semula disebabkan oleh jalan tersebut tidak tahan langsung dalam jangka masa yang singkat dan terhadap jalan-jalan yang dikorek tetapi lama tidak diperbaiki dan tidak mempunyai tanda-tanda bahaya yang jelas, saya berharap perhatian ini diambil oleh Kementerian Kerja Raya supaya tidak mensia-siakan wang, masa, kesulitan dan keselamatan rakyat yang menggunakan jalan tersebut.

Saya juga berharap bahawa Kementerian Kerja Raya mengadakan undang-undang memastikan pekerja-pekerjanya dan kontraktor-kontraktornya mengambil kursus keselamatan supaya ketika melaksanakan kerja masing-masing. Meningkatkan keselamatan orang-orang awam. Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata sedemikian saya turut menyokong rang undang-undang ini. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Datuk Long

5.08 petang

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua kerana saya diberi peluang untuk membahas akta pembekalan tambahan 2001 (No.2) 2001. Yang pertama tentang B.4 Suruhanjaya Pilihanraya, walaupun ada di kalangan rakan-rakan kita tadi tidak bersetuju dengan cara ataupun hasrat Suruhanjaya Pilihanraya untuk melaksanakan satu sistem pengundian daftar pemilih secara automatik yang mana didapati oleh Jabatan Pendaftaran Negara tapi bagi saya, saya amat bersetuju cara tersebut dilaksanakan dan diguna pakai. Ini memandangkan cara pendaftaran pemilih yang ada sekarang ini didapati pegawai-pegawai yang mendaftar pemilih apabila pihak Suruhanjaya membenarkan sesuatu data pemilih dilaksanakan mereka hanya membenteng kain rentang di balai-balai raya, di pejabat-pejabat, tunggu dan lihat sahaja menunggu rakyat datang untuk mendaftar sebagai pendaftar pilihan raya.

Bagi masyarakat saya yang duduk jauh di pedalaman, macam kata Datuk Mansor, dia terkejut tengok di Kuala Tembeling, Pahang katanya, tidak ada jalan raya, hanya dilalui dengan sungai sahaja tetapi untuk makluman Yang Berhormat Datuk Mansor, kedudukan masyarakat saya sekarang ini yang ada di pedalaman hampir sama dengan yang ada di Kampung Kuala Tembeling yang seperti Yang Berhormat Datuk Mansor terkejut hari ini dalam ucapan, *maiden speech* Yang Berhormat.

Perkara ini bagi masyarakat Orang Asli biasa. Kebanyakan tempat-tempat di kampung-kampung masyarakat saya memang jauh, ada yang terpaksa naik helikopter, kata Orang Asli burung besi sebab burung itu boleh terbang, sebab itu dipanggil burung besi. Kalau makan lauk ikan sardin disebut ikan kurung, banyak *term* orang di pedalaman ini berbeza dengan orang luar.

Jadi dalam pilihan raya, masa untuk daftar pilihan raya, harapan saya kalau didaftar secara automatik oleh Jabatan Pendaftaran Negara digunapakai iaitu lebih baik sebab masyarakat saya di pedalaman biasanya tidak ada orang yang berjalan, masuk dalam kampung daftar mereka untuk jadi pemilih.

Jadi akhirnya, kebanyakan masyarakat saya di pedalaman tidak jadi pemilih sedangkan semua tahu masyarakat Orang Asli ini memang *solid* kepada Barisan Nasional. Jadi harapan saya, kalau beginilah hasrat kerajaan untuk dijadikan daftar secara automatik ini, saya amat menyokong sepenuhnya.

Jadi perkara-perkara lain seperti pengundi hantu, walaupun pengundi ini tidak mungkin jadi hantu, hantu ini tidak nampak, tetapi kalau sudah nampak bukan hantu. Pengundi yang tidak betul, daftar pengundi tercicir. Kadang kala pengundi yang sudah meninggal pun masih ada, tempat mengundi dahulunya mengundi tempat A sekarang tempat mengundi sudah bertukar ke tempat B, tidak akan berlaku. Hasrat saya kalau boleh Suruhanjaya Pilihan Raya menggunakan alamat yang ada pada kad pengenalan sebagai tempat untuk mereka mengundi. Kalau dia hendak tukar tempat mengundi, dia kena tukar alamat pada kad pengenalan. Maksudnya tidak adalah timbul pengundi yang disebut tidak nampak tadi, pengundi hantu. Cara ini juga akan memberi ruang yang lebih demokrasi dan memberi hak kepada rakyat untuk memilih pemimpin-pemimpin mereka.

Tentang B.26 Kementerian Pendidikan. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana memberi perhatian kepada golongan perguruan yang akan menikmati kenaikan gaji. Baru-baru ini ada satu *announcement* ataupun pengumuman yang telah dibuat oleh Menteri Pendidikan. Kenaikan gaji di antara 20% ke 30% berkuat kuasa serta merta dan tidak termasuk kenaikan gaji tahunan 10% yang diumumkan oleh Perdana Menteri dalam Belanjawan yang lepas. Ini satu kenaikan yang istimewa dan harapan saya supaya golongan guru ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan dan sebagai balasannya saya mengharapkan supaya kaum guru mestilah bekerja lebih gigih kalau hendak dibandingkan dengan dahulu.

Tambahan pula, ada rakan-rakan saya menyatakan tadi ada lagi kemudahan wang pinjaman kenderaan sebanyak RM1.2 bilion, sungguh istimewa. Tetapi ingin

saya menyatakan, walaupun begitu banyak keistimewaan yang telah diberi kepada guru, saya dapati ada di tempat saya di pedalaman masyarakat saya, ada satu kes dalam bulan Oktober yang lepas. Saya telah menghadiri satu kem kesihatan yang dilakukan oleh Jabatan Orang Asli. Kalau hendak masuk di kawasan pedalaman tersebut memakan masa berjalan, kalau bagi masyarakat Orang Asli satu hari, kalau Yang Berhormat Senator rasa hendak pergi mungkin dua hari baru boleh sampai tetapi dengan ihsan kerajaan negeri dan TUDM, kami diberi naik helikopter, masanya lebih kurang dekat 20 minit dari bandar Kuala Lipis ke satu tempat bernama Pos Lenjang.

Apabila sampai di Kampung Pos Lenjang, tetamu utama yang selalu kami jumpa, saya jumpa sendiri ialah guru yang ada di situ. Secara kebetulan, guru yang ada daripada tiga orang, tinggal seorang. Dua orang guru lagi pergi ke luar dan sudah dua minggu tidak masuk di kawasan pedalaman kerana jalan kaki, maklum sahajalah jalan kaki. Apabila tanya guru yang mengajar tersebut, apa masalah yang dia ada? Dia kata masalah banyak, pedalaman - api tidak ada kecuali ada generator enjin diesel. Kadang kala minyak diesel pun tidak ada, jadi sekejap terang dan sekejap gelap sebab minyak diesel tidak boleh bawa dengan helikopter, kena pikul. Pikul memakan masa satu hari, itu pun kalau Orang Asli yang bawa, kalau guru dua hari.

Lepas itu murid-murid seperti kata Dato' Aziz menjawab satu soalan tentang keciciran masyarakat Orang Asli, dia kata kalau musim durian, Orang Asli tidak hendak datang sekolah, dia pergi pungut durian, ikut ibu bapa dia, cicir seminggu atau dua minggu tidak datang ke sekolah, malas, kemudahan tidak ada, guna air sungai, kadang kala bila hari hujan, airnya jadi kuning dan pelbagai lagi.

Semua masalah ini tidak boleh diatasi oleh seorang wakil rakyat. Pada masa yang sama yang hadir adalah seorang Exco yang menjaga Orang Asli. Dia pun tidak boleh atasi masalah-masalah yang dinyatakan tadi. Apabila sesudah jumpa guru, kami berjumpa pula ibu bapa. Perkara yang sama tentang persekolahan, cikgu kata, "Kenapa kamu tidak hantar ke sekolah, kamu bawa anak kamu pergi cari durian". Ibu bapa jawab, "Macam mana saya hendak hantar anak saya sekolah encik, guru datang pukul 10, balik pukul 11", dia kata [Ketawa] Ha, Datuk Mansor suka. Ini pengalaman Datuk Mansor, adalah itu. "Kadang kala guru ada, kadang kala guru tidak ada. Jadi anak saya hendak ke sekolah, sekali datang, sekali tidak datang, lebih baik tidak payah datang," dia kata. Mekan kadang kala ada, kadang kala tidak ada, macam-macam lagi.

Apabila kita sudah dapat maklumat daripada ibu bapa, saya juga pergi bertanya kepada murid, mengesahkan perkara yang sebenar, murid pun bercakap perkara yang sama.

Kesimpulannya, apabila kerajaan sekarang hendak menguatkuasakan meritokrasi untuk memasukkan pelajar-pelajar yang cemerlang sahaja pergi ke sekolah, kalau beginilah keadaannya, yang kes di kampung saya.. *[Memandang ke arah Yang Berhormat Datuk Mansor]* Datuk Mansor sudah geleng kepala, dia sudah tahu jawapannya. Kalau beginilah keadaannya saya rasa mungkin pada masa akan datang Tuan Yang di-Pertua, masyarakat saya tidak ada peluang hendak masuk universiti, hendak segala-galanya cemerlang. Kalau sudah darjah satu dan darjah dua tidak boleh bersekolah dengan cara yang betul, malah ada seorang dua murid yang saya tanya, dia sudah Darjah Dua, "Boleh eja nama?" dia tidak boleh eja nama sendiri. Bagaimana? Kalau sudah Darjah Dua tidak boleh mengeja nama sendiri, sedangkan duduk di bandar pra sekolah boleh eja nama sendiri, boleh main komputer, bagaimana hendak dibandingkan dengan masyarakat di pedalaman yang tidak pernah bertemu dengan perkara-perkara seperti ini...

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: *[Bangun]*

Puan Jamilah Ibrahim: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Long, saya rasa Datuk Mansor bangun lebih dahulu....

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Oh *[Ketawa]* Hendak minta komen Datuk Long, bila Datuk Long kata Darjah Dua tidak tahu mengeja nama, adakah Datuk Long tahu bahawasanya di sekolah bandar pun sudah Tingkatan Dua pun tidak tahu membaca, perkara ini wujud.

Jadi dalam hal ini, bagaimana pandangan Datuk Long kalau hendak dikatakan bila saya kata sekolah dalam bandar pun ada murid-murid di Tingkatan Dua, bukan Darjah Dua yang tidak boleh membaca langsung. Terima kasih.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Datuk Mansor. Kalau begitulah keadaannya, pepatah yang boleh saya nyatakan, bukan salah ibu mengandung. Kalau Tingkatan Dua sudah tidak boleh eja nama sendiri, bukan salah ibu mengandung. Itu bukan kesilapan guru-guru tetapi mungkin kesilapan ibu bapa ataupun murid itu sendiri. Mustahil kalau sudah sekolah hingga Tingkatan Dua, sudah mencapai lapan tahun bersekolah, tidak boleh eja nama, di tempat kemudahan yang sedia cukup segala-galanya. Kemungkinan murid itu sendirilah yang bermasalah ataupun ibu bapanya yang tidak ambil tahu tentang

masalah murid. Masalah-masalah begini saya rasa tidak boleh hendak disalahkan kepada kerajaan. Maksud saya, yang saya nyatakan cerita di pendalaman.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Long, saya hendak respons sikit pada kenyataan Datuk Mansor tadi. Memang ada pengalaman saya sebagai guru, murid Tingkatan Dua ataupun pelajar Tingkatan Dua tidak boleh membaca tetapi masalahnya kepada murid itu sendiri. Mesti ada masalah pembelajaran. Sekarang, kementerian ada pelbagai kelas, yang lambat belajar, dia kumpulkan setempat ataupun ada masalah-masalah pendengaran dan sebagainya. Saya rasa, kalau di Tingkatan Dua tidak boleh membaca, memang masalah. Jadi, itu sebabnya kementerian sudah pun kenal. Jadi, dari masa ke semasa, dia cuba atasilah. Yang sekolah tadi itu, Darjah Dua tidak boleh eja nama, itu ada masalah sikit. Jemput Yang Berhormat Datuk Long.

Puan Jamilah binti Ibrahim: *[Bangun]*

Datuk Long bin Jidin: Saya bagi kakak.

Timbalan Yang di-Pertua: Haa, jemput Puan Hajah Jamilah.

Puan Hajah Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Datuk Long. Saya tertarik dengan permasalahan yang kita sama-sama memikirkan cara mengatasi supaya semua kanak-kanak dan semua pelajar tidak ada yang tertinggal, buta huruf dan buta membaca. Jadi, tertarik mengenai perkampungan dan Orang-orang Asli di antara Tapah hendak ke Cameron Highlands. Jadi, saya nampak di situ masih ramai yang tidak ada satu perubahan, melihat kepada perkembangan terkini kerana kita melihat sepanjang jalan, mereka dengan jualan kayu-kayu dan bahan-bahan khazanah hutan. Jadi saya hendak tahu, mungkin dalam pemantauan Datuk Long, di situ, adakah sekolah ataupun sejauh mana pendidikan menyeluruh yang diambil kira termasuk juga Orang-orang Asli di Gua Musang. Jadi, saya pun tidak mempunyai pengalaman banyakkah mengenai Orang-orang Asli yang berada di Gua Musang itu. Jadi, saya berminat jugalah untuk hendak tahu dan bertanya pandangan Datuk Long sendiri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Jemput Datuk Long.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Puan Hajah Jamilah. Yang pertama tentang masyarakat Orang Asli di jalan Tapah, jalan Cameron Highlands. Kebanyakan mereka di kalangan masyarakat Orang Asli itu, kaum suku Senoi, duduk di sepanjang jalan di antara Tapah ke Cameron Highlands, duduknya adalah di tanah rizab Jabatan Hutan. Itu sebabnya, kalau kita lihat di tempat tersebut, dari segi pembangunan infrastruktur, sukar untuk dimajukan sebab tanah itu bukan tanah mereka. Dari segi

persekolahan, mereka kebanyakannya bersekolah di Tapah. Ada asrama khas Orang Asli di Tapah.

Manakala, masyarakat Orang Asli di jajahan Gua Musang, kebanyakannya sekolah di setiap pos-pos pedalaman itu, dia ada sekolah-sekolah kecil, di antara Darjah Satu sampai Darjah Tiga. Kemudian, masuk Darjah Empat, mereka akan dipindahkan di sekolah pos dekat Gua Musang itu, apa nama pos itu, saya lupa namanya, memang dipindahkan. Disebut dekat Gua Musang itu, ada satu pos.....*[Bertanya kepada Yang Berhormat di belakang]*

Seorang Ahli: Jelai.

Datuk Long bin Jidin: Bukan. Adalah satu perkampungan RPS, Betis, Pos Betis, ada sekolah di situ. Kebanyakan di pedalaman Gua Musang yang saya cerita tadi, hampir sama kedudukannya. Ada yang terpaksa jalan kaki dua hari, tiga hari, tetapi saya bersyukur dengan adanya laluan lebuhraya di antara Gua Musang ke Cameron Highlands, ada satu lebuhraya merentas di tengah-tengah kampung Orang Asli. Harapan saya, dengan adanya jalan raya ini, segala kemudahan yang akan disalurkan kepada masyarakat Orang Asli di Gua Musang, dapat diselesaikan.

Begitu juga kes yang saya nyatakan tadi, di pos yang saya nyatakan tadi, yang baru-baru ini saya cerita tentang naik burung besi, di Pos Lenjang. Sekarang ini pun, ada Kementerian Pembangunan Luar Bandar ingin membina jalan raya dengan kos RM2 juta, baru lulus. Dengan adanya jalan itu harapan saya perkara-perkara seperti ini tidak berlaku.

Tetapi pokok yang saya hendak ceritakan tadi adalah berkaitan dengan kegagalan guru untuk menjalankan tugas mereka dan kedaifan masyarakat Orang Asli untuk bersaing dengan masyarakat luar terutama apabila dasar merit kecemerlangan pelajar akan diutamakan kepada pelajar-pelajar secara serata. Akhirnya, masyarakat saya di kalangan masyarakat Orang Asli, mungkin peluang untuk masuk universiti itu, peratusnya mungkin menurun. Sedangkan ada pengumuman oleh Menteri yang menjaga Orang Asli, akan datang targetnya sekurang-kurangnya 200 murid Orang Asli akan masuk universiti tiap tahun. Tetapi, dalam keadaan begini, nampaknya kalau Kementerian Pendidikan untuk melaksanakan sistem merit kecemerlangan ilmu untuk masuk ke universiti, saya fikir, saya jangka masyarakat saya mungkin tidak tercapai pada angka yang kita targetlah....

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Long, sebelum menyambung, nampak Datuk Ghazi minta laluan.

Datuk Long bin Jidin: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua: Jemput Yang Berhormat Datuk.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana, saya nampak macam dengan Menteri penduduk asli di sinilah. Saya ingat, saya hendak tanya juga maklumat sedikit tentang taburan Orang Asli ini. Saya jahil dari segi tajuk ini. Sebab itu, saya hendak faham sedikit. Taburan Orang-orang Asli di perkampungan, sepintas lalulah, *general scenario* kalau boleh dapat bagi, bilangannya, di kelompok-kelompok mana? Sekarang, saya tahu di Pahang sikit, di Tapah sikit, di Gua Musang sikit, di Cameron Highlands, begitulah. Jadi, *rough numbers* dan jumlahnya sebab kita hendak kaitkan dengan permasalahan pendidikan termasuk Kementerian Pembangunan Luar Bandar, jadi, kita boleh *appreciate* lebih. Itu sahajalah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Jemput Datuk Long. Nampak macam tanya Menteri sahaja ini. Jemput. *[Ketawa]*

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun minta rakan-rakan daripada Dewan ini doakan supaya salah seorang Orang Asli, suatu masa kelak akan jadi Menteri. *[Ketawa] [Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua: Insya-Allah.

Datuk Long bin Jidin: Untuk menjawab pertanyaan Datuk Ghazi, Orang Asli di Malaysia keseluruhannya, adalah lingkungan 120 ribu orang. Ramai sedikit daripada rakan saya, golongan kaum Thailah. Penduduk negeri yang ramai sekali ialah di negeri Pahang, lebih kurang 44 ribu orang, yang kedua Perak 32 ribu orang. Yang lain-lainnya, di Johor lebih kurang 12 ribu orang, Kelantan 15 ribu ke 17 ribu orang, Terengganu sedikit, tidak sampai 1 ribu orang. Itu sebab di Terengganu, Jabatan Orang Asli dikawal oleh Pengarah Orang Asli daripada negeri Kelantan. Di negeri Pulau Pinang tidak ada Orang Asli. Di Melaka, Negeri Sembilan ada Orang Asli. Di Melaka dengan Negeri Sembilan dikawal oleh Pengarah Orang Asli Negeri Sembilan. Di Kuala Lumpur tidak ramai, lebih kurang dalam jangkauan 5 ribu orang. Di Kedah, tempat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada, kaum suku Jahai, rupa mereka memang besar serupa Negro dan kami mempunyai 18 etnik yang berbeza-beza.

Kalau di pedalaman, rambut kerinting, hidung besar, bibir tebal, buntut tonggek. *[Ketawa]* Saya bercerita secara jujur. Rakan-rakan jangan ketawa. Kenapa rambut Orang Asli kerinting, Sebab dia tidak pernah bersikat. Kenapa hidungnya besar? Sebab kedudukan Orang Asli, duduk di atas bukit, turun naik bukit, nafasnya memang keluar masuk, hidungnya jadi besar. *[Ketawa] [Dewan]*

gamat seketika] Bibirnya tebal, sebab Orang Asli duduk di pedalaman, makan buah-buah yang bergetah, jadi bibir terus menerus jadi tebal, bengkak sana, bengkak sini. *[Ketawa]* Buntutnya yang tonggek, sebab naik bukit, selalu lutut sampai ke dagu. Akhirnya, keadaan fizikal Orang Asli begitulah. Manakala saya ini, sedikit murtad Orang Asli, jadilah begini. *[Ketawa]* *[Dewan gamat seketika]* Itu hanya melucu sahaja. Janganlah ketawa.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Long, nampak cerita makin petang, makin menarik ini. Tetapi, oleh kerana masa tidak mengizinkan, kita sambung perbahasan untuk Datuk ke hari esok.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan Majlis Mesyuarat Dewan ini ke hari esok, Selasa 4 Disember 2001, jam 10.00 pagi.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

26 November 2001

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum, D.P.M.S.
(Dilantik)

" Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)

" Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,
Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
(Dilantik)

" Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia (Dilantik)

" Menteri Pendidikan,
Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed, P.S.M., D.P.M.N.,
D.P.C.M. (Dilantik)

" Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin
(Dilantik)

" Timbalan Menteri Pendidikan,
Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.

(Dilantik)

- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Adnan bin Tengku Mansor, (Dilantik)
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk M. Kayveas P.J.N. (Dilantik)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan Datuk Zainudin bin Maidin, (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Tan Sri Dato’ Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)
- “ Dato’ Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun (Dilantik)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)
- “ Dato’ Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)

Yang Berhormat Datuk Dr. Charlie Chau Lap Chang (Dilantik)

- “ Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)
- “ Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
- ” Datuk Christina Tibok Vanhouten (Sabah)
- ” Datuk Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Datuk Ghazi bin Haji Ramli, D.P.M.S., D.I.M.P. (Selangor)
- “ Dato’ Hamzah bin Zainudin (Perak)
- “ Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)
- “ Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
- “ Tuan Ho Lim Teck (Melaka)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye (Dilantik)
- “ Puan Jaya Partiban (Dilantik)
- “ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
- “ Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)
- “ Tuan Haji Karim bin Salleh (Perlis)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Tuan Kee Ah Kau (Selangor)

- “ Dato’ Lee Pit Chern (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
- “ Datuk Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae, (Dilantik)
- “ Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mazlan b in Abu (Johor)
- “ Puan Hajah Melati binti Ali (Pahang)
- “ Puan Melanie Chia Chui Ket (Dilantik)
- “ Datuk Haji Mohamed bin Omar Beledram (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ Haji Mohamed bin Ya’acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato’ Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani (Dilantik)
- ” Tuan K. R. A. Naidu (Dilantik)

Yang Berhormat

- Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)
- “ Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)
- ” Dato’ Poo Yew Choy, D.I.M.P., A.M.P. (Pahang)
- “ Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)
- “ Tuan M. Ratnam (Dilantik)
- “ Tuan M. Saravanan (Dilantik)
- “ Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
- “ Tuan R. Sinniah (Dilantik)
- “ Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
- “ Puan See Too Mee (Johor)
- “ Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)
- “ To’ Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Tuan Wee Kok Tiong (Dilantik)
- “ Tuan Yew Teong Look (Dilantik)
- “ Tuan Yew Tuan Chiew (Perak)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA

PEGAWAIPEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara

Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaiton binti Yaacob
Abd. Talip bin Hasim
Noorhazmah binti Hamzah
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Syed Azuddin bin Syed Othman
Habibunisah Mohd. Azir
Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN

MESIN CETAK
Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Ruhana binti Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Alias bin Mohd. Nor

PARLIMEN KESEPULUH
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA

Jilid III

Bil. 30

Isnin

3 Disember 2001

K A N D U N G A N

PENGUMUMAN TUAN YANG DIPERTUA
Cuti Kepada Ahli - Kebenaran
(Halaman 1)

JAWAPAN - JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN - PERTANYAAN
(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2001)(No.2) 2001
(Halaman

25)